

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 62

Isnin

14 November 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):

Kejatuhan Universiti Tempatan Di Tangga THES

World University Ranking 2005

- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)

(Halaman 19)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 13

(Halaman 21)

Maksud B. 20

(Halaman 73)

Maksud B. 21

(Halaman 94)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 13

(Halaman 21)

Maksud P. 20

(Halaman 73)

Maksud P. 21

(Halaman 94)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 14 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Jelaing Mersat [Saratok]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menempatkan jururawat atau jururawat masyarakat di klinik desa di mana ramai pesakit memerlukan rawatan.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat perkhidmatan kesihatan di negara ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang mudah dicapai oleh semua rakyat dan selaras dengan matlamat itu klinik-klinik desa telah dibina di kawasan luar bandar dan tempat terpencil dalam usaha kerajaan untuk meluaskan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah yang proaktif dan komited dengan menempatkan kakitangan kesihatan terutama jururawat dan jururawat masyarakat di klinik-klinik desa seluruh negara. Kementerian Kesihatan juga sentiasa memantau kemudahan (*facility*) agar mempunyai tenaga sumber manusia yang mencukupi untuk memberi perkhidmatan rawatan yang berkualiti kepada pesakit. Dengan ini seluruh rakyat di bandar mahu luar bandar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan yang berteraskan kepada konsep dengan izinnya, *equity*, *affordability* dan *accessibility*. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kemukakan soalan ini oleh kerana di hospital daerah di kawasan saya iaitu di Saratok, selalunya pada hari Isnin terutama sekali (NE) itu atau tempat pesakit luar, hari itu agak sesak dan pesakit-pesakit terpaksa menunggu sampai setengah hari Yang Berhormat Menteri. Kalaulah tenaga manusia seperti *nurses* atau pun (MA) diposkan kepada tempat-tempat yang pedalaman sedikit, saya rasa masalah ini dapat di atasi. Jadi, adakah kementerian merancang supaya lebih lagi pegawai perubatan ataupun (MA) ditempatkan di klinik-klinik desa. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Yang Berhormat. Memang menjadikan hasrat kami supaya kita dapat mengoptimumkan sumber manusia yang sedia ada dengan Kementerian Kesihatan. Seperti kita sedia maklum Kementerian Kesihatan memang menghadapi kekurangan doktor dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan sokongan termasuklah jururawat dan jururawat masyarakat. Maka dengan ini, kebelakangan ini kita telah menurunkan kuasa

kepada pengarah negeri supaya pengarah-pengarah negeri mempunyai kuasa untuk menukarkan pegawai Perubatan dan kakitangan perkhidmatan sokongan dalam negeri masing-masing supaya jawatan itu diagih mengikut beban kerja. Maka dengan itu pengarah negeri dapatlah memberi menggunakan budi bicara dan kebijaksanaan masing-masing supaya pegawai-pegawai daripada doktor kepada jururawat boleh *transfer* dengan izinnya, daripada klinik atau hospital yang tidak begitu sibuk dan beban kerja tidak begitu berat kepada klinik yang di mana ada keperluannya. Dan kita sentiasa memberi perhatian kepada klinik-klinik dan hospital-hospital yang menghadapi kekurangan doktor dan pegawai perkhidmatan sokongan yang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Selamat Hari Raya. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya sama ada menyedari bahawa terdapat pusat-pusat kesihatan langsung tidak ada doktor, tidak ada jururawat seperti contohnya

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: di Pusat Kesihatan Tongot. Saya telah memaklumkan kepada kementerian, sehingga hari ini tidak ada tindakan, dan saya juga telah memaklumkan bahawa terdapat kampung-kampung yang memerlukan klinik desa, sehingga hari ini jawapan kementerian tidak cukup peruntukan. Jadi, apa kedudukan sebetulnya sama ada kita ada peruntukan untuk memberi khidmat kesihatan kepada masyarakat kampung atau pun tidak atau pun bagaimana, atau pun apakah kementerian hanya menumpukan kepada berpuluh di bandar-bandar dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya kami seperti kementerian yang lain menghadapi masalah peruntukan yang terhad dan kita seharusnya rasa bangga kerana walaupun kita ditakrifkan sebagai sebuah negara yang sedang membangun tetapi hampir 90 peratus rakyat kita duduk atau menetap tidak lebih daripada lima kilometer daripada kemudahan kesihatan yang tetap dan tidak dapat dinafikan juga bahawa di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak. Memandangkan kawasannya yang begitu luas dan taburan penduduk yang tidak padat di sesuatu kawasan melainkan di luar bandar maka adalah sukar untuk membina klinik desa atau klinik kesihatan di seluruh negeri tersebut khususnya di Sabah dan Sarawak.

Walaupun di Rancangan Malaysia Kesembilan, Sabah memohon hampir satu bilion peruntukan yang telah dikemukakan kepada agensi pusat supaya kita dapat menambah bilangan klinik-klinik kesihatan dan klinik desa. Dari segi bilangan klinik kesihatan, kita mempunyai lebih daripada 860 lebih klinik kesihatan dan hampir dua ribu klinik desa di seluruh negara. Mungkin ada kekurangan di sini dan sana, di Sabah dan Sarawak dan ini adalah benar bahawa dari segi

peruntukan dan dari segi sumber manusia memang tidak mencukupi dan kita sedang berusaha supaya ia dapat ditangani secara berperingkat.

Saya berharap Yang Berhormat dapat bersama-sama bersabar [*Disorak*] supaya mungkin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukan tambahan kita akan mudah-mudahan membina lebih banyak lagi klinik desa dan klinik kesihatan di Sabah, khususnya di kawasan Kinabatangan. [*Disorak*]

2. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Kewangan menyatakan “*breakdown*” jumlah kerugian sebelum cukai bagi suku pertama tahun 2005 yang dilaporkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus lapan Puluh Juta oleh Sistem Penerbangan Malaysia baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, bagi suku tahun 2005, MAS sebenarnya telah pun mencatat kerugian sebelum cukai sebanyak RM274.9 juta, manakala kerugian selepas cukai adalah sebanyak RM280.7 juta. Kerugian sebelum cukai sebanyak RM274.9 juta yang dicatatkan oleh MAS sebelum kerugian tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan yang mendadak kos bahan api iaitu sebanyak 57.7% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2004, dan kos bahan api adalah merupakan komponen utama kos operasi MAS dengan komposisi sebanyak 43%.

Pecahan ataupun *breakdown* kerugian sebelum cukai adalah seperti berikut:

- (i) hasil adalah sebanyak RM2,846.3 juta;
- (ii) kos operasi RM2,582.5 juta; kemudian
- (iii) EBITDAR ataupun *Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation, Amortization and Rental* sebanyak RM263.8 juta;
- (iv) kos modal RM521.6 juta;
- (v) untuk untung rugi operasi adalah sebanyak RM287.8 juta;
- (vi) jualan aset sebanyak RM9.2 juta; dan
- (vii) saham daripada syarikat-syarikat bersekutu RM3.7 juta.

Jadi, jumlahnya untung rugi sebelum cukai bagi suku pertama 2005 ialah RM274.9 juta, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Dalam sejarah MAS, ia selalu mengalami kerugian yang besar dan kadangkala memerlukan bantuan kerajaan, ini membolehkan MAS terus beroperasi dan tidak menghadapi definisi bankrap. Baru-baru ini telah dilaporkan bahawa MAS akan menjalankan satu kos *cutting drive* di mana pegawai-pegawai kanan akan diminta untuk memotong gaji secara sukarela di antara 15% - 30%.

Pada pandangan saya, langkah ini tidak akan memberi infak yang signifikan dalam keadaan kewangan MAS yang kini hadapi. Adalah penting untuk mencari masalah puncanya.

Soalan saya adalah, adakah kerajaan merancang untuk mengambil perunding pengurusan dari luar negeri dalam usaha *revamp* MAS pada keseluruhannya? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat perangkaan untung rugi pada tiga tahun lepas, MAS telah mencatat keuntungan. Pada tahun 2002 - RM336 milion; 2003 – RM421 milion; 2004 – RM326 juta. Ini memang ada tetapi sebelum itu naik turun memanglah ada. Sebab itu dalam hal ini, pihak MAS sedang mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan kerugian. Kos bahan api memang tidak dapat dikurangkan dan ini MAS cuba jugalah. Bagaimanapun, untuk buat *hedging*, dari segi harga bahan api, yang ini telah pun dibuat.

Yang keduanya, MAS juga melihat tentang kos pengurusan, ini memang tinggi. Sebenarnya kalau kita bandingkan dengan Air Asia, contohnya memanglah jumlah kakitangan MAS cukup tinggi. Memang cadangan pihak pengerusi MAS untuk mengurangkan kos kakitangan pengurusan sebanyak 15% hingga 30%, dicadangkan akan dilaksanakan pada 1 Disember. Ini juga dicadangkan.

Selain dari itu MAS juga sedang buat *realignment* dari segi destinasi mereka, laluan mereka. Ini juga cuba hendak mengurangkan kos pengurusan dan surcaj juga dijalankan. Iaitu kalau kita lihat sekarang ini *fuel charge* bagi sektor Europe dan US sebanyak RM190; untuk East Asia RM28; untuk Sabah dan Sarawak RM7.50 dan untuk Semenanjung dan juga Semenanjung ke Sabah dan Sarawak RM15.

Setakat ini belum ada cadangan oleh pihak MAS untuk melantik pegawai dari luar untuk melihat perkara ini. Untuk pengetahuan, CEO yang baru akan dilantik tidak lama lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, kalau MAS buat *commercial entity* ia sudah bankrap beberapa kali, yang perlu sekarang *debailout*, diselamatkan dengan berbilion-bilion ringgit. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada pelan lima tahun untuk dapat keuntungan RM1 bilion yang diumumkan oleh pengerusi MAS selepas letak jawatan CEO, dua bulan dahulu, masih *on track*. Oleh sebab mengikut *Reuters*, yang ada disebut bahawa untuk tahun yang berakhir Mac 2006, MAS akan menghadapi kerugian RM230 juta apabila dibanding dengan keuntungan RM326 juta tahun sebelumnya.

Kalau untuk tahun pertama akan menghadapi kerugian RM230 juta, bagaimana Pelan Rancangan Lima Tahun untuk mendapat keuntungan satu bilion boleh berjaya? Dan, adakah cadangan untuk potong gaji yang diumumkan baru-baru ini,

- (i) berapa boleh dapat dijimatkan;
- (ii) oleh sebab CEO, Pengerusi Dr Munir Majid kata beliau akan *wave*, dengan izin, *his allowance as acting Managing Director for one month*, apakah angka untuk *one month* itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah angka untuk *one month* itu? Berapa bulan sudah dapat. Adakah ini akan menjadi satu amalan untuk semua GLC supaya kalau menghadapi kerugian, potong gaji untuk CEO dan *head of the department* akan dilakukan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pembangkang. Saya ingat itu satu pandangan yang negatif. Itu *projection*, kita hendak untung sebanyak itu dan kita cuba sedaya upaya untuk mencari jalan untuk mengurangkan kos operasi kita. Dalam hal ini, masalah paling besar ialah masalah *fuel*, bahan api. Ini kalau dapat dikurangkan memang MAS boleh mencatatkan untung, tetapi ini satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh semua air line.

Jadi, kita cuba cara lain, seperti yang saya sebut tadi, menggunakan surcaj, buat *realignment* supaya laluan itu lebih menguntungkan dan juga komponen yang besar ialah tentang pengurusan ini. Ini pun juga telah disebut dan memang kita akui bahawa jumlah kakitangan terlalu besar di kalangan MAS. Ini pun juga patut dilihat semula dan kita serah kepada pengurusan yang baru yang akan dilantik tidak lama lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah satu lagi soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Kemudian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini penting sangat, Tuan Yang di-Pertua, pasal ini menjadi buah mulut orang ramai - kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertualah. Saya sedia patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap sahaja. Cepat. Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cerita MAS ini cerita rugi. Bertahun-tahun MAS ini rugi. Orang ramai rasa kecewa. Rakyat rasa kecewa. Sudah menjadi rahsia umum bahawa salah satu sebab kerugian MAS ialah kerana bahan-bahan yang dibekalkan kepada MAS dibayar berganda-ganda lebih mahal daripada harga asal kerana ada penyelewengan-penyelewengan di pihak pengurusan, pihak Kementerian Kewangan atau pihak-pihak bank yang berkewajipan tentang ini. Apakah ini telah dikaji, disiasat? Bayaran daripada MAS kepada pembekal ini berganda-ganda, ada kongkalikung, Tuan Yang di-Pertua. Apa makna kongkalikung?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya hendak menyampaikan apa yang diperbualkan oleh rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah agaknya Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau ada jawapannya. Kalau tidak ada tidak payah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang sangat ditunggu oleh rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih di atas soalan yang ditunggu itu. Memang saya pun mendengar perkara ini. Oleh sebab ini sudah rahsia umum, jadi ia bukan rahsia lagi. Memang saya sudah mendengar perkara iaitu bahan-bahan makanan termasuk makanan juga disediakan dengan kos yang terlalu tinggi. Ini saya tidak dapat berikan jawapan sekarang tetapi saya minta supaya diberi perhatian ke atas perkara ini oleh pihak MAS iaitu melihat semula kontrak yang ada supaya bahan-bahan ini dibekalkan dengan harga yang lebih berpatutan.

3. **Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan negara-negara ASEAN terhadap tujuh inisiatif yang digariskan oleh Perdana Menteri untuk mengukuhkan institusi ASEAN seperti dalam ucapannya sempena menyambut Hari ASEAN baru ini. Apakah kesungguhan negara anggota terhadap pewujudan komuniti ekonomi ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN Ke-39 adalah menjadi hasrat Malaysia untuk mengambil inisiatif-inisiatif sewajarnya bagi meningkatkan kerjasama ASEAN demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat anggota-anggota organisasi tersebut. Inisiatif-inisiatif yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melambangkan usaha berterusan ASEAN dan pada keseluruhannya diterima baik oleh negara-negara anggota ASEAN.

Dari segi pelaksanaannya negara-negara anggota ASEAN telah pun mengadakan dengan izin, ASEAN *Day* secara serentak bagi membolehkan rakyat negara masing-masing lebih mengenali ASEAN. Bersempena Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur, Malaysia juga akan menganjurkan, dengan izin satu *Civil Society Forum* sebagai usaha melibatkan penyertaan rakyat dalam aktiviti-aktiviti ASEAN. Penubuhan Piagam ASEAN sedang giat dilaksanakan dan adalah diharapkan satu deklarasi Kuala Lumpur mengenai perkara ini akan ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 Disember ini.

Mengenai Dana Pembangunan ASEAN (*ASEAN Development Fund*), Malaysia telah pun memberi sumbangan tambahan sewajarnya. Harapan kita ialah supaya negara-negara ASEAN lain akan turut berbuat demikian untuk membolehkan projek-projek di bawah Program Tindakan Vientiane (*Vientiane Action Programme*), serta dengan izin, *Initiative for ASEAN Integration* dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Malaysia juga mengambil peranan yang lebih proaktif bagi ASEAN mengenai isu-isu kepentingan bersama. Ini adalah sejajar dengan pendirian kita untuk mengetengahkan suara ASEAN sebagai usaha meneguhkan lagi organisasi tersebut. Adalah jelas bahawa ASEAN kini telah menjadi lebih matang dan dalam konteks ini proses konsultasi sedang giat dijalankan bagi mengadakan mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN yang pertama kali pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan komuniti ekonomi ASEAN, sukacita saya jelaskan bahawa negara-negara anggota ASEAN telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha penubuhan komuniti tersebut sebelum tahun 2020 bagi menjadikan rantau ini pusat pelaburan yang menarik dengan pembentukan pasaran dan pusat pengeluaran tunggal. Dalam hal ini pelbagai inisiatif sedang diambil termasuk mempercepatkan integrasi sektor utama, memansuhkan duti import di bawah perjanjian perdagangan bebas atau liberalisasi sektor, perkhidmatan kerjasama perjanjian kawasan pelaburan ASEAN dan penubuhan Jendela Tunggal ASEAN (*ASEAN Single Window*) bagi memudahkan pemeriksaan dokumen-dokumen perdagangan. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat komuniti ASEAN ini berteraskan kepada tiga teras utama iaitu sekuriti, ekonomi dan juga kebudayaan. Tetapi kalau kita lihat di kalangan negara-negara ASEAN ini terdapat *hotspots* seperti di selatan Filipina, soal Burma, selatan Thailand, Malaysia/Indonesia *dispute* tentang kawasan dan sebagainya, sejauh manakah *hotspots* ini ataupun *dispute* ini yang berlaku seperti yang saya katakan tadi dalam *hotspots* itu mengganggu kestabilan ASEAN dari segi sekuriti, ekonomi dan juga kebudayaan ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Mengenai *hotspots* yang disebutkan, kita perlu mengambil iktibar dari mana-mana kawasan (*region*) lain di manakah tempat yang tidak ada *hotspots*, tetapi dengan adanya *hotspots* di kawasan ASEAN dan oleh kewujudan kerjasama yang erat di antara satu negara sama lain di ASEAN, *hotspots* yang dikhuatiri akan menjalar jadi api dapat dipadamkan sebelum ia menjadi lebih panas. Terima kasih.

4. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah tempoh konsesi Jambatan Pulau Pinang akan tamat. Berikutan dengan pelebaran jambatan adakah tempoh konsesi akan dilanjutkan lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tempoh konsesi Jambatan Pulau Pinang akan tamat pada 31 Mei 2018 seperti mana di dalam perjanjian konsesi sedia ada yang telah ditandatangani. Kerja melebarkan Jambatan Pulau Pinang daripada dua lorong kepada tiga lorong adalah merupakan obligasi syarikat konsesi Penang Bridge Sdn. Bhd. seperti mana di dalam perjanjian konsesi.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kerja-kerja pelebaran Jambatan Pulau Pinang turut melibatkan kerja-kerja tambahan di bahagian lain di jambatan, pihak kementerian masih mengkaji kaedah yang sesuai untuk membiayai kos kerja-kerja tambahan yang terlibat. Sebarang kemungkinan kaedah perlanjutan tempoh konsesi masih dalam peringkat kajian. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kedua-dua cadangan pelebaran Jambatan Pulau Pinang

daripada dua lorong kepada tiga lorong serta kerja-kerja tambahan lain adalah bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang yang semakin serius, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kalau kita meneliti laporan tahunan Lembaga Lebuh Raya Malaysia 2003. Di sini ada menyebut tempoh konsesi untuk Jambatan Pulau Pinang adalah 24 tahun, lapan bulan dan tahun mula pembinaan adalah tahun 1982, tahun pembukaan atau tahun siap 1985. Sekiranya kami ambil tahun pembukaan iaitu 1985 tambah 24 tahun lapan bulan maka ia jadi konsesi tamat tahun 2009 bulan lapan, jadi saya hairanlah mengapa ia akan sampai ke 2018? Di mana yang silapnya atau di mana hari tarikh yang mula dikira 24 tahun lapan bulan, sekian.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya tidak ada angka tetapi saya tahu dari segi maklumat saya terima memang tahun 2018 kemungkinan ianya mulai ada lambat sedikit daripada jambatan yang telah di siap buat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik tidak apa.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya akan bagikan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagi tahu kemudianlah ya.

Dato' Yong Khoon Seng:jawapan bertulis.

5. **Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar laporan yang menyatakan bahawa peratusan guru-guru yang menghidap sakit mental adalah tinggi seperti yang dinyatakan oleh Kesatuan Sekerja Profesion Pendidikan (NUTP). Adakah kajian menyeluruh telah dibuat bagi mengenal pasti kesahihan bahawa guru-guru menanggung beban kerja yang melampau sehingga menyebabkan ramai guru yang menghidap tekanan mental.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua di sini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan *Happy Deepavali* dan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sedar dengan perkembangan dalam sistem pendidikan negara yang seiring dengan perubahan globalisasi.

Tugas-tugas yang dihadapi oleh kakitangan di KPM termasuklah guru-guru di sekolah bertambah. Bagaimanapun, pertambahan tersebut disifatkan sebagai sesuatu yang positif ke arah menjadikan pendidikan yang berkualiti dan setanding dengan negara-negara lain di dunia.

Pertambahan tugas lain daripada mengajar seperti urusan data, fail, buku rekod dan penyediaan laporan memang tidak dinafikan. Namun, tugas-tugas sampingan tersebut tidaklah menjadikan kerja-kerja guru begitu membebankan sehingga menyebabkan guru-guru menghadapi tekanan mental.

Sehingga kini belum terdapat sebarang aduan atau kajian berhubung guru yang sakit mental dilaporkan berpunca daripada beban tugas yang mereka hadapi. KPM menyambut baik usaha yang dilakukan oleh kesatuan-kesatuan perguruan seperti NUTP dalam menambah baik

sistem pengurusan pendidikan negara khususnya kepada guru-guru melalui pandangan dan syor-syor yang diberikan.

Justeru perkara berkaitan beban tugas guru tersebut telah diberi perhatian oleh KPM dengan menjalankan kajian beban tugas guru. Dapatan kajian tersebut dapat membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru sebagai usaha memartabatkan, saya ulangi sebagai usaha memartabatkan profesion keguruan KPM juga telah mewujudkan Jawatankuasa Kaunselor di mana di semua Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah gabungan untuk membantu guru-guru yang menghadapi masalah sama ada masalah berkaitan hal-hal profesional atau masalah peribadi. Jawapan ringkas tidak ada guru-guru yang sakit mental kerana beban tugas, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada lagi Yang Berhormat Batu Sapi?

Ir. Edmund Chong Ket Wah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih 'Setiausaha Parlimen'. Tiap-tiap tahun mungkin kementerian ada ambil beberapa banyak guru baru. Adakah kementerian ada proses untuk memastikan guru-guru yang baru diambil atau di *engage* dengan izin ini tiada latar belakang keluarga ataupun *family* isteri yang sakit mental. Kalau ada, tolong sebutkan statistik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, dan Yang Berhormat turunkan pangkat saya tadi, saya tidak dapat terima. Sebenarnya masa kita buat pengambilan guru beberapa penapisan telah dilakukan sehinggalah bakal guru itu dipanggil untuk temu duga dan juga kita pastikan bahawa guru itu kita katakan sihat bukan sahaja dari segi tubuh badan di mana dia terpaksa lalui temu duga dengan doktor juga dari segi mentalnya kita harap dia dapat menjalankan tugas.

Mungkin bukan kita kata tidak ada di kalangan guru sakit mental kemudiannya bukan kerana beban tugas seperti mana yang saya katakan. Untuk makluman Yang Berhormat juga buat masa ini, buat setakat inilah kita lebih kurang mempunyai 320,185 orang guru, jadi sekiranya guru-guru itu dilaporkan oleh guru besar atau pengetua keadaan perangnya sangat kita anggap 'lazim' kita akan buat rujukan kepada doktor-doktor yang berkenaan. Insya-Allah kita berharap guru-guru kita semuanya yang kita ambil bekerja di sekolah-sekolah kita adalah guru-guru yang sihat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun katakan tidak ada guru mendapat penyakit mental kerana beban kerja tetapi beberapa bulan yang lalu pernah berlaku bahawa di dalam dua bulan ada empat orang guru membunuh diri kerana menghadapi *depression* dan juga dikatakan oleh Presiden NUTP bahawa bebanan memang beban kerja guru telah bertambah, khasnya mereka yang di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina kerana kelasnya selalunya besar. Ada kelasnya satu kelas ada 50 orang pelajar.

Jadi saya rasa adalah penting dan juga guru-guru ini sekarang banyak pergi kursus dan juga kerja dia kata kerja yang bukan mengajar. Telah masanya adalah 60%. Jadi itu maknanya tambahan kerja kepada guru untuk mengisi semua laporan ataupun data telah menambah..

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Timbalan Menteri faham.

Puan Chong Eng: Jadi saya rasa adalah, adakah kementerian akan, untuk kelas-kelas yang besar ini, untuk meringankan bebanan cikgu, adakah akan menambahkan bilangan cikgu mengikut nisbah..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

Puan Chong Eng: *Teacher and student*, iatu menambah pembantu kepada cikgu.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri jawab ya.

Puan Chong Eng: ... yang mengadakan kelas yang besar, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat beri tadi, saya rasa itu pandangan Yang Berhormat, kutip di mana-mana. Tapi, laporan yang kami dapat, walaupun ada seperti mana kata Yang Berhormat, sakit mental, bagi saya bukanlah kerana beban tugas. Macam juga adakah di kalangan apa-apa profesion sekalipun, seseorang itu menghadapi penyakit mental tadi, adakah disebabkan oleh *stress* dan sebagainya? Dia mungkin berpunca daripada masalah rumah tangga, berpunca kerana anak, berpunca kerana isteri atau suami, berpunca daripada macam-macam masalah.

Tapi, untuk melempar satu tuduhan mengatakan kerana kami pihak Kementerian telah membebaskan guru tadi, maka, ramailah guru-guru tadi sakit mental. Saya rasa Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat beri, atau pendapat Yang Berhormat, kita tidak boleh terima 101%. Kerana itu bukan punca. Memang saya akui beban-beban tugas macam yang saya katakan, kita untuk memartabatkan profesion perguruan, guru kadang-kadang tengah malampun dipanggil untuk bekerja. Kalau guru yang bertugas di asrama.

Kalau guru itu, guru kokurikulum, dia terpaksa petang-petang berada di padang permainan. Apakah kita nak katakan guru hanya mengajar, daripada jam 7.30 pagi sampai pukul 1.00, kemudian selesai kerja dia? Tapi dalam masa yang sama juga, Yang Berhormat akan tuntutan, guru mestilah profesional. Guru tetap profesional. Selagi beban tugas yang diberikan, kita bukan paksa dia ambil. Memang menyediakan daftar, mengajar dan sebagainya. Kalau dia ada lebih tugas dia, dia boleh bawa kepada pengetahuan pihak kami untuk buat kompelin. Jadi, saya rasa pendapat Yang Berhormat, tidak boleh diterima, terima kasih.

[Soalan No .6 – Y.B. Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir].

7. **Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan program-program Pembangunan Modal Insan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Modal Insan dalam makna yang luas meliputi semua peringkat pendidikan. Dari pendidikan prasekolah hinggalah pendidikan *tertiary* termasuk latihan kemahiran serta pembelajaran sepanjang hayat.

Program Pembangunan Modal Insan yang sedang dan akan dilaksanakan, adalah bertujuan untuk mencapai matlamat dan strategi Pembangunan Modal Insan, khususnya melahirkan insan yang mempunyai pengetahuan tinggi dan kemahiran serta dilengkapi dengan nilai-nilai murni. Program Pembangunan Insan juga ditumpukan bagi membolehkan Pembangunan Modal Insan yang menyeluruh iaitu supaya tidak ada golongan atau lapisan masyarakat yang akan terpinggir daripada mendapat manfaat pembangunan negara serta memastikan potensi sumber manusia negara ini digunakan sepenuhnya.

Kerajaan sangat komited dalam Pembangunan Modal Insan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah RM42.96 bilion atau 25.3% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan untuk pembangunan diperuntukkan untuk program pembangunan ini. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan, juga sedang merangka program-program tambahan berkaitan Pembangunan Insan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak program yang dilaksanakan oleh Kerajaan, saya hanya akan menjelaskan beberapa program Pembangunan Modal Insan yang penting untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Di peringkat sekolah, program Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pendidikan prasekolah, di mana 85% daripada kanak-kanak dalam golongan 5 – 4 tahun telah mendapat nikmat dan faedahnya.
- (ii) pendidikan rendah dan menengah dengan enrolment seramai lebih kurang 3 juta dan 2.2 juta masing-masing: dan
- (iii) Penyediaan pendidikan khas bagi kanak-kanak istimewa termasuk pendidikan khas vokasional.

Di samping itu juga, beberapa program sokongan pendidikan, seperti program berkaitan dengan pengkomputeran seperti projek SchoolNet, Skim Baucer Tuisyen, rancangan makanan tambahan dan Tabung Wang Amanah Pelajaran Miskin untuk dilaksanakan bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat prasekolah serta untuk memastikan pelajar khususnya dari golongan berpendapatan rendah serta pelajar di kawasan luar bandar dan pedalaman, serta Orang Asli mendapat pendidikan yang berkualiti dan mereka yang telah menamatkan prasekolah.

Bagi mengukuhkan lagi usaha menerapkan nilai-nilai murni, dan semangat nasionalisme, di kalangan pelajar, beberapa penambahbaikan ke atas ko-kurikulum dijalankan di antaranya, memperkenalkan program J-QAf bagi pelajar beragama Islam meneruskan pelaksanaan pendidikan moral untuk pelajar bukan agama Islam, dan memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan.

Di peringkat tertiary program Pembangunan Modal Insan akan ditumpukan ke arah memastikan Siswazah atau Lulusan Institusi Pengajian Tinggi mempunyai pengetahuan dan pengalaman, kemahiran serta mampu mendapatkan pekerjaan. Program Pembangunan Insan juga dilaksanakan melalui latihan seperti program latihan kemahiran sebelum bekerja, dan dilaksanakan oleh institusi kemahiran awam di bawah berbagai-bagai kemahiran dan kementerian serta institusi latihan swasta.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu Program-program Pembangunan Insan ini dijalankan oleh berbagai-bagai kementerian. Saya ingin tahu adakah kerajaan membuat penyelarasan antara kementerian-kementerian ini? Dan apakah persediaan Kerajaan dalam melaksanakan Program Pembangunan Insan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Memanglah sebenarnya, Kerajaan memanglah, kita ada pelarasan berkenaan dengan dasar atau latihan sumber manusia ini. Boleh dikatakan setiap Kementerian mempunyai orang kata apa, dasar latihan sumber manusia, dan bagi tiap-tiap orang pegawai kerajaan diperuntukkan 7 hari untuk berkursus sepanjang tahun itu. Dan selain daripada itu, 1% daripada peruntukan emolumen adalah untuk latihan Pembangunan Insan di tiap-tiap kementerian. Dan selain itu, berbagai-bagai program lagi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian masing-masing.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong apa yang telah dirancangan oleh Kerajaan untuk menambahkan lagi kualiti ataupun mutu perkhidmatan, setiap Kementerian. Tetapi saya nak tanya, adakah kerana daya saing ataupun indeks daya saing negara kita telah jatuh daripada 16 sehingga 28 daripada Laporan INV baru-baru ini, adakah kementerian Yang Berhormat memberi fokus yang lebih kepada program-program Pembangunan Insan ini kepada kementerian-kementerian yang lebih sensitif atau kementerian-kementerian yang lebih terdedah kepada perhubungan awam dengan awam, dengan orang ramai.

Sebagai contoh, MITI ataupun Jabatan Imigresen dan juga jabatan-jabatan lain yang ada berhubung kait rapat dengan *foreigners* ataupun *investor* ini. Kerana ini adalah sangat penting, kerana kalau kita hanya memberikan fokus kepada Pembangunan Modal Insan, kepada satu-satu sektor tertentu, tetapi kita *re.....* ya, dengan izin, kementerian-kementerian dan jabatan ini, bagaimana daya saing ataupun tahap daya saing negara kita di masa depan? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab Yang Berhormat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat Puchong, saya ingat jawapan itu saya sudah jawab tadi. Pasal apa, tiap-tiap kementerian memang kita ada latihan.

Tuan Lau Yeng Peng: Maksud saya fokus emphasis.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Memang kita ada fokus, tiap-tiap benda macam saya katakan tadi kalau tidak macam mana tiap-tiap pegawai dia mesti ada tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya tujuh hari untuk latihan sumber manusia. Selain daripada itu juga dengan penubuhan IMM, Institut Integrasi Malaysia, ini semuanya adalah untuk tujuan-tujuan pembangunan insan. Seperti mana yang saya katakan tadi, pembangunan insan ini adalah luas dan boleh dikatakan tiap-tiap kementerian mempunyai ia punya program masing-masing. Jadi, masa agak terhad untuk saya menjawab semua soalan itu tetapi walau bagaimanapun saya rasa lebih kurang saya sudah bagi jawapan kepada Yang Berhormat tadi.

8. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) usaha kerajaan dalam menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang pengajaran terutama di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta; dan
- (b) cadangan untuk mengurangkan kuota pengambilan pelajar dalam bidang yang *common* seperti Sastera, Ekonomi dan lain-lain serta menumpukan perhatian terhadap bidang-bidang kritikal seperti Perubatan, Sains dan Bio-teknologi.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa berusaha untuk memberi peluang yang secukupnya kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang pengajaran, terutama di IPT awam dan juga swasta. Antara langkah-langkah atau usaha kerajaan untuk menggalakkan pelajar menyertai bidang pengajaran ataupun *teaching*, dengan izin, pelajar-pelajar yang cemerlang di luar negara digalakkan untuk terus melanjutkan pelajaran dalam bidang Master dan juga Ph D dan dengan itu pihak JPA telah pun membenarkan para pelajar melanjutkan pelajaran dengan tujuan untuk menyerap mereka untuk terus menjadi tenaga pengajar di IPTA.

Yang kedua, program *recruitment*, dengan izin, dilakukan secara berterusan oleh Naib Canselor-Naib Canselor universiti dengan membuat lawatan ke luar negara dan juga memanggil pelajar-pelajar

cemerlang di dalam negara bertemu dengan para pelajar dengan memberikan kesedaran tentang skim-skim, latihan tenaga pengajar yang ada di IPTA seperti SLG Skim, dengan, izin *Academic Staff Training Scheme* dan ketiganya, dengan izin, *Academic Staff Higher Education Scheme*. Mengikut dasar yang sedia ada pada tahun 2010, IPTA akan menambah bilangan tenaga pengajar berkelayakan Ph.D dan setaraf kepada lebih 70% berbanding dengan sekarang 29.7%. Dengan itu usaha berterusan dilakukan oleh kementerian antaranya ialah mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan yang khusus untuk mencapai matlamat ini.

- (b) Dasar pengambilan IPTA yang diguna pakai sekarang ialah sebanyak 60% untuk Aliran Sains dan 40% untuk Aliran Sastera. Ini berdasarkan kepada aspirasi negara sejak pelaksanaan Rancangan Malaya Keempat. Program Sastera kena kita adakan juga kerana pertamanya tentang *political economy*, misalnya amat penting, *conflict resolution*, dengan izin, amat penting, *strategic studies* dan *policy analysis* juga amat penting, *social physiology* juga amat penting kerana ini dalam keadaan-keadaan yang sekarang ini ramai ataupun banyak *terrorism* yang sedang berlaku. Jadi, 40% untuk Sastera itu saya jangkakan akan mendapat ruang lingkup yang kita kehendaki.

Bagi bidang perubatan kita akan menggalakkan pelajar membuat program di universiti tempatan kerana kita lebih senang mengawal kualiti program berkenaan. Untuk menampung peningkatan pembelajaran pelajar Institut pengajian tinggi tempatan kita akan membesarkan kapasiti, ruang lingkup, tempat, perkakasan dan pensyarah serta kalau perlu me *recruit* dari luar negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat menyedari bahawa mengikut statistik yang disediakan oleh *International Networking*, universiti tempatan kita kecuali UKM berada di *ranking* yang ke 100 dalam *standard* universiti-universiti pengajian tinggi di seluruh negara, manakala UM, pada satu ketika dahulu dalam *ranking* ke 100, hari ini terkeluar. Justeru itu, apakah kementerian, apakah kerajaan berhasrat untuk memperkasakan universiti-universiti kita termasuk memartabatkan. Sebab kalau dikira bagaimana kita mahu menarik masyarakat awam ke universiti kita dalam keadaan kita tidak bersedia, bermakna kita tidak sampai ke standard universiti-universiti dibandingkan dengan universiti di Amerika, di Eropah dan Asia Pasifik yang lain. Jadi, itu sebablah kenapa saya mempersoalkan, kenapa kita tidak melihat bahawa industri pengajian tinggi ini merupakan satu pendapatan negara kalau diurus dengan baik. Tetapi oleh kerana tidak baik maka kita tidak

masuk *ranking* yang satu sampai *top ten* ke, *top twenty*, satu sahaja UKM yang *ranking* ke 100, selebihnya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Baik! Biar Yang Berhormat jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dan kenapakah kerajaan, kementerian tidak memfokuskan bahawa institusi kedoktoran ini, promosi ini penting sehingga kita menghantar banyak pelajar-pelajar ke luar negara mengejar ilmu kedoktoran ini tetapi malangnya institusi-institusi mereka masuk tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Menteri jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi, apa langkah-langkah kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil yang kedua dahulu. Bagi pelajar yang masih mahu belajar di negara luar kita benarkan. Bagi mereka yang belajar di universiti yang tidak diiktiraf, ini akan terus kita lakukan dengan syarat yang sedia ada iaitu mereka tertakluk kepada peraturan Akta Perubatan yang menghendaki mereka menduduki dan lulus salah satu peperiksaan akhir Fakulti Perubatan tempatan. Jika mereka pergi ke luar negara, pergi ke universiti yang tidak diiktiraf, apabila mereka balik mereka akan duduk peperiksaan yang telah pun diaturkan oleh Akta Perubatan yang sedia ada.

Yang keduanya, saya rasakan Yang Berhormat tersilap sedikit, UKM itu salah satunya ialah sains yang telah pun diiktiraf. Kalau kita tengok Universiti Malaya ada tiga yang telah diiktiraf, bukannya terus jatuh tetapi dalam keadaan sebegini seperti mana saya katakan kalau pun kita baik tetapi cara relatifnya apabila dibandingkan dengan universiti yang lain, universiti lain bertambah baik daripada kita, itu secara relatif. Jadi, di sinilah kita melihat bahawa walaupun tiga fakulti telah pun diangkat oleh *Times*, mereka itu lebih bagus dalam peningkatan seratus tetapi yang lain-lain itu agak relatifnya jatuh jika dibandingkan dengan universiti yang lain. Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya katakan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi akan sentiasa berusaha untuk memantau perkara seperti ini supaya dapat kita mempunyai kedudukan yang lebih baik lagi. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita menghadapi masalah dari segi guru-guru luar bandar. Jadi, kita nampak bahawa Kementerian Pengajian Tinggi, ia menumpukan guru-guru kepada institusi pengajian tinggi sahaja tidak kepada institusi pelajaran yang di luar bandar ini. Jadi, adakah kementerian bercadang mungkin kampus-kampus UMS di Sabah apabila ada kampus yang baru di luar bandar misalan kita cantumkan tenaga pengajar ini untuk kita mungkin mengkhususkan satu bidang dalam kampus itu, kita *trained* guru-guru luar bandar dengan khas, nama dia Guru-Guru Luar Bandar.

Jadi, mereka apabila keluar daripada kampus ini nanti, mereka tahu bahawa mereka di *transfer*, di taruh di luar bandar supaya kita tidak menghadapi masalah guru-guru di luar bandar.

Kerana kalau sekarang maktab-maktab yang ada di seluruh negara, mereka ini tidak mungkin pergi ke luar bandar kerana mereka ini tidak dikhususkan untuk diajar dan *di-trained* untuk mereka pergi ke luar bandar. Jadi kalau ada rancangan seperti ini, saya kira lagi baik untuk menyelesaikan masalah luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Ini mengenai guru siswazah yang di IPTA. Jadi apa yang kita harapkan ialah peraturan telah dibuat supaya guru-guru yang bujang ini kalau boleh, apabila dia telah lulus menjadi guru siswazah, kita hantar mereka sebelum mereka mendirikan rumah tangga ke Sabah dan Sarawak, menimba pengalaman di sana. Tetapi semasa saya menjadi Timbalan Menteri Kewangan dahulu pun, ramai ibu bapa datang ke kementerian saya, mengatakan bahawa mereka tak hendak pergi Sabah dan Sarawak, walaupun mereka bujang, walaupun mereka lelaki. Jadi saya kata tidak apalah, kalau begitu saya akan cari peruntukan buat sekolah di belakang rumah awak. Jadi ini masalah kita supaya apa yang kita harapkan, supaya mereka ini akan berkhidmat di luar bandar kerana kita hendak membangunkan bandar dengan luar bandar supaya tidak ada kekangan atau jurang lebih dan kita harapkan dengan adanya pengurus siswazah, bukan sahaja di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tetapi juga di fakulti-fakulti yang lain, kita harapkan bahawa kita dapat memujuk mereka sebelum mereka mendirikan rumah tangga supaya dapat mereka pergi ke Sabah dan Sarawak menimba pengalaman di sana terima kasih.

9. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan pendekatan dan perancangan Kementerian di bawah KEMAS bahawasanya bilangan besar kanak-kanak di pedalaman khususnya mereka yang tinggal di beberapa buah rumah panjang di Mukim Pagalungan Parlimen Pensiangan perlu mendapatkan pendidikan asas prasekolah.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Ogos 2005, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui KEMAS telah membuka sebanyak 20 buah Tabika di Parlimen Pensiangan yang memberi kemudahan pendidikan prasekolah kepada seramai 530 orang kanak-kanak. Bagi Mukim Pagalungan, sebuah Tabika telah dibuka di Kampung Longongan manakala sebuah lagi bakal di bina di Kampung Selungai pada tahun 2006. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa mengkaji keperluan pembinaan Tabika baru di seluruh negara tertakluk kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Bernard S. Maraat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melentur buluh dari rebungunya, maka adalah penting kanak-kanak di luar bandar ini diberi bimbingan dan juga diberi satu penekanan dan keprihatinan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi di Mukim Pagalungan, ini semua berbeza-beza dan jauh beza dari satu kampung ke satu kampung. Saya mencadangkan supaya satu *dicentralize*kan pra sekolah ini memandangkan terdapat lebih kurang dua tiga ratus orang

kanak-kanak yang masih lagi tidak diberi kesempatan untuk masuk ke dalam prasekolah. Ini akan memberi satu kesan yang buruk ataupun negatif bagi negara kita dan kalau kita lihat negara-negara yang lain umpamanya Vietnam sekarang ini, ia pun sudah 20 tahun dalam menghadapi cabaran-cabaran selepas peperangan Vietnam dan sebagainya. Tetapi kelihatan pendekatan (*approach*) negara-negara jiran kita ini adalah *holistic*. Saya berpendapat bahawa negara kita sudah maju 48 tahun dari sudut ini.

Saya minta supaya kementerian ini memberi satu penekanan kepada bahagian pedalaman ini, lebih-lebih lagi sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberi satu tumpuan kepada penduduk-penduduk khususnya kepada anak-anak di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih ahli Yang Berhormat. Memang kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan wilayah khasnya KEMAS memang memberi penekanan kepada pelajaran anak-anak kita di kawasan luar bandar. Jadi oleh kerana itulah, KEMAS mulai dari tahun ini telah mengenakan beberapa pendekatan yang baru. Satu daripadanya adalah kita telah mengenal pasti beberapa kawasan yang memerlukan pembinaan Tabika yang baru, mengubahsuai bangunan-bangunan yang telah uzur, menambah dan meningkatkan lagi prasarana dari segi peralatan di beberapa Tabika KEMAS yang memerlukan peralatan ini, dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi tahun yang akan datang ataupun dalam Rancangan Malaysia ke-9, peruntukan pembinaan bangunan baru yang seramai tidak kurang daripada 1,567 buah ini akan menelan belanja sebanyak RM278,879 dan bagi baik pulih bangunan yang sedia ada sebanyak RM2,921 buah. Ini akan menelan belanja kurang daripada RM 100 juta. Jadi selain daripada infrastruktur, kementerian juga telah mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi prestasi guru-guru Tabika KEMAS dan juga pemaju masyarakat dan mereka ini akan diberi peluang untuk menjalani kursus bagi meningkatkan lagi kelayakan mereka supaya mereka ini akan dapat memberi tunjuk ajar, bimbingan dengan lebih baik kepada anak-anak kita di kawasan luar bandar, sekian.

10. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah pengendali siaran TV dan Radio yang melanggar akta penyiaran dan penapisan sesebuah filem, drama dan iklan yang bertentangan dengan norma dan budaya negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Pengerusi, mengikut peruntukan di bawah Akta Penapisan Filem 2002, semua kandungan filem yang hendak ditayang, diedar atau dijual di Malaysia hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapis Filem Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jika menayang, menyiar, mengedar atau menjual apa-apa filem tanpa kelulusan LPF ia adalah menjadi kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman tidak kurang daripada RM5000 dan tidak lebih daripada RM30 ribu

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Sehingga kini, belum terdapat lagi stesen televisyen dengan sengaja melangkah peruntukan Akta Penapisan Filem 2002 oleh kerana mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang di tetapkan di dalam lesen penyiaran mereka.

Salah satu syarat yang ditetapkan oleh kerajaan ialah setiap filem yang hendak disiarkan di stesen televisyen hendaklah diluluskan oleh LPF. Pernah berlaku satu kes di mana sebuah stesen televisyen swasta telah menyiarkan sebuah iklan yang belum diluluskan oleh LPF dan oleh itu telah melanggar syarat lesen. Stesen tersebut telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM50 ribu oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Bagi membuat pemantauan mengenai siaran melalui stesen televisyen atau jawatankuasa satu jawatankuasa pemantauan siaran televisyen telah ditubuhkan bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi yang dianggotai oleh kementerian-kementerian yang terlibat dengan industri filem dan penyiaran termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pemantauan siaran televisyen juga dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Secara amnya pemantauan dan kawalan ini telah memberi kesan yang positif terhadap penyiaran televisyen.

Kerana kini stesen televisyen tidak lagi menunjukkan pemaparan filem yang keterlaluan dan dari segi keganasan seks dan nilai-nilai yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal pelanggaran norma-norma dan budaya negara ini memang terdapat perbezaan Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian mungkin rasa ataupun pihak penapisan filem mungkin rasa sebuah filem itu sama ada drama atau apa yang disiarkan itu tidak melanggar tapi bagi pihak orang ramai, benda itu keterlaluan.

Terdapat perbezaan-perbezaan yang kita tidak dapat hendak kawal dari segi menilai. Jadi cuma saya ingin nak bertanya Tuan Yang di-Pertua, bilakah, ini persoalan yang menjadi kecelaruan kerana mana kementerian yang sebenar-benarnya mengawal. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau Kementerian Penerangan? Boleh tak agaknya dimuktamadkan? Ramai pihak yang berpendapat lebih baik Kementerian Penerangan sahaja yang mengawal perkara-perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapisan Filem sebenarnya melalui garis panduan penapis filem yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini bermakna kandungan filem mestilah ditapis sebelum filem itu di tayang atau disiarkan. Jadi dari segi peranan yang dimainkan oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah kita menapis, betul-betul *check*, tidak ada kandungan yang negatif, kata bahasa lucah, atau cerita yang kurang baik, jadi inilah tanggungjawab Lembaga Penapisan Filem.

Tetapi tadi saya sudah sebut, ada satu Jawatankuasa Pemantauan Siaran Televisyen di mana di bawah CMC, iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan anggotanya adalah dari beberapa kementerian termasuk kementerian saya. Jadi ini adalah satu jawatankuasa yang memantau dan memastikan tidak ada filem atau penayangan penyiaran yang kurang baik disiarkan. Jadi ini pun sangat penting di mana kita pun boleh mengawal yang tadi saya kata, mana-mana kandungan yang kurang baik, negatif, jadi kita tidak membenarkan stesen televisyen menyiarkan filem itu.

Jadi cadangan Yang Berhormat tadi sebenarnya saya tidak ada kuasa untuk menjawab, walau bagaimanapun saya akan bawa ke kementerian saya untuk perbincangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

KEJATUHAN UNIVERSITI TEMPATAN DI TANGGA 'THES' WORLD UNIVERSITY RANKING 2005

11.14 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 16, saya berdiri untuk kemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini memberi laluan kepada Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen untuk Ipoh Timor, menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu Usul yang mengenai perkara tertentu; berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

laitu kedudukan universiti sedunia *Times Higher Education Supplement* (THES 2005), di mana kedudukan Universiti Malaya jatuh dari tempat ke 89 ke tempat 169 serta USM jatuh di luar 200 universiti terunggul daripada kedudukan yang ke 111 pada tahun lepas.

Kemerosotan 80 tempat oleh Universiti Malaya dan lebih 89 tempat oleh USM, berserta dengan kegagalan 15 buah universiti-universiti awam yang lain untuk disenaraikan sebagai 200 universiti terunggul sedunia, *Times Higher Education Supplement*, mencerminkan satu krisis pengajian tinggi yang semakin teruk dan mendalam merosot daripada sebuah negara yang mempunyai universiti bertaraf dunia pada tahun 1960-an kepada sebuah universiti dengan

prestasi akademik yang tidak seberapa, walaupun bilangan universiti telah bertambah daripada satu kepada 17 buah pada empat dekad yang lalu.

Buat kali yang pertamanya, universiti perdana Malaysia kalah kepada Chulalongkorn Universiti Thailand dan terdapat 17 universiti-universiti Australia yang diiktiraf sebagai lebih baik daripada universiti perdana Malaysia secara antarabangsa. Ini adalah satu "malu" kebangsaan apabila mana-mana universiti Australia nampaknya lebih baik daripada universiti terbaik di Malaysia. Apabila modal insan dan bakat rakyat Malaysia tidak kurang hebatnya daripada rakyat Australia.

Jika kita kalah ialah kegagalan dalam sistem pentadbiran dan institusi-institusi pengajian tinggi kita. Kedudukan *Times Higher Education Supplement* ini membayangkan satu keadaan yang serius terhadap kekalahan daya saingan Malaysia dalam persada antarabangsa yang mempunyai kesan mendalam terhadap pembangunan negara pada masa depan, serta kejayaan dalam mencapai objektif Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara yang maju sepenuhnya. Dalam laporan tahunan kedudukan akademik, 500 universiti terbaik dunia, Shanghai Jiao Tong Universiti. Tiada satu pun universiti Malaysia yang disenaraikan dalam tiga tahun yang lepas berturut-turut. Adalah menjadi tugas Parlimen untuk mengadakan satu perbahasan tergepar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Ipoh Timor pada hari Khamis 10 November 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa:

Tertentu - perkara ini adalah satu perkara yang tertentu.

Kepentingan orang ramai - ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai.

Berkehendak disegerakan – pada fikiran saya perkara ini tidak memerlukan perbincangan segera di Dewan Rakyat.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi sedang mengambil langkah-langkah positif untuk menambah baik kualiti IPTA tempatan berdasarkan kriteria-kriteria yang digunakan oleh THES ataupun *Times Higher Education Supplement, World University Ranking* bagi tahun 2005.

Di antaranya ialah menambah baik penilaian keserakanan ataupun dalam bahasa Inggerisnya *peer review*, meningkatkan rujukan (*citation*), penerbitan akademik tempatan, menambah baik nisbah pengajar-pengajar. Meningkatkan orientasi antarabangsa, menambah baik persepsi majikan dan kepimpinan universiti yang berkualiti yang berkaliber dan berkualiti tinggi.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2). [*Tepuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan Mesyuarat (14) sebelum kita masuk Jawatankuasa, bolehkah minta satu panduan daripada Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat Parlimen tangguh, kita ada satu jadual untuk giliran kementerian di peringkat jawatankuasa dan tentu ini sebagai *out-dated* dan oleh sebab ada sekurang-kurangnya lima, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh kementerian sudah di belakang dan bolehkah kita ada satu senarai yang baru sebagai satu panduan untuk semua Ahli-ahli Parlimen dalam ikuti perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya kita akan keluaran satu senarai yang baru untuk panduan seperti yang dikehendaki tadi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". [*Hari Kelima*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.13 [Jadual]

Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kemaman.

11.25 pagi

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini mengenai butiran 040000 iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan SEARCCT. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang tertera di dalam buku mengenai belanjawan kita bagi tahun akan datang, kerajaan akan membelanjakan sebanyak kurang lebih RM4.5 juta bagi tujuan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan di mana antara objektifnya mengendalikan kursus, seminar, bengkel, forum dan persidangan bagi mempertingkatkan keupayaan ataupun kapasiti building negara kita dan kepakaran kemahiran di dalam bidang penyiasatan, pengawasan, pengesanan dan pemantauan ke arah mencegah keganasan.

Saya kira apa yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan kita khususnya Kementerian Luar seharusnya kita memberikan pujian dan kita memberikan sokongan di atas usaha dan kesungguhan kerajaan kita dalam menunjukkan kita benar-benar menjadi sebuah negara yang menentang keganasan, tidak mempertahankan keganasan dan tidak melindungi sebarang bentuk kegiatan keganasan dalam negara kita dan sesungguhnya ia dikuatkan dengan banyak kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan kita di forum-forum antarabangsa khususnya dalam menyatakan sikap dan pendirian kita dalam menentang keganasan dalam masa yang sama kita juga tegas dalam menyatakan kita juga tidak bertolak ansur dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan soal kenapa keganasan itu berlaku, punca keganasan dan kita yakin bahawa dalam dunia sekarang ini bila kita sebutkan tentang sebarang bentuk keamanan ia tidak boleh dilarikan daripada prinsip kita bahawa tidak ada keamanan yang berkekalan tanpa keadilan yang berkekalan, ertinya sekiranya berlakunya ketidakadilan ia juga boleh mencetuskan keganasan dan soal untuk memperjuangkan keadilan di dalam sesebuah negara ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan soal penindasan rakyat di Palestin, rakyat di Timur Tengah, rakyat-rakyat yang tertindas di Bosnia dan sebagainya adalah pendirian kita.

Yang keduanya kita dianggap sebagai sebuah negara yang kuat dari segi mempertahankan kerana kestabilan di Malaysia itu dan juga pendekatan sederhana kerajaan dalam banyak perkara termasuk dalam soal agama, dan dalam soal-soal yang berkaitan dengannya dan yang ketiganya ialah tentang soal kita sendiri mempunyai pelbagai undang-undang yang dianggap undang-undang pencegahan daripada membenarkan sebarang bentuk usaha yang boleh menjuruskan kepada keganasan seperti ISA itu sendiri yang satu dahulu kuat dikritik tetapi sekarang ini apabila bentuk keganasan yang berlaku di Amerika dan di beberapa negara Eropah mereka juga memikirkan banyak undang-undang pencegahan yang lain yang menyebabkan mereka berfikir lunak terhadap undang-undang pencegahan yang ada dalam negara kita.

Apabila SEARCCT ditubuhkan dalam tahun 2004 dan ia dikaitkan dengan apa yang berlaku dalam peristiwa September 11 - 911 di Amerika dan sebagainya ada pandangan-pandangan yang negatif mengatakan bahawa Malaysia seolah-olahnya sebuah negara yang cuba untuk memberi pandangan bahawa kita mahu berkawan dengan kuasa besar sehingga menubuhkan pusat ini bagi membenarkan kuasa besar datang dan campur tangan tetapi sebenarnya ini tidak berlaku dengan peruntukan RM4.5 juta yang diluluskan ataupun yang dicadangkan di bawah Kementerian Luar ini saya rasakan bahawa peruntukan itu sendiri sedikit kerana kalau kita perhatikan sekarang ini walaupun Malaysia sendiri kita boleh banggakan bahawa kita kuat, kita kukuh, tidak ada pengeboman, tidak ada soal-soal di mana keganasan yang berlaku secara berterusan di sini tetapi malangnya apabila kita mendengar berita-berita yang berlaku negara jiran misalnya di Indonesia, terbunuhnya nama Dr. Azhari tentang soal pengeboman di Bali, soal pengeboman di Hotel JW Marioot di sana, nama orang-orang daripada Malaysia, nama pakar-pakar bom daripada Malaysia dan dikaitkan dengan beberapa jenis-jenis bom seperti T5, alat-alat ataupun bahan-bahan yang sangat menjadi bahan-bahan yang sensitif tentang soal keamanan ini ada dikaitkan dengan nama negara kita.

Sudah tentulah kita merasakan bahawa walaupun di negara kita tidak berlaku keganasan, tetapi apabila mendengar sahaja keganasan yang berlaku di negara lain dikaitkan dengan negara kita, ia amat menggusarkan perasaan kita, amat menyusahkan hati kita kerana apakah Malaysia walaupun aman di sini tetapi dianggap telah melahirkan orang-orang yang boleh mencetuskan keganasan di tempat lain. Sebab itulah saya rasakan ada baiknya pihak kementerian dapat menjelaskan kepada kita.

Pertama apakah RM4.5 juta itu sahaja cukup untuk memperbaiki imej negara? Kita dapat melatih kemahiran-kemahiran yang tertentu dalam negara kita dan usaha untuk memberikan kerjasama, soal-soal *intelligent*, soal perisikan dan sebagainya tetapi kita bertegas supaya tidak ada lagi di mana-mana apa yang disebutkan berlaku keganasan Malaysia bukanlah tempat untuk mereka menjadikan pangkalan untuk mereka berlatih, untuk mereka belajar ataupun untuk mengembangkan fahaman-fahaman yang boleh dikaitkan dengan fahaman yang boleh mencetuskan keganasan.

Jadi saya kira Tuan Pengerusi, saya percaya bahawa pihak kementerian dapat menjelaskan kepada kita dan kemudiannya program ini, siapakah negara-negara lain yang terlibat, manakah kemahiran atau pakar-pakar luar kalau terlibat negara kita, apakah kejayaan-kejayaan selama tahun 2004, 2005 dan sebagainya dalam melahirkan pakar-pakar supaya kita dianggap sebagai negara yang paling serius dalam menangani keganasan ini dan akhir sekali saya rasakan bahawa apakah pihak kementerian juga bercadang supaya dapat mengemukakan kemungkinan-kemungkinan untuk melahirkan ataupun meminda, ataupun membuat undang-undang yang khas, supaya negara kita bebas daripada keganasan ataupun bebas daripada

perkara-perkara yang dikaitkan kita sebagai negara yang menjadi pangkalan kepada keganasan ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Timur.

11.32 pagi

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, yang pertama mengenai Kementerian Luar Negeri, saya mahu bertanya mengenai hadiah kepada Presiden Mugabe, *rare timber* untuk pembinaan *mansion* beliau, minggu lalu bekas Perdana Menteri ada melawat Zimbabwe tiga hari yang bersangkutan paut dengan *South Africa International Dialogue* (SAID) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dalam tiga hari official visit beliau, Presiden Mugabe ada membawa Tun Mahathir kepada mansion itu, yang bernilai 5 juta British Pound atau RM34 juta, di mana ada contribution daripada Malaysia melalui satu *gift timber, rare timber*, tetapi sampai sekarang kita tidak tahu apa kosnya kepada pembayar cukai dan pemberian *gift* ini nampaknya tidak dapat persetujuan daripada Kabinet, tidak dapat kelulusan daripada Parlimen.

Kenapa kita membuat satu keputusan untuk memberi hadiah ini kepada Presiden Mugabe yang dianggap sebagai seorang diktator di Afrika dan di mana sudah membawa bukan sahaja malapetaka, economic ruin kepada Zimbabwe, satu masa dulu ialah break basket antara termakmur di negara Afrika, di benua Afrika, tetapi sekarang sudah begitu miskin dan mundur dan begitu authoritarian. Kenapa kita rela untuk menunjuk sokongan kepada satu rejim yang begitu repressive.

Hari ini Zimbabwe dihalau, digantung daripada Komanwel. Adakah kita menunjuk kita sokong Mugabe, apa yang berlaku sebenarnya, ini mustahak, kita mahu satu akauntabiliti daripada Kementerian Luar Negeri, Zimbabwe kabinet *income*, 25 tahun dahulu, sekarang bila banding ialah separuh saja, separuh daripada 25 tahun dahulu apabila Mugabe menjadi Presiden dan ada *hyper inflation* daripada 406%, 80% pengangguran dan berpuluh-puluh ribu orang setiap tahun dibunuh atau diseksa, oleh sebab pencabulan hak asasi dan adalah dengan izin, *one of the worth highest incident rate of aids*, di mana satu suku daripada 12.7 juta rakyat adalah infected dengan HIV virus. Itulah Zimbabwe, dulu break basket, break basket Afrika, makmur, berjaya, kenapa kita mahu sokong? Kita mahu tahu, berapa itu kos *rare timber* kepada Presiden Mugabe oleh sebab ini wang rakyat, wang rakyat bukan wang Tun Dr. Mahathir dan mungkin kalau Tun Dr. Mahathir kata dia hak membuat keputusan itu, kita cadang Tun Dr. Mahathir bayar balik wang itu kepada Treasury. Menjadi satu personal gift oleh kerana ini a *shame*, malu kepada negara, kita sokong Mugabe, kita patut berdiri di depan sebagai Pengerusi NAM untuk mengutuk apa yang berlaku di bawah pemerintahan Mugabe.

Ini bersangkutan paut dengan peranan kita sebagai Pengerusi NAM. Lagi enam bulan atau lebih kurang tamatlah tempoh kita sebagai Pengerusi NAM, 2003, tiga tahun, 2006 Februari. Bolehkah kita dapat satu laporan daripada Kementerian Luar Negeri, apa kemajuan yang kita berjaya untuk mendapat sebagai Pengerusi NAM. Adakah kita berjaya untuk membawa satu

zaman baharu di mana dalam organisasi ini yang nombor dua besar di dunia, selepas Bangsa-bangsa Bersatu, 116 buah negara anggota. Di mana ada good governances, menentang korupsi, mengenai accountability transparency, semua menjadi satu benchmark negara-negara NAM. Inilah sebenarnya dalam mesyuarat kemuncak NAM di Kuala Lumpur pada Februari, 2003, saya ada menulis satu *open letter* kepada semua ketua kerajaan dan negara yang menghadiri NAM itu, mencadangkan bahawa kita perlu kalau kita mahu menghidupkan NAM, kita mahu NAM dihormati macam dalam 50'an dan 60'an, perlulah satu perubahan, reformasi di NAM, sudah tiga tahun, apakah laporan.

Lagi satu isu yang saya mahu bangkit ialah mengenai Burma, Myanmar. Baru-baru ini kita baca adalah perpindahan ibu kota Burma dengan senyap-senyap daripada Burma daripada Yangoon kepada Pyin Mana, P-y-i-n M-a-n-a, pergi mana, 'Pi Mana', 'pergi mana', sudah dua tahun pembinaan ibu kota baru ini diadakan, semua orang di Burma pun tidak tahu, tapi tiba-tiba minggu lalu, semua diarahkan peringkat pertama pindah, semua ibu pejabat *administrative* daripada Yangoon kepada Pyin Mana, 320 kilometer di utara daripada Yangoon.

Apa sudah berlaku? Adakah ia sebagai anggota Asean yang boleh dihormati, kalau dengan kelakuan semacam ini, adakah ini, nampaknya takut ada satu serangan daripada luar. Siapa yang akan menyerang Burma atau Myanmar atau adakah kita tahu bahawa dalam Myanmar masalah korupsi bermaharajalela? One the worth in the world, adakah perpindahan ibu kota dari Yangoon ke Pyin Mana satu punca untuk corruption lebih bermaharajalela? Ini kita patut ambil perhatian, oleh kerana kita semua dalam anggota Asean, dalam Disember, bulan depan kita akan mengadakan Asean Summit. Bagaimana mana Asean boleh dapat hormat dunia, kalau kita tidak ambil perhatian semacam ini dan saya harap bahawa perkara ini boleh diberi perhatian dan kita boleh diberi tahu apa telah diambil ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang berhormat, Kinabatangan

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur dan Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat tidak bercadang untuk mungkin kita Ahli-ahli Parlimen Malaysia mungkin mengunjungi negara yang kuat korupsi ini dan beri mereka pendedahan, pendidikan supaya negara-negara Asean yang Yang Berhormat katakan tadi begitu hebat korupsinya, mungkin kita boleh beri mereka motivasi. Jadi mereka tidak *corrupted* dan negara-negara Asean dihormati oleh negara-negara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Kita patut buat begitulah, tapi sebelum itu kita mahu tunjuk kita tidak korup. Kita sendiri pun sangat korup tetapi tidak begitu korup apabila banding dengan Burma, tapi kita pun sangat korup, tangga 39, perkara yang tidak patut dibangga. Kita tak bangga, kita patut rasa malu bahawa korupsi kita tidak ditangani sebelum kita mahu ajar orang lain. Betul, Myanmar antara *most corrupt* di dunia tapi kita bukan begitu bersih dan tak pernah, sesiapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ..nanti, saya tak pernah dengar Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional berdiri di Parlimen ini untuk *attack corruption*. Mana, bagaimana, adakah kita rela 100%.....*corruption, zero tolerant of corruption...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini cukuplah ini bukan Kementerian Luar Negeri

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, dia bangkit, buka saya mahu bangkit dia, dia *start the diversion*. Okey dan akhirnya sebelum saya alih dari isu Myanmar, kita mengharap apa tindakan akan diambil dalam Asean kemuncak, mesyuarat Asean mengenai pendemokrasian di Burma untuk membebaskan Aun San Suu Kyi dan lebih dari seribu orang pejuang-pejuang demokrasi sekarang dalam penjara. Ini patut menjadi Asean Summit. Kita baca dalam laporan bahawa ini tidak akan menjadi Asean Summit. Kalau begitu apa bunya Asean Summit? Ini perlu menjadi Asean Summit dan saya harap bahawa ini akan diletakkan sebagai satu agenda Asean Summit.

Dan akhirnya ialah mengenai kedudukan kita di dunia. Peranan kita sebagai satu model negara oleh kerana kita dalam satu keadaan yang sangat luar biasa, rare, oleh kerana kita bulan depan akan menjadi Pengerusi tiga-tiga pertubuhan antarabangsa ialah bukan sahaja NAM, Asean dan OIC. *Chair* kepada triple organisasi.

Kita ada tanggungjawab yang sangat berat tetapi adakah kita sudah buat supaya kita boleh menunjukkan satu teladan kepada negara-negara yang lain supaya ada kelakuan antarabangsa yang bertanggungjawab semacam untuk me"rectify"kan *international governance* semacam AP. Kenapa sampai sekarang kita belum *rectify international governance* mengenai *corruption*? Kenapa belum *rectify Rome Treaty* mengenai *International Criminal Court*? Kenapa kita belum *rectify the two human rights governance* ialah *Civil and Political Rights* dan *governance* mengenai *Socioeconomic and Cultural Rights*?

Kalau negara China boleh *rectify governance on Civil and Political Rights* dan *governance on Socioeconomic and Cultural Rights*, kenapa Malaysia tidak boleh? Saya harap bahawa perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa dalam perkara ini kita *in the forefront* dan bukan *at* belakang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

11.42 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perkara yang sedang kita bincangkan di bawah Kementerian Luar Negeri. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di sini.

Yang pertama, saya memang mengakui bahawa diplomat-diplomat kita yang berada di luar negara ini memang bertungkus-lumus untuk mempromosikan negara kita, khususnya kalau

mereka yang telah dihantar untuk bekerja di Perutusan Tetap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini, mereka ini perlu berinteraksi dengan 191 negara. Baru-baru ini apa yang berlaku di Pejabat Perutusan Tetap PBB di New York, nampaknya perkara ini patut diberi perhatian oleh pihak kementerian, Wisma Putra.

Ini adalah satu perkara yang saya rasa serius dan pada ketika itu kebetulan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meninggal dunia dan diplomat-diplomat dari negara lain, 191 wakil dari negara lain itu telah diundang untuk datang ke pejabat kita untuk menandatangani *Book of Condolence*, dengan izin, dan pada masa itu kebetulan hujan turun dengan lebat dan saya nampak keadaan pejabat itu menjadi kelam kabut di mana *basementnya* telah dibanjiri dengan air dan sistem perparitan itu memang teruk sangat. Perkara itu banyak kali berlaku dan sampai sekarang saya telah berbincang dengan pegawai di situ dan saya difahamkan bahawa Pejabat Perutusan Tetap PBB ini sehingga hari ini belum ada CF.

Nampaknya ini adalah satu perkara yang amat serius kerana mereka yang bekerja di dalam pejabat ini dalam keadaan yang tidak selamat kerana bangunan itu tidak selamat. Saya minta Wisma Putra untuk memberi peruntukan segera untuk memperbaiki bangunan ini. Kalau tidak, sistem perparitan yang berdekatan dengan bangunan PBB itu sendiri dan diplomat dari negara lain datang ke pejabat kita, kita pun berasa malu.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu disegerakan dan patut kita memberikan peruntukan tambahan untuk memperbaiki dan apa yang penting adalah keselamatan orang yang bekerja di dalam pejabat kita dan kita mahukan supaya keselamatan itu terjamin dan bangunan-bangunan termasuklah bumbung itu telah bocor kerana hanya ditarkan sahaja, diturapkan sahaja, perlu kita baiki. Kalau tidak, apabila hujan lebat, ianya akan menyebabkan seluruh bangunan itu tidak boleh digunakan. Satu perkara yang patut diberi perhatian oleh pihak Wisma Putra.

Yang kedua, saya juga mendapati bahawa dari segi perbincangan di peringkat PBB ataupun undang-undang antarabangsa atau *treaty* ini adalah sebahagian daripada komponen yang penting yang sentiasa diberi penekanan dan saya juga difahamkan, kita tidak ada wakil, kita tidak ada penasihat undang-undang yang tetap yang berkhidmat di Perutusan Tetap PBB. Ini adalah satu perkara yang serius kerana kita membincangkan tentang *treaty*, kita membincangkan tentang undang-undang antarabangsa dan kalau kita tidak menghantar wakil kita, orang yang arif dalam undang-undang, akhirnya impak ke atas Malaysia itu mungkin tidak dapat di"preempt"kan ataupun tidak dapat diberi perhatian khusus atau tidak disuarakan melalui forum yang betul.

Saya rasa atas landasan inilah, saya mencadangkan agar Wisma Putra sekurang-kurangnya menghantar seorang atau dua orang pakar dalam undang-undang untuk menghadiri semua perbincangan tentang undang-undang *treaty* dan undang-undang antarabangsa. Kalau tidak, satu hari nanti kita mungkin akan mengalami kerugian kerana akibat daripada resolusi yang telah diluluskan.

Satu perkara yang saya rasa secara umumnya, rakan-rakan Ahli Parlimen yang sebelum ini telah membincangkan mengenai mereka yang berkhidmat di luar negara iaitu diplomat yang dianggarkan seramai 500 orang kini. Saya mendapati bahawa satu peraturan aneh yang telah dikeluarkan oleh Wisma Putra iaitu mensyaratkan isteri-isteri ataupun suami kepada diplomat tidak boleh bekerja di luar negara dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menekankan bahawa kita perlu membangunkan modal insan. Mereka yang berkelulusan tinggi dan menjadi isteri kepada diplomat ini, kelazimannya mereka ini mempunyai kelayakan yang memang baik, termasuklah sarjana, *masters* dan sebagainya.

Mereka apabila mengikuti suami atau isteri, tidak boleh bekerja di luar negara. Saya rasa sudah sampai masanya kita mengkaji semula peraturan ini. Saya faham, kadangkala ini adalah mungkin bersifat *reciprocal* kerana ada negara yang tidak membenarkan tetapi kebanyakan negara juga membenarkan dan pihak Wisma Putra pada masa ini masih lagi tidak memberikan kelonggaran kepada isteri-isteri atau suami-suami kepada diplomat ini supaya bekerja di luar negara.

Ini adalah satu perkara yang amat penting. Yang pertamanya, kalau kita tidak membenarkan mereka bekerja, mereka kena meletak jawatan. Keduanya, kebanyakan isteri atau suami mereka yang bekerja di Kuala Lumpur apabila berkhidmat di Wisma Putra, mereka kena terus meletak jawatan, menjadi suri rumah dan ini akan menjadi satu bebanan yang lebih tinggi kepada si suami itu dan akhirnya mereka akan hidup dalam keadaan yang susah juga. Saya rasa ini adalah satu peraturan yang perlu dikaji semula supaya kita membenarkan mereka bekerja di luar negara, asalkan ianya tidak mempunyai *conflict of interest*, dengan izin. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diutamakan juga.

Satu perkara lagi yang sentiasa ditimbulkan oleh para diplomat adalah anak-anak mereka yang bersekolah di luar negara, kerajaan hanya menanggung sehingga 85% yuran dan yuran di luar negara memang tinggi. Apabila mereka kembali bertugas di negara kita, di Malaysia, mereka terpaksa menghantar anak mereka mengikuti pelajaran di sekolah antarabangsa kerana mereka telah mengikutinya di luar negara. Jadi, apabila balik ke Malaysia, jumlah bayaran yang dikenakan oleh sekolah-sekolah swasta merupakan RM20 ribu. Mereka tidak boleh kembali ke sekolah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan.

Jadi, saya rasa sudah sampai masanya untuk pihak Wisma Putra mempertimbangkan perkara ini kerana ianya telah dikira lapuk dan saya dengan ini menyokong perbelanjaan di bawah Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

11.49 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bersama-sama dalam perbincangan Kementerian Luar Negeri. Saya hendak menyentuh

perkara 020000 – Hubungan Dua Hala dan khususnya, 020100 – Hubungan Dua Hala (Politik dan Ekonomi).

Malaysia memang terkenal sebagai sebuah negara yang sentiasa bersifat baik, bersifat lunak, bersifat sangka baik, bersifat suka berkawan, muhibah dan tidak ingin membuat hubungan-hubungan yang tegang kepada mana-mana negara, lebih-lebih lagi negara jiran tetangga.

Jiran tetangga Malaysia ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, baik Singapuranya, baik Indonesiannya, baik Thailand, baik Filipina; lima negara ini, dia bukan sahaja kerana jarak antara satu sama lain itu rapat dan dekat tetapi rakyatnya juga mempunyai hubungan-hubungan darah, hubungan-hubungan kekeluargaan, hubungan-hubungan sejarah dan dengan sebab itu kita memang menjaga penuh hubungan baik supaya tidak timbul ketegangan dan sebagainya, itu sikap kita. Semua dunia tahu, dunia amat tahu Tuan Pengerusi, sifat keterbukaan pemimpin-pemimpin kita dari dahulu lagi hingga ke hari ini. Sebab baru-baru ini, bekas Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dalam satu *interview*nya dengan sebuah akhbar, saya rasa minggu yang lalu, dia ada mengeluarkan kenyataan-kenyataan itu melahirkan - ini bacaan sayalah mungkin saya salah, macam rasa kekecewaan, macam rasa apa yang hendak di cakapkan ya...hampa. Kekecewaan, hampa...apa lagi yang seumpama dan seerti dengannya, lebih kurang begitulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kesal, kesal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kesal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Resah. Tuan Pengerusi, tentang menambah ini Tuan Pengerusi memang handallah, [*Ketawa*] Resah, gelisah.

Beberapa ahli: [*ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini bacaan saya, mungkin Tun Dr. Mahathir tidak macam itu. Kalau dia tidak macam saya, memang betul, memang dia dan saya berbeza. Cuma bacaan saya sahajalah, dari *interview* Tun Dr. Mahathir ini, dia mengatakan bahawa Singapura lebih bersifat keras hari ini. Dalam hubungan perundingan perkara-perkara yang ada kaitan dengan Malaysia - Singapura, dia lebih keras. Betul atau tidak betul bahasa saya ini? Dia lebih keras dan ada sifat-sifat mengugut Singapura pada kita, ini bacaan saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekiranya anggapan Yang Berhormat salah, bukankah membuang masa untuk membawa perkara ini di Dewan yang mulia ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak Tuan Pengerusi. Kalau salah anggapan saya dia menjadi renungan kepada lain-lain orang. Tetapi kalau anggapan saya menjadi benar, ia sudah jadi isu yang mesti ditangani oleh kerajaan kita, pengkhususan Kementerian Luar. Kita beruntung Tuan Pengerusi, Menteri Luar kita adalah seorang yang

bijaksana pada pandangan saya. *Top five* dunialah saya ingatlah, bukan saya hendak puji Menteri Luar kita termasuklah Timbalan dia, Setiausaha Parlimen dia, [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*] Dan pagi ini kita ucap tahniah kepada Timbalan Menteri dia lah....

Seorang ahli: Pandai lah dia ini! [*Sambil menunding ke arah Yang Berhormat Sri Gading*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ikut ingatan saya, pertama kalilah dia menjawab. [*Disampuk*] Ya? Dua kali? Dua kali. Boleh tahanlah. Tetapi sahabat saya Setiausaha Parlimen Kementerian Luar ini pun hebat Tuan Pengerusi, orangnya [*Ketawa*] Dengan *handsome*, tinggi dan turtunya. Kementerian Luar kita ini hebat ya, Tuan Pengerusi. Walaupun Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi melahirkan berbagai-bagai perkara yang hendak diperbetulkan itu dibetulkan itu tetapi dia hebat. Jadi, maknanya hubungan Singapura kepada kita, dia lebih keras mengugut, soal jambatan, soal air dan apa pun saya difahamkan - saya orang Johor Tuan Pengerusi. Apa pun perundingan yang menjadi pokok kepada orang Singapura ialah ruang angkasa kita, itu jadi satu perkara yang wajib kepada dia. Apa pun perundingan yang hendak diselesaikan dan hendak dijayakan dia minta satu perkara yang.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Puchong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti sedikit lagi, satu perkara yang mesti ialah ruang angkasa kita mesti dibuka kepada Singapura, itu jadi satu syaratnya, kalau kita tidak buka ruang itu maknanya perundingan lain akan terbantut, apa Tuan Pengerusi faham atau tergendala. Ya, Puchong sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, memang betul kalau kita baca surat khabar beberapa hari yang lalu, Menteri Luar Singapura telah mengatakan bahawa kalau kita membina jambatan Johor dan Singapura itu, maka Malaysia akan mempunyai satu implikasi yang serius (*serious implication*). Betullah, maksudnya sudah mengugutlah, kerana kita tidak tahu apa maksudnya. Pada masa yang sama Kementerian Luar kita juga mesti - apakah pandangan Yang Berhormat kita mesti membuka strategi perundingan khasnya dengan negara Singapura ini di mana mereka hanya mementingkan diri sendiri ataupun keuntungan negara sendiri. Kalau boleh sudikah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian luar untuk berunding di masa hadapan, kita mesti menukar strategi kita iaitu kalau mereka mementingkan diri sendiri atau pun kepentingan negara itu kita mesti mempunyai satu strategi yang lebih tegas. lebih mementingkan diri sendiri supaya walaupun kita merupakan negara ASEAN, *non-interference policy* dan sebagainya ini tidak boleh pakailah. Bagi saya mereka ini telah melampaui batas dari segi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh ASEAN ini, apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya iaitu Puchong. Pendapat Yang Berhormat bagi Puchong itu betul, tetapi itulah masalah negara kita,

negara kita payah hendak berkeras dengan orang ini tetapi orang ambil kesempatan di atas kelembutan kita, ini payah Tuan Pengerusi. Jadi kalau kita tukar strategi, Singapura kata apa pun *you* pakai strategi dia tidak peduli kecuali dalam perundingan itu menguntungkan Singapura. Soal kita rugi, soal kita apa, pada Singapura dia tidak peduli.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Lipis bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lipis pun hendak campur Johor punya ini? Jemputlah.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading dan terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh sebab ia melibatkan Johor dan melibatkan Pahang juga, jadi kena campur sedikit.

Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat ada atau tidak implikasi kalau kita terus melupakan Singapura ini, kita tidak usah berunding langsung dengan dia, kerana saya percaya dari segi ekonomi Singapura ini banyak bergantung kepada Malaysia dan negara-negara yang lain. Jadi kalau kita ambil satu pendekatan yang betul-betul keras kita tidak usah peduli kepada Singapura ini, kita kata dengan izin, *cut-off* langsung, macam mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak keras ini senang. Hendak keras ini senang, bukan susah hendak *keras ini...*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]*

[Dewan riuh dengan ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Senyum]* Tetapi hendak keras bukan susah, senang sahaja dan ramai orang suka keras ini, Tuan Pengerusi tetapi Malaysia dia....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Ya, sedikit lagi Tuan Pengerusi...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tanya sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila, sila, dia hendak tanya sedikit Tuan Pengerusi, panjang sedikitlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat setelah satu ketika iaitu di mana Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura pada ketika itu iaitu Lim Goh Tong kalau tidak silap....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, Yang Berhormat ini pentingkah?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Eh, bukan Lim Goh Tong, ini Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapura. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Jadi telah berunding dengan Perdana Menteri kita, soal-soal urusan Malaysia-Singapura dan pada hari ini, dia selaku Menteri Kanan juga diberi kepercayaan berunding dengan kerajaan Malaysia, apakah Yang Berhormat nampak

ada kejanggalan dalam soal-soal urusan sebegini dan seolah-olah ada penghinaan. Semasa jadi Perdana Menteri perkara tidak selesai kemudian jadi Menteri Kanan cuba menyelesaikan masalah. Kemudian Kementerian Luar kita nampak relaks ataupun Yang Berhormat bagi Lipis katakan tadi, tidak berani berkeras. Saya pun hairanlah kenapa polisi dasar luar negara kita ini begitu lembut terhadap Singapura, kalau Thailand kita ada keras sedikit tetapi kalau dengan Singapura kita nampak terlalu lembut, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi sebelum itu saya hendak betulkan *statement* Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dengan Thailand pun kita tidak berkeras. Tidak berkeras. Kita cuma melahirkan apa yang sepatutnya benar dalam hubungan ini. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kenapa Goh Chok Chong, dahulu Perdana Menteri.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: apa Kepong hendak bercakapkah? Atau hendak bertanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP takkan berani lawan PAP. Itulah Tuan Pengerusi, saya hendak dapatkan sedikit penjelasan dan pendirian Kementerian Luar tentang ini, tentang perkara-perkara yang dibincangkan dan kalau saya lihat tilik pandang saya Tuan Pengerusi, kalau Singapura hanya mementingkan keuntungannya bahawa semua apa yang kita bincangkan selama ini tidak akan menemui kejayaan. Tetapi saya inginkan penjelasan daripada Kementerian Luar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

12.01 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh tentang perkara 020100 Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi dan kemudian saya akan pergi kepada 030100 - Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN.

Tuan Pengerusi, kita telah mendengar beberapa hujah tentang bagaimana hubungan luar kita dan senario hubungan di antara Malaysia dengan jiran-jirannya khususnya Thailand dan negara Singapura. Dalam kesempatan ini Tuan Pengerusi, kita tidak hanya mendengar satu slogan yang mengatakan bahawa kita berasa selesa dengan jiran-jiran kita dan kita sudah dengar akan ungkapan itu puluhan tahun yang lalu, sedangkan pada hakikatnya kita mendapati bahawa semacam hubungan negara kita dengan jiran-jiran kita ini menemui jalan yang tidak ada kesudahan. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, kita melihat tentang perkara yang berlaku di Selatan Thailand dan juga perkembangan mutakhir yang sedang berlaku di Singapura. Kita tidak mahu seperti mana kata pepatah Melayu hubungan kita ibarat "api dalam sekam" ataupun "*snake in the grass*".

Tuan Pengerusi, tentang perkara yang melibatkan Singapura, kita pernah mendengar kenyataan daripada Menteri Luar Singapura Encik George Yeow bahawa yang menyifatkan era pimpinan baru Singapura di bawah Brigadier General Lee Hsien Loong dan era Pak Lah adalah merupakan suatu era baru yang akan memberikan nafas baru dalam hubungan dua hala ini.

Tetapi isu mutakhir yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat sebentar tadi sebagai contoh tentang isu penambakan laut *reclamation work* dan juga isu tentang pembinaan jambatan baru yang melibatkan hubungan dua hala ini semacam kita menyaksikan suatu jalan buntu di mana di dalam satu artikel yang ditulis tentang Singapura yang bertajuk *Singapore warns of serious implications if Malaysia goes ahead with project* di mana dalam isu ini kita menyaksikan bagaimana Singapura telah meminta *demand* dua perkara yang sangat *fundamental* di dalam isu keselamatan negara.

Yang pertamanya mereka *demand* tentang ruang angkasa yang lebih luas untuk mereka bersetuju untuk menyambung jambatan yang telah dipersetujui di peringkat awal.

Yang kedua tentang konsesi ataupun pembelian pasir untuk Singapura meneruskan projek yang melibatkan penambakan laut di sebelah selatan. Jadi, ini sudah tentu melihat kepada perkara yang semakin kronik dan semakin serius yang melibatkan hubungan dua hala.

Berdasarkan kepada hujah Yang Berhormat sebentar tadi, yang terlalu banyak menyentuh dalam hubungan kita dengan Singapura, saya ingin mempersoalkan apakah telah sampai masanya Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar ini mengkaji semula dasar perundingan kita dengan jiran-jiran kita ini, adakah kita terus dengan sifat *defensive* di dalam mempertahankan hak kita dan dalam mematuhi semua perjanjian-perjanjian yang melibatkan hubungan dua hala ini.

Dalam isu sebagai contoh, penambakan laut yang Menteri Luar mendakwa kita telah berjaya sepenuhnya, tetapi fakta yang kita terima, Kerajaan Singapura hanya membayar tidak sampai SD300,000 terhadap nelayan-nelayan kita yang terpaksa menghadapi kerugian, kehilangan pendapatan akibat kerja-kerja penambakan laut ini. Adakah harga yang ditetapkan yang dibayar oleh Singapura sebanyak hanya tidak sampai SD300,000 itu kita anggap telah berjaya. Adakah itu kejayaan yang sebenarnya. Adakah itu suatu harga yang perlu kita bayar terhadap kehilangan pendapatan ribuan nelayan-nelayan daripada Tanjong Pengeleh sampai ke Tanjong Piai yang melibatkan kerja penambakan laut ini. Adakah ini suatu kejayaan yang boleh kita banggakan.

Yang kedua Tuan Pengerusi, tentang hubungan kita dengan Thailand dan saya suka untuk menekankan pada pagi ini bahawa dalam isu yang mutakhir yang melibatkan pelarian Thailand yang seramai 131 orang yang melibatkan dasar luar kita dengan negara Thailand. Kita telah cukup saya rasa dari segi hubungan diplomatik dan rasa peri kemanusiaan memberikan perlindungan kepada mereka yang datang menyeberang ke dalam negara kita dan ini kita tegaskan bahawa kita sekali-kali akan menghantar kembali pelarian ini seandainya tidak ada

suatu jaminan daripada Kerajaan Thailand ataupun jaminan daripada badan yang lebih besar seperti PBB akan keselamatan nyawa mereka.

Di samping itu, kita melihat suatu perkara yang sangat menyedihkan ialah apabila tuduhan demi tuduhan dilemparkan oleh Bangkok terhadap Kuala Lumpur dengan mengatakan kita melindungi pengganas dan memberikan tuduhan bahawa kita tidak serius dalam membantu mereka. Saya rasa dalam aspek ini, Malaysia sebagai anggota ASEAN, Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan Malaysia sebagai Pengerusi kepada Negara-negara Berkecuali (NAM) ini seharusnya memainkan peranan yang lebih proaktif terhadap isu ini, isu yang melibatkan bagaimana Thaksin tidak boleh menjawab dalam pentas antarabangsa mengapa dia membunuh rakyatnya sendiri.

Kalau benar Thaksin mengatakan mereka adalah pengganas, mereka adalah penagih dadah, kita ingin bertanya, Parlimen Malaysia ingin bertanya adakah keseluruhan rakyat di selatan Thailand itu dalam empat wilayah itu mereka adalah semu pengganas? Adakah mereka semua pengedar dadah? Adakah mereka semua penjenayah sebagaimana yang mereka dakwa terhadap rakyat di selatan Thailand itu.

Saya telah di *interview* oleh beberapa akhbar utama Thailand dalam bulan puasa yang lalu yang mengatakan bahawa dengan menuduh negara Malaysia dan khususnya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) memberikan perlindungan dan memainkan sentimen agama, memainkan sentimen rakyat Patani kononnya dalam isu yang berlaku di selatan Thailand ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan bahawa negara kita dan parti kami memang kita ada suatu prinsip yang sama iaitu kita menentang keganasan. Kita tidak bersetuju dengan mana-mana pihak, mana-mana agama, hatta agama Islam sendiri, orang Islam sendiri yang menganjurkan keganasan. Saya menyatakan dengan tegas bahawa semasa rejim Pol Pot, Khmer Rouge dahulu membunuh satu juta rakyatnya sendiri. Kita mengutuk akan serangan ini. Pol Pot, walaupun itu dilakukan tidak kena mengena dengan umat Islam. Pol Pot membunuh rakyatnya sendiri, kita berhak untuk bertanya mengapa mereka membunuh rakyatnya sendiri?

Di dalam isu ini saya melihat Bangkok telah melakukan suatu perkara yang melampau dan Bangkok seharusnya minta maaf secara terbuka kepada Kuala Lumpur tidak menghargai langsung akan peranan yang kita mainkan terhadap menjaga keselamatan dan juga menjaga hubungan dua hala ini yang seolah-olah Thaksin berlagak seperti polis dunia yang saya juga ingin menyatakan jangan Thaksin termasuk atau adakah supaya Thaksin termasuk dalam rangkaian yang ditaja oleh Amerika Syarikat yang dalam jiwanya memang anti Islam dan anti rakyat Patani ini.

Saya melihat tentang perkara ini Tuan Pengerusi supaya kita harus mengkaji semula tentang dasar perundingan kita dan dasar hubungan dua hala kita khususnya kepada jiran-jiran yang saya sifatkan semakin kurang ajar ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Tuan Pengerusi terima kasih sebab sahabat saya daripada Kubang Kerian memberi laluan kepada saya. Saya ingin memohon penjelasan, pada pandangan Yang Berhormat apakah peranan yang lebih keras harus dimainkan oleh OIC dan negara Malaysia di dalam sama-sama kita mahu melihat bahawa Thailand juga menghormati pandangan negara-negara jiran dan juga pandangan negara-negara Islam dalam hal ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih sahabat saya daripada Gombak tentang isu di Selatan Thailand ini, kadang-kadang Tuan Pengerusi bukan selalu, kadang-kadang kita harus memperlihatkan sikap kita yang tegas. Kuasa besar dunia bukan kita mahu meniru cara mereka tetapi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Kalau mereka merasakan ada mana-mana negara yang cuba mengganggu gugat kepentingan mereka, mereka akan menggunakan tekanan ekonomi. Malaysia sebuah negara yang diberikan kepercayaan mengetuai OIC, kadang-kadang kita boleh menggunakan kekuatan ekonomi negara-negara umat Islam untuk memberikan suatu penekanan terhadap negara-negara yang seperti ini.

Kita tidak boleh berdiam sepanjang masa, sepanjang tahun, sepanjang puluhan tahun untuk menyaksikan nyawa manusia tergadai dengan begitu mudah, dan kita hanya menyatakan kita ada hubungan yang baik, kita ada cara diplomatik sedangkan negara-negara ini tidak pernah hormat tentang diplomatik, mereka memadamkan istilah “diplomatik” dalam kamus mereka, jadi kita tidak akan pergi terlalu jauh tetapi saya mengharapkan kita tahu untuk menari dalam rentak irama yang dipalukan oleh pihak musuh, saya rasa itu cara yang terbaik. Akhir sekali Tuan Pengerusi saya minta satu penjelasan tentang dasar luar negara terhadap negara haram Israel ini.

Adakah dasar kita masih konsisten yang mana saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, yang dahulunya sebuah syarikat penerbangan dalam negara kita Airod pernah mengadakan hubungan rahsia dengan negara haram Israel ini dan kemudian satu isu yang baru, di mana saya diberikan laporan bahawa jurucakap Kementerian Luar Israel *Leor Ben Dor* memberitahu *United Press International*, bahawa Israel meletakkan keutamaan untuk mewujudkan hubungan dengan sebanyak mungkin negara-negara Islam dan termasuklah negara kita Malaysia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar Larut: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup masa Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Adakah kita.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh, boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Salahuddin bin Ayub:kita perlu untuk memperjelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup masa Yang Berhormat, cukuplah cukup masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cukup? Boleh minta penjelasan ataupun cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup masa untuk....

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, sebelum saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Luar Tuan Pengerusi B.13 di bawah Butiran 030000, 030100 - Pertubuhan Serantau -Kerjasama ASEAN. Sebelum itu saya tertarik dengan hujah rakan PAS daripada Kubang Kerian bertanyakan, apakah kerajaan konsisten atau tidak dengan dasar kita terhadap Israel?

Saya hendak tanya pada Yang Berhormat tentang pemuda PAS ini kalau dahulu bekas ketua pemuda PAS begitu beria-beria sampai kena tangkap masuk dalam jail kerana membantah tindakan datangnya pasukan tenis kalau tidak silap saya ke Malaysia, jadi apakah pula tindakan pemuda pada zaman Yang Berhormat? Jadi Tuan Pengerusi saya hendak menyentuh sedikit di sini untuk membuat satu penjelasan kepada Kementerian Luar, kepada Setiausaha Parlimen oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada, tentang kesungguhan Malaysia terutama sekali dalam mempertahankan martabat negara-negara ASEAN. Oleh kerana kita bukan sahaja pintar dalam menegakkan kebenaran di peringkat pertubuhan ASEAN, bahkan kita juga mengepalai pertubuhan seperti NAM, OIC.

Bahkan kita sentiasa dipuji dan dihormati dan saya sendiri boleh menyatakan kebenaran ini selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menghadiri persidangan di Afrika baru-baru ini, di mana bertapa kita terus diberikan pemerhatian dalam usaha-usaha menegakkan kebenaran termasuk keganasan. Soalan saya di sini ialah tentang pertubuhan ASEAN ini, di mana ura-ura kita untuk menubuhkan EAEC di kalangan negara-negara ASEAN, tetapi malangnya negara-negara di dalam ASEAN itu sendiri seperti Singapura, Thailand dan Filipina di antara yang kononnya tidak menyokong. Bahkan mereka ini lebih tertarik dengan APEC, saya ingin tahu apakah sebabnya mereka ini bersikap demikian? Adakah ada dalang di belakangnya?

Apakah Amerika di belakangnya ataupun negara-negara lain yang mengambil kesempatan supaya kekukuhan yang begitu baik, untuk tujuan yang begitu baik ini gagal dilaksanakan? Jadi Tuan Pengerusi itu sahajalah yang saya mohon penjelasan daripada kementerian berhubung dengan apa yang telah saya bangkitkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bahas mengenai tajuk 010400 - Undang-undang Antarabangsa dan Triti.

Tuan Pengerusi pada 17 Julai 1998 di Rom, Itali beberapa negara telah bersetuju untuk menubuhkan satu *International Criminal Court*. Pada masa itu Malaysia juga menjadi satu pemerhati di sana dan perkara itu telah beberapa tahun, dan satu mahkamah telah ditubuhkan di *The Hague*, tetapi sehingga ini Malaysia belum menjadi satu negara *signatory* atau *merectifykan treaty* tersebut. Apakah sebab itu berlaku? Walaupun pada 4 Oktober tahun dahulu saya telah membangkitkan perkara itu pada *committee stage* juga dan Kementerian Luar telah mengatakan bahawa Kementerian Luar Negeri sedang meneliti beberapa terma-terma perjanjian tersebut di antaranya dikatakan bahawa, separuh dari terma-terma tersebut telah pun diteliti dan mungkin sebelum cukup tahun perkara itu akan habis dan Kerajaan Persekutuan akan membuat satu keputusan yang muktamad. Adakah Malaysia akan menjadi satu anggota dengan ICC?

Pada pandangan saya dan beberapa negara lebih dari 100 negara di dunia ini telah menjadi anggota *International Criminal Court*. Saya rasa kerajaan perlu meneliti dengan serius dan mengambil beberapa tindakan susulan supaya kita menjadi anggota di ICC. Saya difahamkan baru-baru ini pada 5 Oktober Presiden ICC iaitu Judge Philip Kirsch telah datang ke Kuala Lumpur atas undangan Kementerian Luar Negeri dan telah memberi beberapa penerangan kepada Kementerian Luar Negeri. Apakah fungsi ICC, dan apakah implikasi dan kebaikan negara Malaysia menjadi anggota dalam ICC? Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara itu? Apakah telah berhasil dari perjumpaan di antara beberapa anggota-anggota luar negara pada 5 Oktober dan juga dari *The Hague* dari Hakim Philip Kirsch yang telah datang dan apakah keputusan yang telah diambil dan apakah yang kami telah belajar dalam hal ini?

Selain dari itu Tuan Pengerusi saya juga ingin bangkitkan mengenai pengambilan pekerja-pekerja luar negara. Baru-baru ini satu delegasi telah pergi ke Pakistan, di mana saya sendiri telah berada di sana dan saya hairan, *stand* yang diambil oleh kerajaan di negara Malaysia ini adalah, di mana kita telah membenarkan 100 ribu pekerja datang dari Pakistan, akan tetapi saya difahamkan oleh duta di Rawalpindi bahawa mereka tidak menapis, *they have got no....* tidak ambil apa-apa peranan dalam menapis apa-apa pekerja yang datang dari Pakistan ke Malaysia. Walhal perkara itu sangat senang sekarang membenarkan rakyat Pakistan datang sahaja terus *it's a private arrangement*, walhal kita ada imigresen *attaché* di Rawalpindi untuk membuat usaha-usaha sedemikian, tetapi tidak diberi kuasa untuk mengendalikan perkara itu dan kerajaan nampaknya tidak serius dan tidak mengambil perhatian bahawa sesuatu perkara yang tidak diingini akan berlaku. Kerana kerap kali kita dengar perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di Pakistan

Saya harap penjelasan dapat diberi mengenai perkara ini. Dan juga semasa kami berada di Pakistan, kami difahamkan bahawa lebih dari 30 tahun dahulu, negara Malaysia telah membeli sebidang tanah di Rawalpindi. Tetapi tidak ada apa-apa bangunan didirikan di tanah tersebut walhal pada masa ini dan dalam lingkungan 30 tahun ini kita sedang sewa dan

membayar berjuta-juta ringgit kepada pihak-pihak yang saya pun tidak faham kenapa tidak ada logik kami dibawa ke tempat tersebut. Tempat tanah yang dibeli oleh Kerajaan Malaysia, tetapi kenapa bangunan itu tidak didirikan. Dan juga mengenai perlantikan *ambassadors* atau *high commissioners*.

Baru-baru ini bila kita di Pakistan, *ambassador*, *high commissioner* itu, kontrak dia telah lupus. Dia adalah seorang bekas *General*. Sudah luput, tetapi dia berada di sana, dengan izin, *he is neither there nor here*. Dan dia sendiri tidak tahu adakah kontrak itu akan dilanjutkan. Dan saya difahamkan, bila saya balik ke Malaysia, ramai di antara orang yang layak menjadi *ambassador* atau *high commissioner*, tidak mendapat jawatan-jawatan tersebut kerana ramai di antara ini dilantik secara kontrak.

Secara kontrak dan stop gap measure. Ini mengehendkan atau tidak memberi galakan atau tidak memberi privilege kepada orang-orang yang sedang berkhidmat atau orang-orang yang layak untuk menjadi *ambassador* atau *high commissioner*. Saya harap dalam perkara ini juga satu penjelasan dapat diberi, terima kasih.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua lagi, selepas... tadi Yang Berhormat tak bangun ya... Baiklah, saya bagi ketiga-tiga lah. Lepas tu Timbalan Menteri boleh jawab. Yang Berhormat Jasin, sila.

12.23 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak bersama-sama dengan rakan-rakan dalam membahaskan B.13. Butiran 02000, Butiran 03000, berkenaan dengan Kementerian Luar ini, kita lihat pada hari ini, negara kita sudah muncul sebagai satu *trading nation* yang agak penting di dalam dunia. Justeru itu, kita harap supaya *embassy* ataupun kedutaan-kedutaan kita juga menonjol. Ini kita lihat apabila kita berpeluang pergi luar negara, mengikut Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri. Kadang kala kita tengok sedih. Pegawai-pegawai kita tidak mempunyai alat-alat komunikasi yang cukup. Tuan Pengerusi, di Burma hari ini, nama Malaysia begitu harum di Burma. Pencapaian syarikat-syarikat kita sedang buat berniaga di Burma itu, sebegitu hebat sekali. Tetapi, kita lihat di Burma, *second man*, orang yang kedua daripada Duta, *hand phone* pun tak ada. Kerana di sana *hand phone* tu mahal. Dan ini sepatutnya disediakan oleh kementerian. Supaya kakitangan kita di luar negara dapat berkhidmat dengan lebih baik.

Begitu juga dengan kereta. Saya kira Ipoh Barat tadi tak timbul masalah kereta dekat Pakistan. Bagaimana kereta-kereta kita dekat Kedutaan Pakistan. Nak cakap bahasa kita di sini 'lauya'. Ini maruah kita Tuan Pengerusi. Dan kalau kita lihat, dalam segi Kementerian Luar, kadang-kala kita tengok Indonesia ni, dia lebih susah daripada negara kita, Indonesia. Malaysia

ni lebih tinggi, tetapi tentang kementerian luar mereka, tentang kedutaan mereka, Tuan Pengerusi, maruah negara mereka paling dijaga di luar negara.

Saya berharap Kementerian Luar ini kena ada *paradigm shift* kerana kita nak menjual negara kita. Dan perkara-perkara macam ini kita jangan abaikan. Dan kita berharap kalau akan datang ini, Kementerian Luar kena buat bajet yang lebih besar lagi, kerana kita pada hari ini, kita nak jual negara kita di luar. Ya sahabat saya Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Yang Berhormat Jasin, saya ingin tanya soal, memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin tentang soal kereta ini. Bukankah lebih membanggakan kalau duta-duta kita, *ambassador* kita menggunakan Proton Perdana Executive, sebagai simbol kejayaan negara dalam membuat kereta dan sebagainya. Ini juga adalah satu cara untuk mempromosikan negara. Daripada kalau Perdana Menteri, Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen juga boleh pakai Proton Perdana kita, mengapa tidak duta-duta kita di luar negara?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Terima kasih sahabat saya yang bijaksana daripada Gombak. Kadang-kadang kita tak tahu menggunakan kekuatan kita. Kita adalah satu buah negara yang kedua belas dalam dunia yang mengeluarkan kereta. Dan cara kita nak mempromosikan kereta-kereta proton kita ini, marketnya dah sedia ada. Di seluruh dunia, kedutaan kita berada. Berapa puluh buah negara. Apa salahnya, kita letak paling tidak pun lima kereta Perdana di tiap-tiap kedutaan, dengan tak secara langsung, *this is Malaysian embassy, this is Malaysian car* yang dibuat di Malaysia. Kita boleh jual. Kita tunjuk! Ini, yang sedihnya, Kedutaan Pakistan pakai van Datsun. Di Myanmar saya pergi pun kereta-kereta negara lain yang orang kita pakai. Tetapi kita sedang menghadapi. Kita banyak cerita tentang Proton ini. Nak eksport luar negara yang akan datang. Mengapa tidak, kita pastikan. So kalau negara itu kena bayar cukai tiga kali ke lima kali ganda, tetapi kereta Proton mesti sampai di kedutaan kita untuk kegunaan kakitangan. Duta kita, kakitangan kita di negara-negara ini. Di luar sana, supaya dengan tak secara langsung, dapat mempromosikan kereta negara kita.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sebab kita lihat, saya pernah bercakap, pada tahun sudah, isu bagaimana yang disebut oleh banyak wakil rakyat. Tentang isu tambakan pulau di Singapura. Mereka mempunyai satu *fund* dalam Kementerian Luar mereka. Mereka buat baik dengan media-media massa dunia ini.

Walhal dalam hubungan antarabangsa adalah menjadi kesalahan untuk sebuah-sebuah negara itu membeli pasir, membeli tanah negara-negara lain. Tetapi Singapura buat. Beli daripada Indonesia. Indonesia menghantar protes. Dia kata apa, dengan angkuh dia bercakap, *we doesn't get the sand free*, dengan izin. *We pay for the sand. Who ever want to sell us we will buy*, kata dia.

Tetapi media antarabangsa senyap. Tetapi kalau Malaysia kalau buat macam itu, media antarabangsa akan membesar-besarkan cerita bahawa Malaysia melanggar undang-undang

antarabangsa. Mengapa benda ini boleh berlaku? Tidak berlaku di Singapura? Kerana Singapura mempunyai fund di dalam Kementerian Luar dia untuk menjaga media-media antarabangsa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Jadi, oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, kita berharap, *paradigm shift* terhadap Kementerian Luar kita, kita kena jaga kepentingan kita. Kalau kita kena harus berbaik-baik dengan media menggunakan kena ada kos untuk itu kita kena buat. Ini apabila sikit masalah yang kecil sahaja berlaku dekat Malaysia, media antarabangsa akan memperhebah-hebahkan hak asasi manusialah, Malaysia melanggar hak antarabangsalah, macam-macam dia buat.

Tetapi negara macam Singapura itu, apa benda yang dia tak buat di dalam dunia ini. Semua dia buat. Tetapi media antarabangsa tidak langsung keluarkan berita-berita buruk mereka di media antarabangsa kerana mereka menjaga media dunia. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Luar ini dapat memikirkan cara bagaimana untuk menjaga nama baik Malaysia, menjaga maruah Malaysia dan kita harap supaya kedutaan-kedutaan luar kita diberi kelengkapan secukupnya supaya dapat menjaga dan menjual maruah negara kita di persada antarabangsa. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya diberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan berkenaan Kementerian Luar di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin berbincang di bawah tajuk 02000 - Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar.

Saya lihat salah satu komponen yang paling penting dalam hubungan dua hala dan perancangan dasar ini ialah perkara yang berkaitan dengan penerangan luar negeri, ya. Saya mendapati bahawa ini adalah satu komponen yang amat penting. Satu komponen yang harus juga diberi penekanan bahawa, seperti mana yang kita tahu bahawa sekarang ini Malaysia contohnya. Malaysia dikenali di dunia sekarang ini sebagai pemimpin negara Islam. Dan pada masa ini juga, Malaysia merupakan Pengerusi Pertubuhan OIC.

Jadi, amat penting peranan ini dimainkan oleh pejabat-pejabat kedutaan kita di luar negara. Setiap duta dan diplomat-diplomat di luar negara, harus arif, harus memainkan peranan ini dengan lebih berkesan untuk mengurangkan persepsi-persepsi negatif terhadap negara-negara Islam, untuk memberi penerangan-penerangan mengurangkan persepsi-persepsi negatif terhadap orang-orang Islam dan negara-negara Islam. Untuk menerangkan kepada negara-negara di mana mereka itu bertugas tentang pendekatan Malaysia terhadap *terrorism*, contohnya.

Dan, juga kita mahukan bahawa melalui penerangan-penerangan ini bahawa persepsi-persepsi negatif yang sekarang ini banyak timbul terhadap orang Islam ataupun negara Islam

dapat dikurangkan. Selain daripada itu, mereka di peringkat kedutaan harus juga memainkan peranan penting di dalam mempromosi pendekatan Islam Hadhari yang dibawa oleh Perdana Menteri Malaysia. Jadi, perkara-perkara ini pada saya, penerangan ini amat penting, amat perlu ditekankan supaya dengan cara inilah kita memperoleh publisiti, dengan cara inilah kita dapat menerangkan kepada negara-negara di mana kedutaan itu terletak, tentang dasar-dasar kita dan pendekatan kita terhadap sesuatu isu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selamat pulang ke tanah air kerana dihantar ke Rabat, Morocco. Saya bersama dengan Yang Berhormat, kebetulan kita berada di bulan puasa dengan sebuah negara serumpun, dan alhamdulillah, dalam penjelasan kita telah dapat memberi satu keadaan di mana tanggapan-tanggapan yang agak dingin kepada kita telah dapat diterima terutama di kalangan negara jiran kecuali ada satu dua yang degil. Yang Berhormat menyentuh tentang publisiti, tadi rakan-rakan berucap tentang masalah tanggapan negatif terutama sekali daripada media, media antarabangsa seperti CNN dan sebagainya yang kadang-kadang boleh mengelirukan tanggapan negatif terhadap dunia luar terhadap Malaysia, walaupun kita telah bertindak sebaik mungkin tentang keganasan dan sebagainya.

Apakah Yang Berhormat setuju, oleh kerana di kedutaan kita ini ada pelbagai jabatan yang berhubung dengan ekonomi, pelaburan, kita cadangkan supaya diwujudkan satu lagi media di setiap kedutaan kita, supaya media kita dapat memainkan peranan dengan lebih baik dengan lebih positif. Ramai di kalangan media kita yang boleh, berkaliber, bahkan ada kalangan wartawan kita yang pernah dapat tawaran, *offer*, dengan izin, di CNN dan sebagainya. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, kita ajukan supaya Kementerian Luar selepas ini jangan tunggu lagi, diwujudkan satu unit, jabatan, di mana media kita akan turut berada di setiap kedutaan kita, agar mereka akan terus memberi penjelasan, penerangan, keadaan negara kita yang sebaik mungkin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut itu. Bukan sahaja kalau kita lihat sama ada kita letakkan wakil media tetapi juga mungkin kita letakkan sebagai Pegawai Penerangan di setiap kedutaan yang boleh memainkan peranan ini lebih berkesan. Pada saya kalau kita ada Pegawai Penerangan ataupun orang yang boleh menerangkan isu-isu ini dengan berkesan ini bukan sahaja boleh memberi keuntungan kepada kita dari segi politik tetapi juga boleh memberi pulangan, keuntungan kepada negara kita dari segi kedudukan ekonomi dan juga perdagangan kerana ada kepercayaan yang lebih dan juga ada pemahaman yang lebih dari negara-negara luar terhadap negara kita.

Selain daripada itu, saya juga ingin melihat peranan yang harus dimainkan oleh duta-duta dan diplomat-diplomat ini. Saya melihat bahawa - harap Kementerian Luar harus lebih berhati-hati dan juga lebih mengadakan kriteria yang lebih ketat dalam memilih duta-duta dan juga diplomat-diplomat. Kita mahukan seorang duta yang berketerampilan, seorang duta yang mempunyai kekuatan komunikasi. Pada saya, ini melambangkan kekuatan negara, kita juga mahukan seorang duta dan juga diplomat yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, pengetahuan yang mendalam, bukan sahaja berkenaan negara kita Malaysia tetapi berkenaan *world affairs*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dapat angin perubahan dari negara Afrika Utara, terima kasih. Saya hendak teruskan, memang benar saya akui, seolah-olah mereka ini, bukan semua Tuan Pengerusi, seolah-olah mereka ini terasa macam makan angin, berada di mana untuk mereka menghabiskan percutian. Apakah Yang Berhormat bersetuju, ada di kalangan orang-orang politik, seperti Yang Berhormat umpamanya, yang tidak berada dalam barisan Kabinet di lantik, diberi taraf Menteri sebagai duta di luar negara. Ini bukan satu perkara yang kita rasa remeh sebab dari segi personaliti mereka ini lebih tahu, lebih bertanggungjawab, *accountability*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Kalau tidak susah juga. Kita kadang-kadang kasihan tengok duta kita yang berada di luar kadang-kadang 'daif' minta maaf. Jadi, mintalah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu kerana kita didapati bahawa salah satu tujuan utama kita meletakkan duta-duta di luar negara ialah untuk mengadakan hubungan politik. Dan, kalau kita letakkan orang politik, misal katanya Ahli Parlimen atau bekas-bekas Ahli Parlimen, mereka ini memang sudah mengetahui dan telah berada di dalam politik dan mengetahui perkara itu dengan lebih mendalam selain daripada tujuan-tujuan lain. Jadi, saya memang bersetuju dengan pandangan sahabat daripada Yang Berhormat bagi Larut tadi.

Selain daripada itu, kita juga mahukan bahawa para diplomat dan juga duta-duta kita ini mempunyai keupayaan menulis saya lihat. Misal kata kalau ada serangan-serangan dan juga tohmahan-tohmahan dalam akhbar dan media berkenaan dengan sama ada Islam ataupun Malaysia mereka sekurang-kurangnya boleh menjawab dengan cara penulisan yang baik. Sekurang-kurangnya *skills* ataupun kemahiran-kemahiran yang asas ini harus diberikan kepada para diplomat dan juga para duta kita.

Selain daripada itu, saya melihat juga Kementerian Luar harus dari masa ke semasa memikirkan pendedahan yang harus diberikan kepada Ahli-Ahli Parlimen terhadap perhubungan

dua hala, perbincangan *negotiation* dengan negara-negara luar dan juga interaksi dengan pemimpin-pemimpin luar kerana kalau tidak ada pendedahan kepada.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail:Ahli-Ahli Parlimen ini, maka saya rasa apabila mereka nanti memegang jawatan-jawatan tersebut mereka akan merasai sesuatu yang sukar ataupun mengambil masa yang lama untuk mereka mendapat kemahiran tersebut.

Selain daripada itu, kita lihat bahawa kebanyakan kita punya duta dan diplomat pada masa ini mengadakan hubungan dua hala, mengeratkan perhubungan di antara negara-negara, kebanyakan mereka ialah hanya melalui program-program sosial. Sama ada program sosial misal kata acara makan-makan, misal kata cara main golf dan sebagainya. Saya rasa kita harus juga melihat program meningkatkan perhubungan dua hala, memperkenalkan negara melalui program-program intelektual. Harus ada duta-duta kita, diplomat-diplomat kita boleh duduk berbincang, boleh memberikan pendapat dan pandangan di dalam forum-forum nasional. Kalau *international* mungkin kita bawa Menteri kita bawa wakil-wakil daripada Malaysia. Kalau program-program nasional di peringkat kebangsaan negara tersebut, duta kita dan diplomat kita harus mempunyai keupayaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Silakan, sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya. Sedikit penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya duta ini - memang baik duta kita buat kerja eloklah. Cuma hendak tambah bagi elok sedikit lagi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kadang-kadang negara-negara luar ini yang tidak suka kepada Malaysia dia serang kita. Jadi, boleh atau tidak duta-duta kita ini juga memainkan peranan untuk membalas balik serangan-serangan itu, memberi penjelasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat perkara ini mungkin telah pun dibangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya Yang Berhormat baru masuk.

[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya baru datang baru sampai, Tuan Pengerusi, tadi ada sedikit masalah di jalanan. Pasal 'PIUS' punya *Smart Tag* itu jatuh atas kereta saya, cermin pecah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak alasan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya lambat sedikitlah. Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak begitu juga duta-duta ini kena faham masalah politik negara kita supaya memperjelaskan kepada orang-orang kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara itu pun telah dibangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah cakap sudah? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Yang sebenarnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan perkara ini telah pun saya timbulkan tadi, telah saya bangkitkan tadi. Cuma saya hendak bertanya satu soalan kepada Kementerian Luar, apakah pendekatan dasar luar, selain daripada pendekatan dasar luar kita melihat kepentingan dari segi hubungan politik, hubungan ekonomi dan perdagangan, bagaimana pendekatan kita tentang budaya. Pada saya ini juga penting, saya lihat contohnya misal kata di sesetengah negara di mana banyak terdapat pelajar-pelajar Malaysia. Ramai pelajar Malaysia itu, ingin mempromosi budaya Malaysia melalui pertunjukan-pertunjukan yang berkaitan dengan seni dan budaya Malaysia, tetapi kebanyakan dari mereka ini tidak dapat dibantu oleh Kementerian Luar kerana tidak ada peruntukkan-peruntukkan daripada Kementerian Luar. Bukankah kalau Kementerian Luar melalui pejabat-pejabat kedutaan dapat membantu pelajar-pelajar ini dalam mempromosikan kebudayaan ini dapat mengurangkan kos daripada kita membawa wakil-wakil kita dari Malaysia terus ke negara tersebut.

Perkara ini juga harus kita lihat contohnya baru-baru ini sebelum ke Morocco saya juga singgah ke Kaherah di mana saya telah dapat bertemu dengan ramai pelajar Malaysia di sana dan kebanyakan pelajar Malaysia di sana begitu ghairah di dalam mempromosi dan mempamerkan kebudayaan Malaysia kepada rakyat di sana, tetapi kalau kita lihat peralatan-peralatan yang mereka gunakan, begitu daif, kalau tadi dapat dibantu oleh Kementerian Luar kerana tidak ada peruntukan dan sebagainya dan Kementerian Luar hanya boleh membawa satu pasukan penari ataupun pasukan kebudayaan daripada Malaysia untuk mempamerkan kebudayaan Malaysia. Ini memerlukan kos yang lebih tinggi, bukannya aspek budaya juga merupakan satu aspek dalam perhubungan luar kita dengan negara-negara luar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tidak hendak berucap?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit, selepas itu Menteri jawab.

12.42 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai perkara 020100 - Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi dan Butiran 030000 – Perhubungan Pelbagai Hala. Sabak Bernam ingin mengkhususkan terhadap usaha di peringkat antarabangsa untuk mempertingkatkan kerjasama mencegah penyeludupan dari tiga aspek, iaitu aspek penyeludupan manusia (*human trafficking*), yang keduanya, penyeludupan senjata (*arm trafficking*), dan penyeludupan dadah (*drug trafficking*). Kita dapati bahawa kebanyakan ataupun najis dadah ini khususnya bekalannya tidak berhenti daripada luar negara. Oleh kerana itulah maka usaha pihak kerajaan untuk membanteras salah guna dadah ini kalau tidak ada kerjasama di peringkat antarabangsa, memang sukar sekali untuk diatasi. Kita sangat dekat dengan *The Golden Triangle* di mana Burma merupakan pembekal yang utama bekalan najis dadah itu.

Begitu juga dengan Inverell Triangle dan Diamond Triangle di mana di peringkat antarabangsa sebenarnya dadah ini terus masuk ke negara kita. Oleh kerana itu, kita mencadangkan pihak Kementerian Luar Negara ataupun Luar Negeri bersama-sama dengan mungkin yang terdekat Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengadakan satu pakatan bersama supaya usaha mencegah kemasukan dadah ini seperti diatasi, itu sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri, sila.

12.43 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih kepada sembilan orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh.

Dato' Joseph Salang Gandum: Oh, sepuluh, terima kasih sebab Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan bajet dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Luar.

Yang Berhormat bagi Kemaman telah menyebut tentang *South-East Region for Centre Counter Terrorism (SEARCCT)* dan kita menerima baik sokongan dan pujian dari Yang Berhormat atas peranan Kementerian Luar dan peranan Malaysia yang selama ini dikutuk oleh beberapa negara tetapi sekarang telah dicontohi oleh beberapa negara mengenai ISA dan berkemungkinan ini tidak akan menyenangkan hati sesetengah yang suka menengok Malaysia dipandang rendah oleh negara-negara lain.

Berkenaan dengan pertanyaan adakah kementerian bercadang untuk meminda undang-undang khas yang boleh membebaskan negara kita dari keganasan. Malaysia telah menjadi

parti kepada lima daripada 12 konvensyen dan protokol antarabangsa yang berkaitan dengan keganasan dan diharapkan tidak lama lagi Malaysia menyertai 7 lagi konvensyen berkaitan. Ini diharapkan dapat dimasukkan dalam pemindaan *Criminal Procedure Code* CPC dan sekarang dalam Jawatankuasa Pilihan Khas dan dijangka akan disiapkan pada bulan Mac tahun hadapan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rasa jawapan beliau melepaskan kerinduan ramai Ahli Parlimen yang sudah lama tidak dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menjawab soalan seperti ini. Soalan saya, tadi saya sebutkan tentang beberapa nama, tadi saya tidak sebut nama, tetapi saya sangat memerlukan satu jawapan daripada kementerian, kita ada SEARCCT tadi tentang Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan.

Dua tiga hari ini, kita tidak ada cerita lain, cerita tentang nama Dr. Azahari, tadi saya tidak sebutkan nama. Seorang pakar kimia, bekas pensyarah di sini duduk di sana dan mengumpulkan orang yang terlibat dengan beberapa letupan di sana. Sedangkan kita ada pusat mencegah. Apakah kementerian ini pusat ini ada membuat penyelidikan atau maklumat tentang dengan izin Tuan Pengerusi, *the origin of terrorism*, apakah menjadi punca, kenapa Malaysia kadang-kadang sudah mula dikaitkan dengan ada unsur mengeksport ke sana dan apakah langkah kementerian untuk menafikan bahawa ini tidak ada kena mengena dengan kita.

Bagaimana kita hendak menyucikan nama kita daripada tanggapan. Bayangkan kalau negara kita ada beberapa letupan dikaitkan dengan seorang daripada negara lain. Sudah tentu rakyat negara kita memandang buruk negara tersebut. Dan sekarang ini di Indonesia dikaitkan dengan nama Dr. Azahari, asal dari Malaysia. Apakah langkah secara spesifik yang diambil oleh badan seperti pusat serantau ini yang aktiviti ini masalah dia. Saya inginkan dapat penjelasan supaya dalam kegawatan isu Dr. Azahari, ini ada jawapan rasmi daripada kementerian tentang apakah pendirian kita mengenai isu-isu seperti ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman di SEARCCT ada sokongan yang diterima oleh kita dari negara-negara maju terutama dari Amerika Syarikat dalam mengendalikan kursus-kursus yang kita anjurkan di institut tersebut. Dan berkenaan dengan Dr. Azahari, ianya adalah seorang dikenali sebagai ahli JI dan sentiasa dipantau oleh beberapa negara dan pertukaran maklumat di antara negara-negara ASEAN dan negara-negara yang berkongsi maklumat, yang ada persefahaman berkongsi maklumat dengan kita adalah jalan kita meneliti dan memantau kegiatan dan perjalanan mereka yang terbabit dalam beberapa keganasan yang dikenali

Dan tadi Yang Berhormat bertanya adakah peruntukan RM4.5 juta itu cukup? Jawapannya ialah, "Ia tak berapa mencukupi", tetapi memandangkan ada sokongan dari negara-negara lain yang sama-sama berkongsi pendapat dengan kita untuk membendung kegiatan pengganas antarabangsa, adalah diharapkan peruntukan yang sedemikian mencukupi untuk sementara. Dan bila didapati ianya tak mencukupi, kita akan meminta peruntukan yang lebih tinggi di pertengahan tahun hadapan.

Ipoh Timor telah meminta penjelasan berkenaan dengan "kayu" yang disebutkan atau dilaporkan dalam surat khabar, telah diberikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri kita. Ini tidak ada dalam peruntukan belanjawan pada tahun 2006 dan saya akan minta pegawai-pegawai kita yang bertugas menulis jawapan terus kepada Yang Berhormat sekiranya dikehendaki.

Ipoh Timor juga ingin tahu bahawa, adakah kita berjaya sebagai Pengerusi NAM. Kita memang mengaku bahawa kita berjaya, tetapi pengakuan itu adalah tertumpu pada pengakuan kita sendiri dan penilaian adalah dari rakan-rakan dalam NAM yang lain dan negara-negara yang bukan dalam NAM. Jadi tidak bolehlah kita mengukur kehebatan sendiri ataupun kemewahan sendiri.

Ipoh Timor juga membangkitkan perkara berkenaan dengan Myanmar dan mengapa Myanmar memindahkan ibu kotanya dari Yangon ke tempat yang baru. Sesebuah negara memang berhak untuk memindahkan ibu kotanya, walau bagaimanapun caranya berbuat demikian, macam kita memindahkan pusat perkhidmatan kita dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, tidak ada pun orang yang mengutuk. Dan di sini saya tak akan mengikut kehendak Ipoh Timor untuk campur tangan dalam hal luar negara lain.

Ayer Hitam menyebut beberapa perkara dalam ucapan beliau dan kita mengambil berat atas apa yang telah disentuh dalam ucapannya tadi berkenaan dengan bangunan di New York, wakil tetap kita di New York. Kerajaan memang sudah mengambil maklum bangunan berkenaan dan diharapkan ia dapat diselesaikan secepat mungkin.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan, "Ambil maklum dan telah menerima aduan", sedangkan ia tidak dimasukkan dalam Bajet 2006. Adakah ini bermakna ia akan mendapat sumber kewangan lain daripada Perbendaharaan untuk membaiki atau macam mana? Kerana ini adalah isu bangunan yang diduduki, yang dimiliki oleh Malaysia ini adalah bangunan yang tidak ada CF dan sistem perparitannya teruk dan masih lagi bocor.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mendapatkan petugas segera daripada Perbendaharaan untuk mengemaskinikan apa yang telah saya sebutkan tadi.

Dato' Joseph Salang Gandum: Sebenarnya kementerian telah pun memohon peruntukan untuk tujuan tersebut. Dan kita mengharapkan pertimbangan sewajarnya dari Kementerian Kewangan.

Dan Yang Berhormat dari Ipoh Timor juga meminta, adakah Malaysia akan menyediakan Penasihat Undang-undang yang arif untuk Undang-undang Tritis dan jawapannya memang kita sentiasa menghantar wakil-wakil dari Malaysia mengikuti perbahasan tentang undang-undang yang dibahas di New York atau di Geneva ataupun di The Hague. Dan pegawai-pegawai perundangan kita memang sentiasa ada walaupun mereka bukan dipanggil "Yang Arif" bertaraf antarabangsa.

Berkenaan dengan isteri dan suami yang tidak boleh bekerja di luar negeri. Perkara ini memang diketahui oleh kementerian dan ada di beberapa buah kedutaan, ada suami isteri sama-sama bertugas dan secara keseluruhannya kementerian akan mengkaji apa kebaikannya sekiranya kedua-dua suami isteri sama-sama berkhidmat di satu tempat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya maksudkan bukannya bekerja dalam satu kedutaan sebab masalah yang berlaku sekarang ialah diplomat itu kalau isterinya bekerja di bank di sini, sampai ke New York kena letak jawatan, tak boleh kerja, jadi suri rumah sahaja. Saya tak nampak di mana *conflict of interest*nya, kalau dia kerja dekat MITI atau MATRADE, mungkin ada *conflict of interest*, tapi dengan Wisma Putra, saya tak nampak di manakah konfliknya. Itulah soal pokoknya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk bawa, untuk dikaji semula kalau perkara ini dapat diberi kelonggaran. Lagipun perbelanjaan untuk anak-anak, mereka kena tanggung 15%, itulah masalah utamanya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat, dan terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya pun tak tahu sama ada memang ada larangan dalam perkara ini atau tidak dan sekiranya ada larangan dalam apa-apa dokumen, kita akan mengkaji dan menyampaikannya kepada Pejabat Peguam Negara. Dan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ayer Hitam ialah berkenaan dengan yuran anak-anak yang bersekolah. Kementerian menyediakan 100% kepada anak-anak yang di kelas pengajian rendah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup. Jawapan Yang Berhormat boleh disambung semula pada selepas

Dato' Joseph Salang Gandum: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Majlis dalam jawatankuasa. Saya minta Timbalan Menteri Kementerian Luar Negeri untuk menyambung.

2.34 ptg

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan, penjelasan ya sini penjelasan. Tadi sudah jawab teruskan, you terus jawapan, boleh penjelasan? Tadi Yang Berhormat Menteri ada jawab kepada saya mengenai pertanyaan-pertanyaan saya mengenai berapa, apa belanjaan kepada pembayar-pembayar cukai mengenai hadiah kepada Mugabe iaitu *rare timber* dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata beliau akan memberi jawapan secara bertulis oleh kerana dia tidak ada fakta-fakta sekarang di sini. Saya percaya dia ada pegawai-pegawai Wisma Putera, 20, 30 pegawai Wisma Putera tugas mereka ialah di sini untuk memberi fakta-fakta kepada Menteri apabila jawapan dibangkitkan dan bukan untuk balik dan siapkan *return answer*, ini *reflective* kepada suatu kementerian yang tidak begitu cekap, saya harap bahawa kita boleh dapat selepas *lunch break* bahawa ada jawapan sebenarnya perkara ini ada bangkit bukan kali yang pertama. Sebenarnya semalam saya ada keluar satu kenyataan dan kalau ada pegawai-pegawai Wisma Putera ada baca *blog* saya, saya ada kata saya akan bangkit perkara ini, mereka patutlah IT *literate, abreast* apa yang berlaku dan bukan IT belakang apalah itu?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, tadi bila saya menjawab soalan ataupun pertanyaan dari Ipoh Timor, beliau tak menghormati untuk berada di Dewan, oleh yang demikian...

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* jangan buat begitu pertuduhan, *point of order* itu tindakan menyakitkan hati, saya tidak ada di sini bukan bererti saya tidak dalam Parlimen, saya di pejabat saya, saya ada ikut perkembangan. Jangan buat jawablah, saya ada keluar pandangan, minta penjelasan jawab, jangan buat *unnecessary* tuduhan oleh sebab akan menyebabkan *unnecessary* perkembangan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak akan takut atas *track* beliau yang sentiasa membagi, memberi penerangan sebegitu dan tadi saya sudah katakan bahawa jawapan bertulis akan disediakan dan itulah jawapannya dan saya tak ingin untuk memanjangkan jawapan pertanyaan ataupun permintaan dari...

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* saya minta satu *ruling* daripada Tuan Pengerusi sama ada kita boleh terima tak boleh terima kenapa dia tak tahu? Kenapa 20, 30 pegawai

Wisma Putera tak tahu? Bukankah ini menunjuk satu kerajaan atau satu kementerian yang tidak cekap? *Incompetent, inefficient* dan *useless*. Tak tahu, berapa lama? Atau Timbalan Menteri tak guna? Satu perkara begitu senang pun mahu *oral* mahu *return answer*, apa guna dalam Parlimen, datang Parlimen? Balik rumah lebih baiklah.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, pertunjukan yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang menerangkan bahawa begitulah kenapa tak ramai orang menyokong pembangkang di Malaysia dan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi bagi saya laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan ialah kenapa soalan tak boleh jawab? Tak boleh jawab, Yang Berhormat Sri Gading dia sokong saya tak tahu, dia sangat jinak tetapi kenapa perkara sebegini senang tak tahu? Kita tak mahu Ahli Parlimen yang begitu jinak semacam Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Bukan, *I say man*, itu sudah salah sangka, itu Ipoh Timor sudah membuat satu *statement* yang menyakitkan hati, siapa kata kita jinak tak jinak mana ada jinak tak jinak kita berdiri dengan tanggungjawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah bahawa dia minta tangguh dan jawab secara bertulis dan itu bukan bermakna kelemahan kerajaan kerana tanggungjawab sebagai kerajaan dia hendak jawab benda itu supaya benar-benar betul bukan hendak segera seperti mana Ipoh Timor, Ipoh Timor buat perangkap Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan masuk perangkap dia.

Ini semua temberang DAP untuk cari *mileage* politik, jadi tak payahlah, you dah cakap untuk jawapan bertulis, bertulislah. Jangan makan gertak dia, dia ini kalau orang makan gertak lagi dia hebat, jangan makan gertaklah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh terus jawapan apa yang saya bangkitkan lebih baiklah kerana itu lebih berfaedah.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Gading dan biarlah saya teruskan jawapan saya kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu bolehkah kita tahu bila jawapan bertulis akan diterima, bila?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tak lama lagilah.

Tuan Lim Kit Siang: Tak lama lagi? Sampai kiamat?

Dato' Joseph Salang Gandum: Dan berapa lama yang...

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan tanya hari *after* hari.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup Yang Berhormat. Ya, sila jawab. Teruskan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak jawab berapa lama dan saya harap sebelum habis minggu ini beliau akan menerima jawapan itu.

Menyambung pertanyaan dari Ayer Hitam berkenaan dengan yuran untuk anak-anak diplomat yang bersekolah di sekolah rendah mereka menerima 100% yuran dari kerajaan dan bila anak-anak mereka pergi ke sekolah menengah yuran yang di bayarkan oleh kerajaan adalah sebanyak 85%. Kementerian mengakui bahawa yuran sebanyak 85% yang diberikan oleh kerajaan adalah membebaskan ahli-ahli diplomat Malaysia dan lebih-lebih lagi bila mereka berada di dalam negeri kerana anak-anak mereka yang telah menjalani pelajaran di *International School* dengan izin, mereka adalah payah hendak dialihkan kepada aliran sekolah kebangsaan dan saranan beliau akan dipertimbangkan oleh kementerian.

Yang Berhormat bagi Sri Gading memanglah beliau sendiri pun bersifat baik dan 'berlunak', macam sifat hubungan luar Malaysia dan kita tidak bersangka jahat dengan jiran-jiran kita dan beliau bertanya apakah pandangan kita berkenaan dengan pandangan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir berkenaan dengan sikap keras Singapura.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita boleh melangkah kembali mengenai jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai pendidikan oleh diplomatik luar negara. Tetapi saya ingat, tadi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga membangkitkan beberapa isu. Isu yang saya sangat *concern* ialah mengenai seorang Pegawai Undang-undang, *Legal Adviser* dan *assistant* yang *permanent* di dalam UN itu, apakah kementerian ini masih mengkaji atau pun masih mempertimbangkan cadangan ini, kerana ini penting. Negara kita berdepan dengan 191 ahli di UN, kita tidak ada seorang pun Penasihat Undang-undang yang tetap untuk mengkaji perjanjian-perjanjian (*treaties*) antarabangsa. Bolehkan Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian supaya menyegerakan perkara ini kerana ini mengenai imej dan reputasi negara. Apakah komen dan pandangan Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Pada masa ini kita menghantar Pegawai-pegawai Perundangan kita dari Malaysia ke New York dan ke mana-mana perbincangan berkenaan dengan *treaty* antarabangsa dan oleh kerana sekarang adalah dunia ICT dan tak payahlah ada badannya duduk di New York, sekiranya ada perkara-perkara berbangkit dibincangkan di New York boleh juga kita ketahui dari Malaysia dan jika didapati kemudian benar-benar kita menghendaki Pegawai Undang-undang berada di New York mengikuti persidangan dan pada masa itulah kita memutuskan atau pun mencadangkan kepada kerajaan supaya ada perwakilan tetap perundangan kita di New York.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya faham, tetapi ada Pegawai Undang-undang daripada *AG Chamber*. Ya, ini hanya sementara, *after three months* dia tukar, balik ke Malaysia, dua bulan balik ke Malaysia. Tetapi sekarang ini dunia berputar dengan cepat, sebagai contoh Negeri China, Singapura dan Indonesia mereka semuanya mempunyai pegawai tetap undang-undang di United Nation - *permanent mission* di United Nation. Kalau kita sebagai pemimpin atau pun ketua NAM atau pun OIC, kita tidak ada seorang Pegawai Undang-undang yang tetap di sana.

Saya faham kita guna internet dan sebagainya, tapi ini mungkin ini dari *speednya* lambat. Saya mencadangkan kepada kementerian, ini perkara yang serius, mempercepatkan lagi proses untuk menjawatkan *at least* seorang pegawai tetap undang-undang di United Nation ini sebagai menjaga imej atau reputasi negara atau pun mempercepatkan lagi proses membuat *decision* dengan izin, di mana perjanjian (treaty) di masa depan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat dan oleh kerana pendirian Yang Berhormat sama dengan pendirian Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan rakan-rakan yang lain, betul-betul meminta perkara ini dipertimbangkan, maka kita akan sampaikan kepada kementerian dan diharapkan dapat dipertimbangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Sebelum satu perkara yang kecil berakhir, saya mahu bertanya, tadi Yang Berhormat ada menjawab mengenai Myanmar dan mengenai ibu kota yang baru pindah ke Pyin Mana. Soalan saya ialah adakah kerajaan benar bahawa negara-negara tidak boleh mencegah negara-negara yang lain pindah ibu kota. Itu adalah hak mereka, seperti apabila kita pindah ke Putrajaya, itu hak kita, tidak boleh sesiapa untuk mengganggu. Tetapi latar belakang bagaimana satu ibu kota dipindahkan menunjukkan cara budaya sesuatu negara itu, sehingga kakitangan kerajaan mereka sendiri pun tidak tahu, sama ada ia sesuai dan selaras dengan keanggotaan Myanmar dalam ASEAN, perlu dipertimbangkan, mungkin ini pun patut dipertimbang dalam mesyuarat kemuncak ASEAN. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk memindah kedutaan-kedutaan ke kawasan baru ini Pyin Mmana, yang sebenar maknanya ialah "*Chicken on the run*". Nampaknya junta Military Myanmar, *chicken on the run*. Kita tidak mahu Malaysia pun *chicken on the run*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat, perkara ini perkara baru dan Malaysia belum mendapat arahan untuk berpindah dari Yangoon ke tempat yang baru itu. Bila sampai masanya kita diminta memindahkan kedutaan kita, masa itu kita merundingkan adakah patut atau tidak, atau pun kita juga "*chicken on the run*" seperti mana Yang Berhormat katakan tadi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi berkenaan Pegawai Undang-undang, kerana baru-baru ini dalam bulan Ramadhan yang lepas, kita dapati bahawa dua peristiwa telah berlaku melibatkan nelayan-nelayan kita, satu nelayan di Johor yang tertangkap di perairan Batam, satu lagi melibatkan nelayan kita tertangkap di perairan Bengkalis. Dan yang di Johor kita dapat selesaikan selepas tiga minggu, yang di Bengkalis sehingga hari ini kita tidak dapat selesaikan dan saya difahamkan bahawa lima orang nelayan kita pada hari ini meringkuk di dalam penjara di Indonesia.

Yang saya kesalkan ini, kenapa kedutaan kita lewat mengambil tindakan. Seharusnya untung nasib rakyat kita apabila menghadapi masalah, lebih-lebih lagi nelayan yang didapati termasuk sedikit perairan Indonesia seharusnya kedutaan kita mesti ada proaktif, cepat dan

membela nelayan kita. Ini sehinggakan orang kampung dapat tahu apabila nelayan ini didakwa di mahkamah, masuk di surat khabar, baru keluarga mereka di kampung tahu.

Satu lagi tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya pun hairan DAP ini, apa yang dia ambil sangat tahu tentang Myanmar, urusan rumah tangga orang. Kita sekarang ini sedang berbaik-baik dengan mereka dan negara kita berniaga. Kepentingan kita banyak di sana, Petronas ada di sana, FELCRA nak masuk, buat ladang kelapa sawit di sana. Sepatutnya siapa saja, junta tentera ke junta apa pun, asalkan kita mendapat keistimewaan, kita dapat perniagaan, kita dapat keuntungan, kita berbaik-baik. Dia nak pindah dua puluh kali dia punya ibu negara, lantaklah dia, yang penting kita nak keuntungan, apa yang loghat sangat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jasin atas pandangan beliau berkenaan dengan Myanmar dan berkenaan dengan penangkapan nelayan-nelayan kita di perairan Indonesia. Ada kemungkinan maklumat lambat datang atau lambat didapati oleh pegawai-pegawai kita ataupun kerana ada tugas-tugas yang lain. Walau bagaimanapun, kita akan memperingatkan kedutaan kita di Indonesia untuk lebih cergas lagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita yang berdampingan dengan perairan Indonesia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Seputeh tadi tidak ada di sini semasa perbincangan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin hendak bantu Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: ...tidak payah kita...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak bantu Yang Berhormat jawab untuk Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak payah saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan sedikit sahaja.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak payah saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh pada masa sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya hendak memberi penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi laluan sedikitlah. Bagi kepada saya. Saya tidak berpeluang untuk berucap.

Cik Fong Po Kuan: Tidak payah lalilah, Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat, kita kawan baik, bagilah sedikit masa sahaja.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Pengerusi, kita kawan baik, kita boleh berbincang di pub nanti. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagilah, bagi jalan untuk cakap sedikit.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Saya akan teruskan jawapan.

Puan Chong Eng: Peraturan. Peraturan mana yang mengatakan bahawa Yang Berhormat yang tidak ada di sini semasa perbahasan, tidak boleh meminta penjelasan?

Tuan M. Kula Segaran: Ya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Penjelasan daripada siapa dia hendak?

Puan Chong Eng: Mengapa tidak boleh? Jawapan yang berkaitan yang senang dijawab boleh meminta penjelasan...

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam...

Puan Chong Eng:kenapa Yang Berhormat tidak mahu bagi?

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam...

Puan Chong Eng: Ya, mengapa tidak mahu bagi?

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Bagilah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat tidak memandang ke belakang dan tidak nampak senyuman yang manis diberikan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tetapi oleh kerana ada kesuntukan masa dan banyak lagi yang belum dijawab...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahaja.

Dato' Joseph Salang Gandum: ...dan tidak payah kita menambahkan perkara-perkara yang tidak ada disentuh tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya mahu membantu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak bagi....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagilah, bagilah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh?

Dato' Joseph Salang Gandum: Saya tidak bagi laluan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahajalah.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan M. Kula Segaran: Bagi Setiausaha Parlimenlah jawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk, duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Ini Menteri Luar Negeri, mewakili Malaysia.

Cik Fong Po Kuan: Minta menteri datanglah, haiya, ini tidak bolehlah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak payah tanya lagi, saya tidak hendak bagi laluan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Cik Fong Po Kuan: Minta menteri datanglah, ini tidak bolehlah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun belum dijawab.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, ini tidak demokratik. Tidak mahu bagi orang jelaskan. Jadi janganlah jawab di sini. Bagi jawapan dengan tulis suratlah. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Lagi baiklah.

Puan Chong Eng: Ha, lagi baiklah.

Tuan Pengerusi: Duduk, duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Potong gajilah.

Cik Fong Po Kuan: Minta menteri datanglah, minta menteri datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya hanya minta Yang Berhormat lebih diplomatik sedikit...

Dato' Joseph Salang Gandum: Apa yang...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...ke sebelah sini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskan, teruskan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Saya teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit, sedikit sahaja, Yang Berhormat. Saya mahu tolong.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Sri Gading bertanya tentang pandangan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir berkenaan dengan kekerasan sikap Singapura terhadap kita. Tuan Pengerusi, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir adalah seorang tokoh negara kita dan dia berhak sebagai orang-orang Malaysia yang lain memberi pandangan berkenaan dengan isu-isu semasa dan tidak payah kita bahaskan pendapat beliau di Dewan ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Apa yang Yang Berhormat bagi Sri Gading katakan memang betul iaitu kita memang lebih senang kalau kita hendakkan menjadi *difficult*, dengan izin, tetapi lebih susah kalau kita hendak menjadi efektif.

Berkenaan dengan perjumpaan Menteri Kanan Singapura berunding dengan Perdana Menteri kita, itu tidak payah kita fikirkan sebagai memberi tamparan ataupun memberi negara kita malu oleh kerana beliau adalah wakil mutlak Kerajaan Singapura dan beliau sangat arif tentang isu-isu dua hala antara Malaysia dan Singapura. Berdasarkan pengalaman beliau sebagai Perdana Menteri (PM) sebelum ini, kita terima baik cadangan Singapura untuk beliau menjadi wakil mutlak mereka.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan hubungan dua hala...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, dari segi Singapura, dia memang sengaja hendak menghina negara kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Yang Berhormat bagi Seputeh? Dia punya *floor*, dia bagi saya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Teruskan, Yang Berhormat, jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Goh Chok Tong ini kita tahulah memang pernah dia jadi Perdana Menteri dan waktu itu dia berunding dengan Perdana Menteri Malaysia. Samalah itu, PM dengan PM. Tetapi apabila dia sudah turun, tidak jadi PM, dia jadi Menteri Kanan, dia tetap Menteri Kanan, bukan PM. Kita kesal sikap Singapura, ego dia tetap dia menghantar Goh Chok Tong selaku Menteri Kanan berunding dengan Perdana Menteri kita. Bagi kita, protokol ini tidak betul. Semua orang di dunia ini, PM dengan PM, TPM dengan TPM, menteri dengan menteri, Menteri Luar dengan Menteri Luar dan pegawai dengan pegawai. Tetapilah ini dia hendak menunjukkan bahawa dia tidak akan mengalah dengan Malaysia. Jadi itu yang rakyat rasa tersinggunglah.

Mungkin agaknya sebab kita ini baik sangat, maka kita pun terimalah apa sahaja alasan Singapura tetapi dalam waktu yang sama dia menghina kita. Ini yang dibaca oleh rakyat. Macam ambil contoh, perundingan antara Singapura dengan Malaysia dari segi perkara-perkara yang tertangguh selama ini, lima, enam perkara yang tertangguh, Singapura kemukakan bahawa semua beres dengan satu syarat bahawa ruang angkasa Malaysia mesti dibuka kepada kapal terbang dia, kapal perang dia, mesti hendak pergi ke Gelang Patah, terbang rendah yang memecahkan pintu, tingkap dan memekakkan orang-orang di Gelang Patah itu rasa terseksa yang mana kita memang kalau saya sebagai rakyat Malaysia, "langkah mayat saya dahulu", ruang angkasa kita dicerobohi oleh negara lain. Itu sikap saya.

Tetapi dia tahu bahawa semangat kita begitu tinggi, jadi dia gunakan syarat itu, yang kita macam mana pun tidak beri ruangan itu. Apabila tidak beri ruangan itu, maka gagal perundingan lain. Jadi, Singapura menuding jari kepada Malaysia bahawa perundingan ini gagal pasal engkau tidak hendak ikut syarat aku. Kalau kita ikut syarat, sudah kita pula jadi seolah-olah dayus kerana membukakan ruang kepada negara asing. Saya tidak faham kenapa Singapura tidak hendak pergi ke Selatan. Pergilah menyeberang ke Pulau Batam, kenapa mesti ke utara. Singapura, pulau di bawah sekali dari Malaysia dan selatan sekali, pergilah ruang angkasa Indonesia di Batam. Kenapa dia tidak pergi Bukit Batam?

Kerana dia tahu kalau dia ke Batam, Angkatan Tentera Indonesia dan Indonesia boleh, apa-apa sahaja pak. Itu Indonesia. *[Ketawa]* Apa-apa sahaja Pak! *[Ketawa]* Maknanya, dia tidak boleh tahan dengan apa-apa sahaja Pak. Malaysia! *[Ketawa]* Ini jadi masalahnya. Jadi bagi saya apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun, ada kebenarannya bahawa Singapura hari ini lebih keras, lebih hendak menggugat, mengugut atau hendak menggertak Malaysia. Ini tidak tahu tetapi polisi Wisma Putra hendak berbaik-baik, betullah kita baik tetapi bermasalah. Tengok, jambatan kita terpaksa bengkok. Dan, selepas itu dia bawa keluar kenyataan minggu lepas, kalau robohkan jambatan itu Malaysia akan disaman oleh Singapura. Tengok! Kita tidak pernah cerita saman-menyaman dengan negara luar ini, negara jiran ini tetapi Singapura tergamak. Tidak tahu saya, tidak tahu saya.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah soalnya, inilah soalnya yang menjadi - Apa bahasa yang elok? Yang menjadi duri dalam daging, yang menjadi apa lagi? Yang menjadi apa? *[Disampuk]* Delima, duri dalam daging. Yang menjadi apa lagi?

Tuan Pengerusi: Ya, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bisul yang belum meletup. Apa lagi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah. Biar Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baiklah Tuan Pengerusi, saya ikut kata Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading dan oleh kerana ramai pegawai-pegawai kanan Wisma Putra ada di sini, saya harapkan pandangan yang keras dari Yang Berhormat bagi Sri Gading akan diambil perhatian dan menjadi panduan dalam perbincangan mereka dengan pegawai-pegawai kanan Singapura dalam memutuskan ataupun menyelesaikan perkara-perkara yang belum dan tertangguh di antara Singapura dan Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, saya pun mengakui ada kalanya Singapura menunjukkan ada kekerasan dan kita nampak ada kelemahan tetapi dalam kelemahan kita itu, ada juga cara kita menyampaikan pendekatan kita, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar dan Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat, mengapakah masalah ini ditolak kepada pegawai pula? Apakah ini dasar kerajaan kita, mungkin pegawai menggubal dasar dan sebagainya untuk kita ini tetapi kita kena ingat sejarah Singapura ini dia biasa berada dalam Malaysia dan dia keluar dari Malaysia. Kemudian pada hari ini dia telah menjadi sebuah negara yang seolah-olah hendak kata mini Israel itu agak keterlaluan tetapi mereka berpegang kepada konsep yang sedemikian rupa. Mereka tidak hairan, mereka tidak pandang kepada kita

walaupun dahulu mereka bersama dengan kita. Hari ini kita telah berpisah dengan mereka. Sepatutnya mereka sebuah negara yang kecil, menghormati kita.

Jadi, ingin tanya Yang Berhormat, apakah begitu penting Singapura kepada kita ini? Kalau dahulu kita sudah nyahkan dia dari Malaysia, dia telah dihalau keluar daripada Malaysia, apakah Singapura itu begitu penting kepada kita, sehinggakan kita ini terpaksa mengalah-ngalah dan tidak langsung meletakkan satu perkataan-perkataan yang bagi mereka merasakan bahawa kamu orang ini, ini hak kami dahulu, kamu sudah keluar jangan usik lagi. Apa yang hendak dibisingkan lagi ini?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi pihak kementerian, kena *stand* benda macam ini. Kalau tidak payah buat titi, tidak usah buatlah, apa yang penting sangat tentang titi...

Seorang Ahli: Jambatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah, jambatan. Kalau tidak mahu buat titi, tidak usah buat. Tidak penting. Kalau hendak dirobohkan yang ada, robohlah apa salahnya. Pulau Langkawi pun tidak ada jambatan, tidak ada masalah. Jadi, kita jangan merendah kerana kita besar kalau hendak dibandingkan dengan Singapura.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pandangan Yang Berhormat serupa juga dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mengapa kita macam letakkan tanggungjawab ini kepada pegawai-pegawai adalah semacam juga dalam pergerakan lain iaitu biarlah ada yang mengubik dan ada pula yang akan meniupnya dan harap dengan cara ini kita boleh mendapat penyelesaian kepada isu-isu yang tertunggak dan tidak payah saya berbincang panjang lebar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadangkala kita Malaysia ini kena tunjukkan taring kita. Ini apa yang Singapura buat, kadang-kadang kita angguk-angguk, angguk-angguk. Sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai, kalau *cause way* yang ada ini kita pecahkan sahaja, tidak ada titi dan jambatan pun kita tidak jadi buat, kita hendak tahu nasib dia, pelabuhan dia untuk siapa. Ini kerana pada hari ini kebanyakan barangan-barangan kita lebih-lebih lagi dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan, dieksport ke luar negara melalui Singapura? Cuba kalau kita tahankan sekali, *[Sambil menghentakkan meja di hadapannya]* Tidak tahu, tengok untung nasibnya, tidak dia menyembah kita balik. Kadang-kadang kita kena tunjuk. Ini sampaikan dia membuatkan kita ini memerlukan sangat dia, semangat persaudaraan, semangat kejiranan. Kita sahaja. Dia orang

kisah pun tidak. Tetapi kalau kita tunjukkan sekali kita punya taring, saya penuh yakin dan percaya, Singapura datang menyembah kita. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya hubungan kita dengan semua negara adalah penting macam mana yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan kita tidak tahu bagaimana kesannya sekiranya kita mengambil sesuatu tindakan yang menampakkan kekerasan kita. Oleh yang demikian, perkara ini boleh diperbincangkan lagi dan boleh didebatkan lebih-lebih lagi di forum-forum yang lain dan diharapkan pendekatan yang kita ambil sekarang adalah pendekatan yang terbaik kepada negara kita. Ini kerana kita adalah negara yang termasyhur dan *trading nation* yang ke-17 besarnya di dunia. Sekiranya kita menunjukkan taring ataupun kekerasan kita belum tahu lagi dapatkah tidak kita mencapai tahap yang sebegitu tinggi, lebih-lebih lagi sebagai sebuah negara yang

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]* Hah, ini satu perdebatan yang baik ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]* Hai....!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Hah, siapa? Siapa pilihan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jerai baik, Jerai baik.

Tuan Lim Kit Siang: Singapura, Singapura.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading lebih baik.

Dato' Joseph Salang Gandum: Larut sudah lama tidak bercakap, biarlah dia cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Larut jauh. *[Ketawa]*

[Dewan menjadi riuh seketika]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pandangan kita tentang masalah dengan jiran ini, termasuk Singapura atau mana-mana negara yang lain, mereka ini kadang-kadang bertindak biadab, terlalu angkuh, adakah dalang di belakang mereka ini? Jadi kita ingin tahu, siapa dalang di belakang mereka ini sehinggakan mereka tidak menghormati kita sebagai jiran, walaupun kita sentiasa berbaik sangka. Apakah pembangkang main peranan dalam hal ini? Kita hendak tahu...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]* Waah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau pembangkang turut memainkan peranan, apakah langkah kita hendak ambil? Minta sedikit penjelasan daripada

Yang Berhormat. Dan hari yang baik, bulan yang baik ini bukan hendak mengata, saya cuma bertanya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun dan menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, jangan usik sarang tebuan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau Yang Berhormat rasa pedih telinga, apakan daya. Yang Berhormat, minta sedikit penjelasan. Terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, dahulu bersama-sama dengan kami, hari ini begitu orang kata *confident*, yakin memberi penjelasan kepada kami semua. Jadi, kami hendak tahu. Sebagai Ahli Parlimen kita ada *accountability* kita, kita bertanggungjawab kepada rakyat, bertanggungjawab kepada negara ini. Apa yang akan berlaku kepada negara ini, kami adalah bertanggungjawab. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya tidak menyangka ada dalang di dalam negara ataupun di luar negeri yang menyokong Singapura dan tindakan mereka yang berbuat demikian adalah tindakan ataupun pendekatan yang mereka ambil dan pendekatan kita adalah pendekatan yang berlainan daripada pendekatan mereka dan kita tidak boleh bandingkan pendekatan sesebuah negara dengan pendekatan kita.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Ya. Ya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju nanti, nanti, nanti..... Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa perkara utama, *priority* sekarang ialah bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah-masalah di antara kedua-dua negara dan ucapan atau suara yang biadab dalam Parlimen atau yang lebih.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingat Ipoh Timor tarik baliklah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak akan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takkan soal kita hendak menjaga kepentingan negara kita

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah Ipoh Timor memihak kepada Singapura

Tuan Lim Kit Siang: Tidak akan memihak, tidak akan memberi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sanggup mengata Ahli Parlimen Malaysia

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? Nantilah, nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:biadab kerana hendak mempertahankan negara. Di mana pendirian Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak akan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah Ipoh Timor pro kepada Singapura? Lebih baik pindah Singapura.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Larut, bukan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Pengerusi: Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul *you* punya cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Sebut Larut bukan Sri Gading. Duduk, banyak sabarlah, bukan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu 36(6).

Tuan Lim Kit Siang: Sabarlah, bukan Sri Gading.

Tuan Pengerusi: Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Itu perkataan Larut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sabar, apa sabar. *You* pun tidak boleh guna perkataan sembarangan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan sebut Yang Berhormat bagi Sri Gadinglah. Duduklah. Okeylah, okey, saya mahu tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takan *you* boleh sewenang-wenang. Kalau bercakap, suka cakap macam-macam. *You* punya bahasa banyak kasarlah!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? Saya bukannya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takkan biadab. Siapa mahu tanya kita hendak mempertahankan negara kita, mana boleh biadap.

Tuan Lim Kit Siang: Biadap? Okeylah. Okeylah. Saya sebut Larut okey? Apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang hendak mempertahankan negara mana boleh biadab. Yang layak bagi orang yang mempertahankan negara ialah pahlawan. Soal, soal

Tuan Lim Kit Siang: Okey, okey. okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sri Gading duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, okey, okey. Sabar, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa biadab? Habis kalau saya kata Ipoh Timor biadab, apa macam? Kerana merosakkan nama baik negara, mementingkan negara luar, *you* tidak terima tahu tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya kata, apa Yang Berhormat bagi Larut kata.

Tuan Pengerusi: Baik. Baik, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak pernah katalah Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut, nanti. Saya tanya

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tarik baliklah, jangan cakap.

Tuan Pengerusi: Larut duduk. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada. Apa ini? Saya

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak pernah cakap Ipoh Timor. Ipoh Timor memang

Tuan Pengerusi: Larut duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya teruskan? Saya tidak sebut Yang Berhormat bagi Sri Gading kata biadab. Saya menggunakan biadab oleh kerana Yang Berhormat bagi Larut ada menggunakan perkataan seperti itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak pernah cakap. Jangan main-main.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan. *You* ada mengeluarkan kata biadab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak pernah cakap biadab.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh *check recording*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak. Saya tidak pernah bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apalah. Tetapi, apa yang mustahak

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ternyata bahawa pembangkang betul-betul menjadi tali barut [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Baik, Larut.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya Speaker pun ada dengarlah bahawa perkataan biadab. Baru dengar, saya duduk sini, saya dengar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskan. Teruskan. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya kata apa yang mustahak, bukannya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju ialah bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara *bilateral* dan mungkinkah satu jalan ialah bahawa Ahli-ahli Parlimen memainkan satu peranan yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Malaysia, Ahli-ahli Parlimen Singapura bagaimana satu saluran boleh diadakan supaya masalah-masalah ini boleh terus dirundingkan dan bincangkan dengan mencari suatu penyelesaian.

Yang kedua, tadi saya ada dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa apabila *respond* kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa pandangan beliau yang keras

akan diambil berat oleh pegawai-pegawai Wisma Putera dan dalam perbincangan mereka dengan Singapura.

Di sini saya tidak mahu sebut mengenai sama ada bersetuju atau tidak bersetuju. Tetapi satu sikap yang mustahak, siapa menentukan dasar luar negara? Adakah pegawai-pegawai Wisma Putera? Atau Menteri? Atau Parlimen? Menteri atas membayangkan pendapat Parlimen. Kita berbahas di sini, bukan untuk pegawai-pegawai Wisma Putera. Kita berbahas di sini, Yang Berhormat bagi Sri Gading apabila mengemukakan pandangan bukan mengemukakan kepada pegawai-pegawai Wisma Putera, tetapi kepada Menteri, wakilnya, Timbalan Menteri. Pegawai-pegawai Wisma Putera hanya membantu Menteri dan Timbalan Menteri. Mereka bukan menjadi tuan.

Ya, itu mustahak. Nampaknya kita tidak faham *basic concept parliamentary responsibility*. Itu yang saya sokong Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya percaya yang dia pun bersetuju bahawa pandangan beliau mahu diterima dengan perhatian berat oleh Menteri atau Timbalan Menteri sebagai *policy maker*. Bukan pegawai-pegawai Wisma Putera. Pegawai-pegawai ialah sebagai pelaksana. Ini mustahak. *We cannot make such of fundamental mistake*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Dengan izin, *I have had enough of the lecture from the opposition leader.....*

Tuan Lim Kit Siang: Ini *very much more apparently. You are not had not enough*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Untuk pengetahuan *opposition leader* atau pun Ketua Pembangkang, semua isu-isu yang tertunggak adalah dirundingkan oleh pegawai-pegawai sebelum ia disampaikan kepada Menteri dan semua pegawai-pegawai Wisma Putera adalah mengikut dasar dan polisi-polisi yang ada disediakan untuk garis panduan untuk mereka berbincang dengan Singapura ataupun negara-negara jiran yang lain dan tidak kesemuanya terletak kepada mereka.

Saya mengatakan di sini bahawa oleh kerana mereka pun ada di sini, apa salahnya saya mengatakan mereka pun mendengar bukan saya sahaja yang mendengar apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mereka mendengar kekerasan yang hendak Parlimen utamakan kepada Wisma Putera untuk sampaikan bila kita berunding dengan sesiapa ataupun jiran-jiran mana yang kita ada isu-isu tertunggak dengan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Pengerusi: Ada dua struktur perbincangan. Satu di peringkat Menteri.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang satu lagi di peringkat pegawai.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Pengerusi: Kedua-dua perbincangan itu segala dasar-dasar adalah dipegang oleh pihak Menteri sendiri.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya? Betul atau tidak?

Dato' Joseph Salang Gandum: Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Polisi negara kita, pendekatan negara kita dengan negara Singapura, sudah tiga Perdana Menteri. Kalau tidak salah saya sudah tiga juga Menteri Luarnya. Selama ini Malaysia mengambil pendekatan berlembut. Dari Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong, sekarang Lee (Junior) dia ini, anak kepada Lee Kuan Yew menjadi Presiden

Seorang Ahli: Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: berlembut. Itu kita punya pendekatan, bertolak ansur. Itu pendekatan kita. Menghormati jiran, itu penghormatan kita. Sudah tiga Perdana Menteri, runding punya runding, runding punya runding, tidak pernah selesai walau pun pendekatan kita terbaik. Terbaik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ikhlas, jujur, telus *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Bukan jadi batu api.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini pendekatan. Pendekatan ini adalah pendekatan yang mulia tetapi masalah-masalah yang tertangguh lima enam perkara ini tidak akan selesai. Nampaknya pendekatan ini kalau diteruskan saya yakin dan percaya Singapura ambil kesempatan dan perkara ini juga tidak akan selesai.

Apa kata, pandangan Jasin sebagai suatu pendekatan yang baru agaknya kepada Kementerian Luar. Pendekatan Jasin. Apa salahnya kalau sekali-sekali kita tunjuk taring kita. Tetapi bukan hendak menyusahkan orang, pakai roboh sahajalah kita punya *causeway* walau pun dibina waktu Almarhum Sultan Ibrahim dahulu dengan kos yang sebenarnya tidak ada kait mengait pun dengan kerajaan Singapura hari ini.

Tetapi oleh sebab apabila tahun 1963 bercerai Singapura dengan Malaysia pembahagian faraid maka faraidlah. Faraid macam faraid apabila hendak berpisah itu Tuan Pengerusi, macam orang suami isteri jugalah, berfaraidlah kita.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maka dia tiba-tiba sebahagian daripada gateway kepunyaan dia, kalau kita robohkan yang terang rugi kita Tuan Pengerusi. Saya baca orang Johor - 26 ribu pekerja kita dengan motosikal tiap-tiap pagi tidak akan masuk lagi ke Singapura.

Carikan pekerjaan kepada 26 ribu orang ini. Telur kita tidak masuk.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Telur itu, telur kitalah macam-macam telur tidak masuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Telur Malaysia tidak masuk, mahal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Telur Malaysia tidak masuk Singapura.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bagi contoh yang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ayam kita tidak masuk....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi satu contoh cukuplah, banyak sangat contoh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah Tuan Pengerusi. Biar saya pasal hendak menyokong ini. Timbalan Menteri ini Tuan Pengerusi dia bersemangat betul hendak menjawab dengan penuh tanggungjawablah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sayur, sayur, sayur itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sayur, sayur tidak masuk.

Beberapa Ahli: Air, air!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Air tidak, air terus. Air itu soal perikemanusiaan kita, itu soal lainlah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bunga tidak masuk.

Seorang Ahli: Strawberi tidak masuk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pengangkutan-pengangkutan awam kita tidak masuk.

Tuan Pengerusi: Faham, faham. Boleh faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak masuk, ya?

Tuan Pengerusi: Apa diteraskan ucapan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu kita punya adalah kata kerugian, tetapi kita hendak tengok dia sebagai negara pulau kalau tidak bergantung dan bekerjasama dengan kita boleh bertahan atau tidak 4.2 juta orang dia?

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia hendak cari telur dekat mana? Telur Indonesia kena bawa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri jawab, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, ini, jadi agak-agak sahaja kalau ada pendekatan Tuan Pengerusi, minta maaf saya Tuan Pengerusi, bukan hendak melawan Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya patuh dengan Tuan Pengerusi. Cuma belum selesai saya punya hujah ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya teras dia punya penjelasan itu, sudah ada. Dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mungkin Tuan Pengerusi sudah faham tetapi dia belum faham Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dia faham. Dia menteri dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk lebih menjelaskan, jadi agaknya macam mana? Kita punya port nanti akan jadi lagi hebat. Dia Tuan Pengerusi, dia punya pelancongan setiap tahun dia gunakan hutan kita, dia gunakan gunung kita, dia gunakan pantai kita, dia gunakan getah kita, dia gunakan barangan kelapa sawit kita, dia gunakan macam-macam kemudahan pelancongan.

Tuan Pengerusi: Menteri jawab, sila. Menteri bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inikan Timbalan Menteri Pelancongan ada sini kita tidak juga melancong ke Singapura.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi dia ambil pelancong luar dari Belanda, dari Holand dari mana datang ke Singapura tetapi dia punya paket Malaysia.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat. Cuba jawab. Faham?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading atas semangat yang tinggi dan kita tidak boleh mencuba dan mengubah pendekatan kita sewenang-wenangnya dan apa yang telah kita lakukan dahulu kita akan lakukan sekarang dan kemudian. Pendekatan kita pun tidak akan berubah sangat.

Tetapi memandangkan banyak teguran yang mengehendaki kita berkeras lagi dari yang kita pameran sekarang kementerian mengambil berat pandangan ini dan akan mengarahkan pegawai-pegawai kita dan semua yang bertanggungjawab dalam penyelesaian perkara-perkara ataupun isu-isu tertangguh dengan mengambil pandangan yang diberikan oleh Dewan ini dengan serius. Kepada cadangan dari Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan peranan Ahli-ahli Parlimen ini memang dialu-alukan dan kementerian akan cuba mencari jalan bagaimana Ahli-ahli Parlimen kita dapat lebih lagi melibatkan diri dalam perhubungan dua hala kita dengan Singapura ataupun negara-negara jiran yang lain.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Dato' Joseph Salang Gandum: Ini baru 4 sahaja Tuan Pengerusi, 6 lagi belum dijawab dan biarlah saya sambung di sini.....

Tuan Pengerusi: Cepatkan boleh? Cepatkan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan hubungan dua hala dan bertanya perlukah kita menukar dasar luar kita atas sebab-sebab yang

kita merasa ada meruncingkan kita dalam hubungan itu. Jawapannya ialah walaupun kita nampak berlemah-lembut dalam dasar kita ianya bukan menunjukkan kelemahan ataupun bermakna kita tidak berbuat apa-apa.

Tindakan kita adalah melalui saluran yang tertentu terlebih lagi saluran diplomasi dan jangan dipandang bahawa kita tidak mengambil apa-apa tindakan berkenaan dengan isu, berhubung dengan 131 orang yang datang dari negara jiran. Berkenaan dengan negara Israel, dasar kita memang konsisten dan sebelum tertubuhnya negara Palestin yang merdeka dan bebas dan sebelum Israel melaksanakan segala resolusi PBB yang berkaitan diselesaikan kita akan berdiri teguh pada dasar yang sedia ada.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut yang mengatakan bahawa Malaysia adalah bersungguh-sungguh dalam mempertahankan pertubuhan ASEAN. Memang betul, Yang Berhormat. Malaysia sebagai sebuah negara ataupun *Founding Member of ASEAN* memang mempertahankan kedudukan rantau ASEAN di dunia dan tindakan Thailand, Singapura atau negara-negara lain berkenaan dengan EAEC iaitu tindakan mereka dan berkemungkinan juga iaitu pandangan kita berkenaan dengan tindakan mereka. Kita mengambil tindakan yang sewajarnya yang kita fikirkan dapat menguntungkan Malaysia sebagai negara yang *sovereign* dan merdeka. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar : Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit? Tadi saya ada bangkitkan penolakan Singapura, Thailand dan Filipina ini, apakah ada dalang di belakang mereka ini yang cuba mendukung yang menyebabkan mereka tidak mahu menyertai Malaysia yang begitu bersungguh-sungguh dalam penubuhan EAEC ini ataupun mereka cuba hendak macam kita bincang tadilah masing-masing cuma hendak tunjuk taring masing-masing, jadi apakah penjelasan daripada Yang Berhormat dalam perkara ini yang lebih jelas ataupun ada kuasa besar yang lain, yang cuba hendak menanggung di air keroh?

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat bagi Larut, jawapannya macam yang saya telah sampaikan tadi iaitu kita tidak dapat menyangka dan berharap tidak ada dalang di belakang mereka dan pendekatan yang mereka pameran adalah diharapkan pendekatan mereka sendiri. Kita mengharapkan di sebalik pendekatan yang nampak keras dari mereka, mereka pun bersetuju dengan banyak pandangan-pandangan yang kita pameran ataupun kita tunjukkan dalam perbincangan kita mengenai isu EAEC ini. Kita berharap mereka pun akan bersependapat dengan kita kemudian nanti.

Ipoh Barat menyentuh beberapa isu iaitu undang-undang antarabangsa, *International Criminal Court*, sebenarnya negara kita telah menubuhkan satu jawatankuasa antara agensi-agensi dan tugas jawatankuasa ini adalah untuk menghalusi perkara-perkara dan implikasi ICC terhadap perundangan negara. Kita akan membuat keputusan selepas sahaja kajian tersebut selesai.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat juga..

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya..

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai jawatankuasa ini, tahun dahulu pada 4 Oktober, Setiausaha Parlimen telah bagi tahu bahawa satu penelitian sedang dibuat mengenai *article room, room statute* di mana dikatakan, separuh daripada itu telah habis diteliti dan didapati sesuai dengan undang-undang yang sedia ada dengan Malaysia. Tetapi bilakah jawatankuasa ini ditubuhkan dan apakah yang sedia dibuat mengenai penelitian lain-lain klausa, di *room room statute*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa sekarang lebih banyak lagi peratusan dari separuh yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahun dahulu dan sekarang, adalah dekat hendak selesai iatu tidak kurang dari 75% sudah selesai dan oleh kerana jawatankuasa ini mengambil kira pandangan dari agensi berkenaan dan ini mengambil masa yang agak panjang dan ada juga negara-negara lain yang ada *complexity*nya dalam perundangan negara mereka, belum memasuki menjadi ahli ICC dan Malaysia pun berjaga-jaga sebelum kita memutuskan dan kita perlu tahu apa implikasinya kepada undang-undang kita yang sedia ada jika ada implikasi yang buruk kepada kita, kita akan meneliti macam mana kita dapat menyelesaikannya nanti.

Oleh yang demikian, pegawai-pegawai tertinggi dari ICC telahpun dijemput dan datang berunding dengan pegawai-pegawai kita. Saya berharap dengan penjelasan ini Yang Berhormat boleh bersetuju dengan pendirian Malaysia pada masa ini. Dan menjawab perkara yang lain,

Tuan M. Kula Segaran: Sekejap, sekejap. Mengenai jawatankuasa ini, adakah khas untuk *International Criminal Court* atau untuk semua hal penelitian...

Dato' Joseph Salang Gandum: Ini khas untuk ICC.

Tuan M. Kula Segaran: iaitu selepas kedatangan hakim dari Paris..

Dato' Joseph Salang Gandum: Tak, sebelum, sebelum, sebelum mereka datang, kita sudah ada. Sudah ada tubuhkan di bulan yang lepas atau ada seorang hakim dari Korea yang menjadi ahli ICC pun ada berjumpa dengan saya dan saya menerangkan kepada beliau bahawa jawatankuasa ini memang sudah wujud.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, sedikit. Mengenai jawatankuasa ini, siapa yang pengerusikan dan *what is the composition*, dengan izin, jawatankuasa ini?

Dato' Joseph Salang Gandum: Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai dari Wisma Putra dan kita jadi macam pemandu kepada jawatankuasa ini dan pandangan dari pegawai-pegawai perundangan dari agensi-agensi yang lain, semua dibentangkan dan dibahas dan dihalusi dan sebelum pandangan ataupun kajian ini selesai, tak payahlah saya mengatakan bagaimana penyiapannya sekarang.

Dan Yang Berhormat biar saya teruskan, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat menyentuh perkara pengambilan pekerja-pekerja negara asing, terlebih lagi negara Pakistan. Yang Berhormat, sebenarnya Wisma Putra hanya melibatkan diri dari segi menolong agensi kerajaan iaitu terlebih lagi Kementerian Dalam Negeri dan kita memang ada tugas yang tertentu macam berhubung dengan negara-negara misalnya Pakistan dan negara-negara yang lain.

Tetapi dasar pengambilan ini adalah diputuskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Dan, sekiranya wakil-wakil kita misalnya, di Islamabad tidak mengambil bahagian dalam pengambilan ataupun pemilihan pekerja-pekerja ini, kita nanti akan *discuss*, dengan izin, berhubung dengan beliau ataupun pegawai-pegawai khas kita yang ada di Islamabad.

Tadi Yang Berhormat bertanya berkenaan tanah di Rawalpindi. Saya ingat tanah itu bukan di Rawalpindi, tetapi di Islamabad. Tanah itu memang lama sudah kita perolehi, tetapi oleh kerana kesuntukan kewangan, maka pembangunan tanah itu belum sempat kita sempurnakan dan diharapkan dalam RMK-8 kita akan dapat peruntukan untuk membangunkan bangunan kita sendiri atas tapak tanah tersebut.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan, Tuan Pengerusi dengan izin. Tuan Pengerusi, saya ingat ada satu yang tidak kena. *Something is wrong somewhere*. Kerana pendirian kerajaan dengan tegas adalah, bila seseorang pekerja dari mula polisi kerajaan adalah bila membawa atau memberi kebenaran membawa pekerja dari Pakistan. Kita semua Ahli Parlimen tahu, ada beberapa penapisan perlu dibuat sebelum mereka datang. Tetapi bila kita pergi ke Pakistan, kita dapat tahu *there is no* penapisan langsung. Sebenarnya pegawai Imigresen mengatakan tidak ada fungsi untuk memainkan dalam perkara ini.

Dan yang lebih *dangerous* dengan izin, adalah di mana pekerja-pekerja sekarang sistem yang sedia ada, mereka boleh terus ke KLIA dan dapat chop masuk ke negara ini untuk bekerja. Tentang walhal apa yang dijanjikan oleh kerajaan, mereka akan menapis semua pekerja dan ini akan dibuat oleh Kementerian. Kenapa Kementerian tidak berbuat demikian, dan kenapa kita perlu adakan *Imigresen Attache* di Rawalpindi? *It doesn't make sense*.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya, penyediaan ataupun pembekalan Imigresen *Attache* di Rawalpindi. Rawalpindi ke Islamabad Yang Berhormat? Kita tak ada Kedutaan di Rawalpindi, tetapi di Islamabad.

Tuan M. Kula Segaran: Islamabad, Islamabad.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih. Itu disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan penapisan, saya fikir penapisan pekerja-pekerja asing ini bukan kita sahaja yang menapis latar belakang mereka, tetapi iaitu Kementerian Dalam Negeri mereka sendiri akan menunjukkan mereka yang disediakan menjadi pekerja-pekerja ke negara kita adalah berlatarbelakangkan yang cerah dan tidak ada pengganas ataupun penjenayah.

Macam kita pun, bila kita ditanya untuk memberi *certificate of a good conduct* dengan izin, pada rakyat kita, itupun kita tapis dari segi melalui *special branch* dan diharapkan penapisan

semacam ini pun disediakan dan saya percaya itu adalah tanggungjawab Pakistan untuk menghantar hanya warganegara yang berlatar belakang bagus sahaja, dan ..

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan M. Kula Segaran: Saya khawatir satu *statement* yang datang dari Timbalan Menteri mengatakan, "Bahawa kita sedia terima apa yang dikatakan semua pekerja yang dihantar oleh Kerajaan Pakistan adalah benar dan latar belakang mereka telah ditapis oleh kerajaan". Adakah ini satu kompromi situasi yang sedia ada, bukannya tanggungjawab negara kita untuk memastikan pihak-pihak yang datang dari negara asing, kita yang menentukan. Itulah, bila saya ada dialog dengan pihak kakitangan di sana mengatakan, "*They got nothing*". Tidak ada apa-apa yang mereka boleh buat walaupun mereka sendiri syaki bahawa ada orang yang tidak baik dapat masuk dalam negara, orang-orang penjenayah, *terrorist* dan sebagainya. Itulah yang kita perlukan, sebagai Wisma Putra perlu adakan *desk, the immigration desk* ada di sana, kenapa mereka tidak ditugaskan sedemikian?

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat atas pendedahan maklumat ini dan kita akan siasat, dan jika benar kita akan bertindak dengan Kerajaan Pakistan. Dan oleh kerana ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Pakistan dahulu dan kita harap mereka mematuhi apa yang telah mereka setujui.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat persoalannya adalah kaedah memasukkan pekerja-pekerja dari Pakistan ke mari.

Dato' Joseph Salang Gandum: Kaedahnya?

Tuan Pengerusi: Kaedahnya, prosedurnya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Sebenarnya dari cara penapisan dan jika Kerajaan Pakistan mengatakan, "Bahawa seseorang pekerja yang akan dihantar ataupun yang dipinta oleh mana-mana majikan di Malaysia itu adalah orang-orang yang berlatar belakang bersih, maka bolehlah ianya dihantar ke Malaysia". Dan yang ini sebenarnya pegawai-pegawai Wisma Putra hanya membantu sahaja dan penapisan ini adalah dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia, dan apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat kita akan nanti tengok macam mana kita boleh mengatasinya.

Tuan Pengerusi: Ya banyak lagi?

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak banyak lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Joseph Salang Gandum: Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya juga mengapa kontrak pesuruhjaya tinggi kita di Pakistan masih dalam 'situasi limbo' dan jawapannya kontrak beliau telah disambung. Yang Berhormat Jasin telah mengatakan, "Bahawa Malaysia sebagai negara yang pesat dalam perniagaan, maka pegawai-pegawai kita hendaklah dibekalkan dengan kelengkapan yang cukup seperti telefon, kereta dan kelengkapan lain". Kementerian

mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat Jasin dan kita akan menyampaikan saranan ini kepada kementerian dan diharap Kementerian Kewangan akan bersimpati dengan Kementerian Luar dalam memperuntukkan pegawai-pegawai kita dengan kelengkapan yang mencukupi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat kereta itu kereta Proton.

Dato' Joseph Salang Gandum: Belum lagi. Yang Berhormat dengan cadangan untuk membekalkan kereta Proton Eksekutif ataupun kereta Proton kepada duta besar atau pesuruhjaya tinggi kita, ini mengikut *practicality* dan cadangan ini akan ditimbang oleh kementerian dan kadangkalanya dibanyak negara yang payah kita hendak mengimport kereta yang *right hand drive*. Dan oleh kerana *practicality* yang demikian, maka tidak boleh kita katakan semua ini boleh diambil kira. Dan berkenaan dengan hubungan kita dengan *press*. Sebenarnya kita ada apa yang dipanggil *monthly international visitor programme* Yang Berhormat. Dan dalam perjumpaan ini kita mendedahkan mereka dasar-dasar luar kita dan pandangan kita berkenaan dengan isu-isu antarabangsa, isu-isu *bilateral* dan isu-isu dalaman dan kita mendedahkan mereka kepada, misalnya Islam Hadhari dan perkara-perkara lain.

Dan berkenaan dengan pembekalan pasir ke Singapura, isu ini sedang dalam perbincangan dan saya tidak ada maklumat terperinci berkenaan dengannya. Yang Berhormat dari Gombak menyentuh hubungan dua hala dan dasar luar Malaysia. Dan beliau menyentuh peranan wakil-wakil kita di luar negara dan macam mana kita menerangkan dasar-dasar luar Malaysia kepada negara tempat mereka bertugas. Sebenarnya semua duta atau pesuruhjaya tinggi kita sebelum mereka dilantik, mereka adalah berpengalaman yang panjang, berpengalaman tidak kurang dari 20 hingga 25 tahun. Dan mereka adalah ditapis dan didapati banyak pengalaman dalam hubungan antarabangsa dan diplomasi dan mereka ada ciri-ciri kepimpinan dan tahap integriti yang tinggi. Dan oleh yang demikian Wisma Putra tidak ada keraguan untuk menghantar mereka yang terpilih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri '*gostan*' sedikit berkenaan dengan *press*. Saya hendak menarik perhatian kerana tahun sudah kita dituduh menjadi pangkalan memasarkan ataupun penjualan kayu-kayu haram daripada Indonesia yang melibatkan spesies yang tertentu. Apa yang berlaku dekat negara kita cara kecil-kecilan sahaja, itu pun bukan orang Malaysia yang pergi seludup balak ataupun masuk ke Indonesia tebang balak apa semua. Orang Indonesia bawa cara *barter trade*, tetapi di Singapura melalui pelabuhan besar kapal-kapal besar, kayu-kayu ini diseludup daripada Indonesia ke Singapura. Dan Singapura boleh keluarkan pula *certificate* tetapi tidak dihebohkan. Di Malaysia ini BBC datang ambil televisyen dan mereka mengeluarkan kempen-kempen di luar

negara supaya boikot *furniture* ataupun perabot-perabot daripada Malaysia kerana Malaysia membeli balak haram katanya.

Tetapi Singapura kapal besar-besar Tuan Pengerusi dia pakai pula ada *certificate* yang dikeluarkan oleh Singapura, walhal Singapura tidak ada hutan. Ini kerana Kerajaan Singapura melalui syarikat-syarikat, dia berbaik-baik dengan media massa antarabangsa, jadi kita kena ke arah itu sekarang ini. Kita minta negara kita juga melalui Kementerian Luar kita kena berbaik-baik dengan media antarabangsa. Patut gosok-gosok itu gosok sahajalah demi untuk masa depan kita.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat atas saranan itu tadi dan kita ambil pandangan itu serius dan kita juga berharap apa yang kita buat mendapat hasil yang positif.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak cadang di sini, kalau bolehlah duta-duta kita ini, terutamanya di luar negara mesti ada satu pendekatan, wawancaralah dengan media-media tempatan di luar negara. So, mereka boleh menceritakan apa kebaikan negara kita. Mereka tidak boleh mengasingkan diri dengan perhubungan di mana tempat mereka berada. Bukan setakat hanya mengurus segala urusan kehadiran tetamu, maksudnya lawatan pemimpin kita, mereka itu sendiri mesti mengadakan satu hubungan yang baik dengan media-media tempatan. Mereka cari peluang bagaimana mereka boleh ditemu bualkan oleh media-media tempatan di mana negara mereka pun ada. Apa pandangan Yang Berhormat? Apakah ini satu lagi pendekatan baru yang akan dibuat oleh Wisma Putra? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya pendekatan itu memang sudah ada dijalankan sekarang dan kita akan meningkatkan lagi pendekatan itu oleh kerana semua duta kita di luar negara memang bertugas sebegitu dan mereka memang selalu berbincang dan bertemu ramah dengan media massa tempatan di mana mereka berada. Sekiranya apa yang mereka sedang lakukan sekarang tidak mencukupi, maka kita akan mengarahkan supaya mereka memperkuatkan dan memperhebatkan lagi pendekatan itu.

Yang Berhormat bagi Gombak juga menyarankan supaya dasar luar kita memasukkan budaya dan seni Malaysia dan minta peruntukan dari Kementerian Kewangan. Terima kasih atas saranan Yang Berhormat dan pada masa sekarang memang ada perwakilan kita di beberapa buah negara bekerjasama dengan agensi-agensi lain terlebih lagi Kementerian Pelancongan dan memang selalu juga diadakan pertunjukan dan pameran kebudayaan Malaysia macam tidak

lama dahulu di New York yang ada *parade* diadakan warganegara Malaysia yang berada di New York dan didapati bahawa sambutan New Yorkers adalah sangat menggalakkan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyentuh perkara *bilateral* dan *multilateral relation* berkenaan dengan *human, arms* dan *drug trafficking*. Kita sentiasa bekerjasama dengan negara-negara jiran dalam membanteras masalah penyeludupan manusia, senjata dan dadah melalui kerjasama serantau dan dua hala. Dengan pendekatan ini kita berharap akan dapat mengurangkan masalah *human trafficking, arms* dan *drug* yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas saranan, teguran dan cadangan oleh kesepuluh Yang Berhormat dan yang mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa ini dan sentuhan dari beberapa pencelah semasa mereka menyampaikan ucapan mereka tadi. Dan dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM451,900,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM451,900,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM90,900,000 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM90,900,000 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.20 [Jadual] –
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2006]**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.20 dan kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Mambong.

3.57 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, saya ingin menyentuh beberapa butiran di bawah Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Yang pertama adalah Butiran 00508 yang berkaitan dengan Hutan Tani. Hutan tani ataupun *agro forestry* adalah gabungan aktiviti-aktiviti pertanian dan perhutanan untuk mewujudkan satu kegunaan tanah yang bersepadu dan juga boleh menguntungkan. Amalan-amalan hutan tani yang biasanya diamalkan bukan semestinya di negara kita, tetapi di negara lain ialah seperti *ally cropping* ataupun menanam tanaman di antara barisan pokok-pokok hutan dan biasanya tanaman-tanaman ini adalah seperti jagung, nanas dan sebagainya. Kerana kalau si petani itu atau si pengusaha itu menunggu sehinggalah kayu-kayan ini besar dan mendapat hasil, itu ada satu tempoh yang agak lama hingga ke 50 tahun. Jadi ini satu tempoh yang agak lama. Mungkin si pengusaha itu sudah mati di dalam tempoh 50 tahun. Itulah sebabnya amalan di Barat adalah untuk menggabungkan aktiviti pertanian dan perhutanan seperti *ally cropping* ataupun menanam tanaman-tanaman di mana tempo *maturity periodnya* agak pendek.

Yang kedua, adalah *forest farming*. *Forest farming* berkaitan dengan tanaman yang ada buah ataupun buah-buahan dan apabila ia membesar nanti, ia menjadi pokok kayu-kayan seperti yang kita amalkan di sini, tanam getah adalah satu hutan tani yang amat baik.

Ini kerana yang pertama kita boleh mendapat susu getah dan selepas itu dalam tempoh 15, 20 tahun, kita boleh mendapat kayu getah. Di Sarawak memang sudah terdapat 12 tapak hutan tani tetapi yang meliputi kawasan kecil sahaja yang berjumlah 400 hektar. Bentuk-bentuk projek di Sarawak adalah memelihara rusa di dalam hutan yang ditanam. Projek ini dikatakan berjaya di Sarawak kerana semasa saya bertugas di Jabatan Perhutanan dalam tahun 80-an, saya juga ada melibatkan diri saya dalam projek hutan tani ini.

Yang kedua, penanaman getah, getah juga berjaya tetapi bentuk projek yang lain, seperti koko, kulat, nanas, kambing biri-biri dan kolam ikan, itu tidak berjaya. Ini kerana orang-orang tempatan yang mengambil bahagian di dalam projek-projek yang tertentu yang saya sebut tadi seperti koko, nanas, kambing biri-biri dan kolam ikan tidak mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan projek-projek ini.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya daripada Kementerian, di dalam butiran ini iaitu 00508 - Penubuhan Hutan Tani, apakah bentuk-bentuk *agro forestry* nanti yang akan dilaksanakan? Yang kedua, bagaimanakah latihan mereka yang terlibat nanti di dalam projek-projek *agro forestry* ini.

Perkara yang kedua di bawah Kementerian ini ialah Butiran 11100 - Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Memang kita sudah membincangkan tentang bio diesel dan bio fuel yang menggunakan minyak sawit untuk menghasilkannya. Tetapi dalam perkara ini, walaupun teknologi sudah ada, sudah wujud, mungkin di negara kita belum lagi berkembang tetapi di negara-negara lain memang sudah wujud dan kita boleh membeli peralatan dengan harga USD10 ribu untuk menghasilkan lebih kurang 1,000 liter bio diesel. Teknologi ini memang sudah wujud tetapi di negara kita Menteri menjawab bahawa hanya tiga syarikat sahaja yang akan

terlibat di dalam penghasilan bio diesel. Kenapa hanya tiga syarikat? Teknologi memang sudah wujud, bukannya satu teknologi yang susah diperolehi, senang didapati sekarang di dunia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Oleh yang demikian, saya menyarankan sekali lagi bahawa kementerian ini haruslah mewujudkan satu dasar yang terperinci, yang jelas, supaya banyak lagi syarikat boleh melibatkan diri di dalam pengusahaan pengeluaran bio diesel. Ini sebagai satu industri baru, ia tentu boleh membawa pertumbuhan ekonomi kepada negara kita. Kalau tidak kita memang akan ketinggalan.

Di Beijing, pada 16 hari bulan ini ada satu bengkel yang dinamakan *Liquid Bio Fuel in China for Transportation*. Saya dijemput. Saya tidak tahu sama ada kementerian dijemput tapi saya dijemput untuk menghadiri bengkel tersebut sebagai *resource person* atau sebagai pakar rujuk. Jadi, di negara China sekarang, ia sudah mewujudkan strategi kebangsaan negara untuk pengeluaran bio diesel dan bio ethanol. Oleh yang demikian, saya haraplah kementerian kita ataupun kerajaan mewujudkan satu dasar dan juga jika perlu satu perundangan untuk membangunkan industri pengeluaran bio fuel di negara kita kerana kita juga tidak mahu ketinggalan di dalam bidang ini.

Industri ini memang satu industri yang amat menguntungkan kerana selain daripada menghasilkan bio diesel, industri ini juga mengeluarkan gasolin yang boleh digunakan untuk pharmaceutical dan yang boleh digunakan untuk membuat sabun dan sebagainya.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tan Sri sudah keluar.

Dr. James Dawos Mamit: Oooi, minta maaf. *[Ketawa]*. Minta maaf Tuan Pengerusi, minta maaf ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Kerana saya selalu memandang kepada Setiausaha Parlimen Kementerian, jadi saya terlupa Yang Berhormat Pengerusi. Kali ini saya akan pandang Yang Berhormat Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat. *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, terima kasih kerana penjelasan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Temerloh.

Dr. James Dawos Mamit: Temerloh? Ya, boleh, saya bagi dia.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat sebut tadi kita dah lama sangat merupakan pengeksport ataupun pengeluar kepada minyak kelapa sawit ini tetapi hingga ke saat ini kita masih belum

mampu untuk mewujudkan industri *downstream*, dengan izin, yang berjaya. Apakah agaknya faktor menyebabkan kita tidak boleh hendak menjadi pengeluar, *downstream* yang berjaya ini. Saya kira bukan susah sangat untuk mengeluarkan bio fuel ataupun barang-barang keluaran *downstream* daripada minyak sawit ini. Tetapi kita masih belum berjaya dari segi itu, apakah agaknya? Adakah kita tidak cukup pengusaha-pengusaha, tidak ada kemudahan kepada modal ataupun teknikal ataupun kita sengaja *take for granted*, dengan izin, Tuan Pengerusi kerana kita eksport minyak sawit, jadi kita tak payah berikan tumpuan kepada *downstream*. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat. Yang sebenarnya *downstream* minyak kelapa sawit ini memang sudah wujud di negara kita tetapi untuk produk-produk yang berlainan. Seperti minyak makan, itu adalah kegunaan ataupun *direct use*. Yang kedua, untuk produk-produk yang lain seperti *food supplements*, vitamin dan sebagainya. Tetapi pada masa dulu kalau kita lihat daripada *market CPO* ataupun *Cruet Palm Oil*, ia turun naik, turun naik. Tidak menentu kerana kita jual CPO dalam *volume* yang tinggi ataupun *in bulk*, dalam *volume* yang tinggi kita eksport di luar negara.

Dan kegunaan untuk *downstream* produk-produk yang lain adalah kecil sahaja, jadi kita guna *volume* yang kecil. Tapi jika harga eksport ini turun lebih banyak, maka seperti pada tahun, saya pun sudah lupa, dalam 90-an, maka kita di dalam satu dilema bagaimanakah kita nak menggunakan minyak-minyak kelapa sawit ini kerana kita hanya untuk membuat minyak yang kita gunakan sahaja di dalam rumah kita, minyak masak. Oleh yang demikian, jika kita wujudkan industri bio diesel ini maka industri minyak sawit ini akan lebih menentukan lagi, lebih stabil lagi. Ini kerana untuk digunakan, untuk menghasilkan bio diesel, kita menggunakan *volume* yang banyak ataupun isi padu yang banyak.

Oleh yang demikian, saya rasalah, saya berpendapat bahawa bukan kita tidak ada human capital, kita ada mereka yang pakar, yang boleh tahu apa yang nak dibuat. Tetapi hanya dasar sahaja sekarang, polisi kerajaan jikalau ada polisi, ada dasar yang sudah wujud bahawa kita menggunakan CPO ini untuk sebagai contoh *biodiesel*, maka pakar-pakar kita akan terus membuat kajian bagaimanakah hendak menghasilkan *biodiesel* menggunakan minyak kelapa sawit yang banyak ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dr. James Dawos Mamit : Tidak banyak lagi. Sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. James Dawos Mamit: Yang, yang ketiga saya ingin menyentuh butiran.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Dr. James Dawos Mamit: Parit? Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Mambong, fasal projek biodiesel ini saya percaya Yang Berhormat bagi Mambong ini boleh

merupakan *resource person* soal *biodiesel* dan seperti yang diakui beliau pun pergi seminar di sana sini, memang kita rasa hairan kenapa pihak kerajaan, pihak kementerian menetapkan tiga syarikat untuk melaksanakan projek *biodiesel* ini sedangkan kita mempunyai bahan mentah ataupun dengan izin *prometarial* yang cukup.

Adakah projek *biodiesel* ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan ataupun oleh pihak syarikat itu. Sekiranya pihak syarikat yang menanggung pembiayaan R&D dan sebagainya projek *biodiesel* ini saya fikir tidak ada sebab kenapa kerajaan perlu menghadkan kepada tiga syarikat sahaja. Saya tahu banyak syarikat yang berminat daripada dalam dan luar negara untuk projek ini. Jadi bolehkah Yang Berhormat bagi Mambong memberikan sedikit penjelasan kerana saya anggap beliau ini merupakan *resource person* dalam projek ini, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Saya pun hairan kenapa tiga syarikat sahaja yang akan dibenarkan untuk menceburi diri di dalam pengusahaan ini. Adakah syarikat-syarikat ini, syarikat kerajaan (GLC) atau syarikat swasta sepenuhnya? Saya ambil soalan daripada Yang Berhormat bagi Parit dan diajukan kepada kementerian, kita dengarlah jawapan kementerian nanti kenapa, saya sendiri pun hairan juga kenapa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Pendang pun minat, ya?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Minat, minat, minat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya berhubung dengan biofuel ini. Sekarang kita tahu restoran makanan segera merupakan satu trend kepada mana-mana negara pun dan hasil daripada ini adalah minyak yang digunakan untuk menggoreng makanan segera tersebut misalnya *Kentucky, Mary brown*, dan di Amerika Syarikat misalnya mereka telah menggunakan minyak yang telah digoreng ini sebagai biofuel lebih kurang berjuta-juta liter boleh menghasilkan *biodiesel*.

Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini kerana kita tahu minyak ini kita tak boleh guna banyak kali untuk menggoreng makanan sebab menurut kajian kesihatan ada yang mengatakan ia karsinogenik kepada badan kita jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang minyak ini?

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Di negara lain mereka juga menggunakan minyak yang sudah dipakai tadi untuk menggoreng ayam, menggoreng ikan dan sebagainya. Jadi sekumpulan, nama kumpulan minyak ini termasuk minyak terpakai dikatakan *triglyceride*. Jadi *triglyceride* inilah yang dicampurkan dengan *mentanol*, dimasukkan *cytalis, potassium hydroxide* dan selepas itu apa yang keluar adalah *biodiesel* ataupun *methyl ester* dan campur juga dengan *glycerol* yang saya sebut tadi. Jadi, pelbagai minyak boleh diguna pakai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah saya minta Yang Berhormat gulung?

Dr. James Dawos Mamit: Ya saya ingin gulung. Yang terakhir adalah butiran 11300, Pembangunan Jemaah Pemasaran Lada Hitam. Ini di Sarawak ini kerana di negara kita pengeluaran lada hitam adalah dari Sarawak sekurang-kurangnya 95 peratus. Pada satu ketika kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan Lembaga Lada Hitam Malaysia kerana apa yang ada sekarang adalah Lembaga Pemasaran Lada Hitam di Sarawak. Tetapi jika Lembaga Lada Hitam Malaysia ditubuhkan, maka industri lada akan lebih membangun lagi di Sarawak kerana petani-petani di Sarawak memang ramai yang menanam lada hitam.

Jadi saya mintalah kementerian untuk mempercepatkan penubuhan Lembaga Lada Hitam Malaysia, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga Ahli Yang Berhormat ingin berucap - empat. Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma menyentuh dua perkara pendek, perkara 00100 Lembaga Koko Malaysia. Kita tahu bahawa *acreage* koko di Malaysia tidak bertambah malah sebahagian besar daripada keluasan tanah yang ditanam dengan koko ini ketika ini telah sekian lama ditebang dan ditanam dengan kelapa sawit. Ini bermakna ladang koko di Malaysia semakin mengecil daripada segi *acreagenya* di seluruh negara. Tetapi kalau kita lihat sekarang ini harga koko telah stabil pada harga yang tinggi untuk sekian lama dan telah mencecah sehingga RM5000 untuk satu tan. Ini bererti bahawa tanaman koko mempunyai potensi untuk diperbesarkan kerana adanya pasaran yang begitu menggalakkan ketika ini tetapi saya tidak melihat ia menjadi satu tanaman yang mampu menarik balik pengusaha-pengusaha untuk menanam semula koko ini daripada tanaman-tanaman komuniti yang lain.

Saya ingin tahu apakah usaha Lembaga Koko Malaysia dalam membawa balik industri ladang koko ini di negara kita, apa program yang dirancang oleh Lembaga Koko? Saya dimaklumkan bahawa Lembaga Koko mempunyai dana yang besar untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk menanam koko tetapi sejauh mana dana ini telah digunakan sepenuhnya untuk tujuan itu. Dengan itu kita melihat bahawa perlu ada satu program yang menyeluruh dan sampai kepada sasarannya yang harus dibuat oleh Lembaga Koko Malaysia untuk menentukan bahawa komuniti ini kembali ditanam di galakkan penanamannya semula di negara kita.

Perkara kedua adalah perkara 11100 MPOB. Saya juga melihat bahawa MPOB mempunyai dana untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula dan memberikan *seedling* kelapa sawit ini kepada pengusaha-pengusaha kecil-kecilan terutama bagi mereka yang mengusahakan 15 ekar ke bawah. Ketika ini di Sabah banyak penyaluran bantuan ini diberikan,

disalurkan melalui Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya ingin tahu adakah ini benar-benar bertepatan dan sampai kepada matlamat MPOB untuk mengagih-agihkan bantuan *seedling* kelapa sawit ini kepada pengusaha-pengusaha kecil-kecilan.

Adakah MPOB tidak melihat bahawa lebih ramai pihak dilibat sertakan untuk menentukan objektif bantuan ini sampai kepada pihak sasaran. Umpamanya penglibatan pemimpin masyarakat, penglibatan pejabat daerah, penglibatan pegawai-pegawai pertanian dan juga penglibatan Ahli-ahli Parlimen umpamanya untuk menentukan bahawa program MPOB untuk memberikan bantuan subsidi anak benih kelapa sawit ini dapat mencapai matlamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat

16.21 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit saja, mengenai tajuk 07000 - Dasar Baru . Bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan mengenai pendirian kerajaan mengenai biomass, kita dengar banyak mengenai bio-diesel. *Actually* pada 10 Ogos adalah *International Diesel Day*. Adakah Kerajaan mengiktiraf dan adakan ia akan *dideclare* dalam negara ini bahawa 10 Ogos ini seperti yang diterima pakai di Amerika, pada 10 Ogos adalah *International Diesel Day*. Ini amat mustahak kerana walaupun kita sekarang sangat suka bercakap mengenai kelapa sawit yang berkaitan dengan diesel, tetapi di Amerika pada tahun 1890 perkara ini telah wujud mengenai penggunaan *vegetable oil* dalam sistem diesel dan apakah pendirian kerajaan untuk menggalakkan lebih syarikat dari apa yang dikatakan tiga syarikat yang mungkin dibenarkan untuk melibatkan dalam bio- diesel dalam Malaysia ini dan adakan perkara itu setakat penggunaan kelapa sawit di negara ini sahaja atau ia juga bio-diesel ini akan di eksport ke luar negara.

Juga dalam perkara ini Tuan Pengerusi, adalah hasil pendapatan kelapa sawit sekarang dikatakan lebih kurang 20 tan lebih kurang untuk setiap hektar di negara ini tetapi yang dikatakan kalau taraf standardnya adalah bagus dengan penggunaan teknologi yang baru, ia boleh meningkat kepada 36 tan satu hektar. Apakah pendirian atau *research* yang telah dibuat oleh kerajaan, oleh kementerian khususnya untuk meningkatkan lagi apa yang sedang dipakai sekarang lebih kurang 20 tan untuk satu hektar itu adalah memadai. Adakah ini tindakan atau penyelidikan sudah dibuat supaya kita dapat naikkan tarafnya kepada sekurang-kurang 36 ke 40 tan satu hektar. Dan juga penggunaan beberapa bio produk daripada kelapa sawit terutamanya sebagai fertilizer, apakah analisis yang telah dibuat oleh kementerian dan memberikan galakan-galakan supaya bio produk dari kelapa sawit yang sedia ada di ladang-ladang dapat diguna pakai untuk *recycle back* kepada pihak-pihak untuk memberi lebih keuntungan kepada lebih-lebih lagi pemilik-pemilik ladang yang kecil. Apakah galakan-galakan tertentu yang sedia ada atau galakan yang diberi oleh kerajaan, oleh kementerian khususnya kepada peladang-peladang yang hanya mempunyai kurang daripada 10 ekar kelapa sawit. Macam mana kita hendak menaikkan pendapatan mereka. Itu saja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong. Yang Berhormat tadi tak bangun. Lepas Tanjong Yang Berhormat berucap,...

Seorang Ahli: Tak payah cakaplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pihak kerajaan boleh jawab.

16.24 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]; Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan Butiran 05000 - Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, iaitu berhubung dengan perkembangan dalam eksport perabot Malaysia ke luar negara di mana baru-baru ini kementerian berkenaan telah membuat satu cadangan dan memutuskan bahawa dalam tahun akan datang tahun 2006 cuma ada satu *trade show* bagi industri perabot di negara ini dan langkah ini telah menimbulkan sedikit kebimbangan di kalangan pembuat perabot kecil dan sederhana yang menyumbang kepada 80% industri perabot ini.

Pameran-pameran perdagangan untuk industri perabot ini adalah amat penting Tuan Pengerusi sebab melalui pameran-pameran ini kontrak-kontrak untuk eksport perabot bagi pembuat negara ini dapat dilakukan di *trade show* atau pameran ini oleh pembeli-pembeli yang datang dari luar negara. Jadi dengan langkah kementerian untuk *endorse* dan mempromosikan cuma satu *exhibition* perabot antarabangsa ini akan menyebabkan bahawa kadar untuk mengadakan pameran akan meningkat bagi pengusaha-pengusaha SMI. Sebab pada tahun-tahun kebelakangan ini terdapat beberapa pameran perabot di adakan di negara ini misalnya MIFF, *Malaysian Furniture Eksport Exhibition* dan sebagainya dan jika langkah cuma mengadakan satu pameran sahaja ini akan menyebabkan pengusaha-pengusaha SMI dalam pengeksportan perabot ini akan menghakiskan peluang mereka ini untuk mengambil bahagian dalam *exhibition* dan pameran ini dan menyebabkan mereka bimbang tentang sama ada *trade fair* yang cuma satu itu akan menjadi kos afektif.

Perlu ditegaskan bahawa bagi SMI dalam industri perabot ini, pameran-pameran seperti ini adalah amat penting sebab melalui pameran ini menjadilah satu eksport *gate way* kepada SMI negara ini. Jadi saya berharap kebimbangan yang disuarakan oleh pengusaha-pengusaha bidang perabot ini dapat diambil kira oleh kementerian iaitu diharapkan kementerian akan menentukan bahawa kadar-kadar untuk menyewa ruang-ruang untuk pameran bagi tahun-tahun yang akan datang ini mampu dibayar oleh para pengusaha, dan para pengusaha juga menyuarakan kebimbangan mereka bahawa dalam pameran-pameran yang diadakan kebelakangan ini wujudnya kedatangan pembuat atau *manufacturer low cost* dari negara-negara asing seperti China, Vietnam, Thailand dan Indonesia yang juga mengambil bahagian dalam *trade fair* yang diadakan di Malaysia ini. Mereka bimbang bahawa dengan adanya *low cost manufacturers* dari negara-negara ini yang mampu berasing atas kos buruh ini akan menjejaskan peluang bagi SMI negara ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini, menyeru kementerian memberitahu Dewan ini, apa usaha telah dibuat untuk mengembang eksport dalam bidang perabot ini sebab memandangkan ia mendatangkan hasil yang amat besar kepada negara ini khususnya dalam perkara seperti *branding*, memberi *grant* untuk mempromosi produk-produk perabot dari negara Malaysia ini dan sama ada kementerian sudah berjaya untuk mendapat insentif-insentif cukai bagi industri ini dan sama ada pada tahun yang akan datang berapa banyak *grant* sudah diperolehi untuk perkembangan pasaran.

Dan akhirnya juga saya berharap kementerian boleh memberi penjelasan tentang apakah kedudukan terakhir tentang berkenaan dengan usaha untuk menggabungkan dua persatuan yang besar dalam bidang perabot ini iaitu Malaysia Furniture Industry Council dan juga Malaysia Furniture Entrepreneur Association yang akan menganjurkan MIFF yang menjadikan pameran tunggal bagi industri perabot di negara ini. Jadi saya ingin tahu apakah perkembangan terakhir tentang usaha *merger* ini. Sekian, terima kasih.

4.30 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 030000 – Lembaga Getah Malaysia. Kita tahu bahawa sejak kebelakangan ini memang harga getah telah pun begitu mendadak sekali kenaikannya, maka penduduk-penduduk kampung khasnya daripada pekebun-pekebun kecil telah pun mendapat begitu lumayan sekali pendapatan mereka. Ada juga yang telah dengan purata jika sekiranya cuaca yang baik, mendapat tidak kurang daripada 1,500 sebulan. Ini sangat-sangatlah baik dan menguntungkan kepada penduduk-penduduk luar bandar, khasnya kepada pekebun-pekebun kecil.

Saya ingin menyarankan di sini agar pihak kerajaan dapat meluaskan lagi penanaman getah, oleh kerana walaupun getah yang telah kita usahakan berpuluh tahun yang lalu tidak begitu menguntungkan, tetapi sejak kebelakangan ini kita dapati bahawa *global trend* ini telah pun dapat kita lihat di mana penggunaan getah asli ini sangat-sangat mendadak sekali, maka dengan adanya keluasan getah, saya rasa ini akan memberi keuntungan dan juga akan memberi pendapatan, khasnya kepada pekebun-pekebun kecil. Ini sememangnya baik sekali.

Untuk mempertingkatkan tahap kehidupan penduduk kampung, khasnya di luar bandar dan juga pekebun-pekebun kecil, saya rasa ini satu-satunya industri yang *very viable* pada ketika ini memandangkan kita dapati ramai yang tidak dapat bekerja di kilang-kilang, maka pekebun-pekebun kecil ini telah mengambil kesempatan yang begitu baik sekali ini untuk meneruskan kehidupan yang agak baik bagi penduduk luar bandar.

Satu perkara lagi ialah mengenai Butiran 050000 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Kita tahu bahawa semakin tahun kita dapati bahawa kayu-kayan kita semakin menurun, penghasilan kayu-kayan begitu mendadak di mana banyak dan luas *virgin jungle* telah

pun ditumbangkan untuk eksport dan ini telah pun mengakibatkan banyak khasnya perindustrian kayu-kayan yang menggunakan kayu yang bermutu. Misalnya, di Sabah kita dapati bahawa kayu-kayan yang bermutu itu tidak lagi begitu banyak di mana kita boleh guna ini sebagai perabot yang setanding dengan perabot-perabot sedunia.

Ini saya rasa juga kita harus ambil satu inisiatif ataupun satu peningkatan agar dapat menggunakan kayu-kayan ini di dalam negara kita sendiri untuk buat *downstream industry*, dan haruslah kita ambil satu inisiatif agar kayu balak ini tidak akan kita jual secara dengan kayu, tetapi bukan sebagai satu *downstream industry* yang kita jalankan di negara kita. So, dengan adanya simpanan-simpanan hutan yang harus kita beri tumpuan, saya rasa kayu-kayan kita ini akan dapat diteruskan dalam perindustrian kayu-kayan untuk perabot-perabot yang boleh setanding dengan negara-negara yang lain. Dengan ini saya menyokong. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ucap ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan tentang *budget* KPPK.

Pertamanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong, *agroforestry* di bawah tajuk 00508 – Penubuhan Hutan Tani, ini sebenarnya khusus untuk Lembaga Tembakau Nasional. Ini adalah untuk kita mengadakan *cash crop* untuk petani tembakau. Kita akan menjalankan beberapa projek di bawah perkara ini dan ada beberapa kriteria di bawah projek ini. Antara impaknya adalah meningkatkan kapasiti ekonomi, mempertingkatkan produktiviti dan sebagainya. Untuk tahun depan, kita hanya memperuntukkan RM550 untuk projek ini dan petani-petani akan dilatih melalui Lembaga Tembakau Nasional.

Berkenaan dengan tajuk 11100, berkenaan dengan MPOB atau Lembaga...

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini tentang penubuhan hutan tani ini yang melibatkan petani-petani yang kalau dahulunya mereka hanya menanam tembakau sahaja, saya ingin tahu apakah bentuk projek ini? Adakah projek ini kena di dalam konsep hutan tani? Kita ada tanam kayu-kayan, spesies kayu-kayan kerana kita hendak ambil kayu balaknya nanti.

Yang kedua, di lorong barisan penanaman kayu-kayan itu, kita tanam tanaman yang lain seperti tembakau. Dalam misalan ini, tembakaukah, nenaskah dan sebagainya. Jadi apakah aktiviti ini? Adakah sudah ada hutan ataupun hutan yang telah pun ditanam dan di lorong hutan

ini, kementerian mahu melibatkan petani-petani dan penanam tembakau ini untuk menanam kontan yang lain?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Apa maksud saya di bawah tajuk ini ialah untuk tahun depan. Peruntukan ini untuk Lembaga Tembakau sahaja. Saya tahu apa maksud Yang Berhormat berkenaan dengan hutan di antara barisan pokok-pokok itu, kita boleh tanam tanaman yang lain. Misalnya, Lembaga Getah Malaysia juga, kita ada eksperimen dan sebagainya, tanaman kontan di antara barisan. Tetapi untuk tajuk tembakau sahaja.

Berkenaan dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya hendak bangkit sedikit iaitu butiran 02000...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang masa untuk Yang Berhormat minta penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, tidak ini hendak tanya sedikit tentang bab tembakau tadi. Tembakau ini saya terima masalah sedikit Tuan Pengerusi, jadi tembakau di bawah kementerian ini, bukan di bawah pertanian. So, masalah rakyat sekarang ini, timbulkan masalah di Kelantan, khususnya Parlimen Pasir Puteh dan Bachok. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari sudah datang ke Kelantan telah pun menjelaskan hutang-hutang sebanyak RM54 juta lebih untuk *exit scheme*, untuk keluar daripada tembakau dengan memberi tanaman dan mengikut apa yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau. Jadi saya hendak tanya oleh kerana masih lagi belum selesai masalah hutang-piutang ini, hendak gulung tikar bantal bagi pengawet ini, hendak bankrap ini mintalah kementerian tengok semula dan bincang balik kalau boleh dengan persatuan itu sendiri untuk diselesaikan secara ini, sebab duit tidak melibatkan duit kerajaan kerana kerajaan tidak mengambil cukai ke atas syarikat pembeli tembakau telah simpan beratus-ratus juta. Why not kita cuba selesaikan dengan izin perkara ini dengan baik kerana menimbulkan risiko kepada politik khususnya negeri Kelantan.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, oleh sebab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak masuk dalam bajet ini, *[Ketawa]* Ini adalah luar dari perbelanjaan kerajaan tetapi kementerian saya, sentiasa kita ada perbincangan dengan semua pihak yang terlibat dan seperti apa yang Yang Berhormat telah kata Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun sendiri sudah pergi ke sana mengumumkan satu *exit scheme* untuk yang terlibat. Kita akan follow-up dengan program ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini soal penanaman tembakau. Saya mahu tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah wujudnya Lembaga Tembakau Negara yang beroperasi di negeri Sabah dan Sarawak, itu soalan yang pertama. Apakah peranan kalau ada, apakah peranan kementerian pusat terhadap memperkasakan tanaman tembakau di negeri-negeri Sabah dan Sarawak sebab yang beroperasi sekarang di Sabah khasnya adalah daripada syarikat-syarikat persendirian iaitu NTC dan saya tidak pernah nampak wujudnya peranan kerajaan terhadap memperkasakan tanaman-tanaman tembakau di negeri Sabah?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Putatan, di negeri Sarawak kita memang tidak ada tembakau tetapi di negeri Sabah kita ada tetapi kita tidak wujudkan satu pejabat Lembaga Tembakau Nasional di sana. Kalau ada keperluan kita boleh pertimbangkan keperluan tetapi dari segi teknikal LTN boleh bagi latihan dan teori.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan. Adakah benar ini pendapat Setiausaha Parlimen ini yang Sabah tidak ada keperluan untuk tembakau, ini saya minta penjelasan yang betul-betul ikhlas.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Jenis-jenis tembakau yang ditanam di Sabah adalah berbeza dengan apa yang ditanam di Kelantan. Kalau ada keperluan - kita faham sekarang ada lebih ramai petani menanam tembakau di Sabah tetapi kalau ada -dengan izinnya kita akan tubuhkan ia.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini tidak adil Setiausaha Parlimen, tidak adil. NTC semua datang ke sana, memang ada keperluan tetapi mengapa kerajaan sendiri tidak mengambil peranan dan tidak memperkasakan tanaman-tanaman tembakau di negeri Sabah?
[Dewan menjadi riuh seketika]

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Yang Berhormat bagi Putatan, hari ini petani-petani tembakau tiap-tiap tahun dapat satu kuota, dengan kuota itu harganya terjamin kalau kita pada tahun 2010, pada masa itu AFTA akan dikenalkan dan kita akan turun semua perlindungan atau protection cukai import dan pada masa itu kalau kita tidak boleh bersaing dengan tembakau yang kita keluarkan oleh negara asing, kita akan menghadapi banyak masalah. So, apa yang kita...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat minta penjelasan sedikit, daripada penjelasan ini tidak berapa puas hatilah kerana ramai lagi petani yang kecil-kecilan telah berusaha memulakan tanaman tembakau di Ranau, di Tambunan, di Ranau dan di Keningau dan mereka sedang membuat cerut untuk dieksport, jadi ini sepatutnya dan seharusnya pihak kerajaan mengambil peranan yang mendahului dan yang memantau pelaksanaan ataupun projek-projek mengurus atau memantau pengurusan penanaman tembakau di negeri Sabah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat satu kajian

sekali lagi, bukan setakat kajian-kajian melaksanakan satu usaha yang betul-betul membantu petani-petani kecil di negeri Sabah mahupun di Sarawak juga.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan bawa perkara ini ke kementerian dan akan memberi jawapan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Berkenaan dengan tajuk 11100 - Lembaga Minyak Sawit Malaysia, palm diesel, berkenaan dengan palm diesel. Sebenarnya sekali lagi dalam bajet ini tidak terlibat dengan palm diesel tetapi saya boleh memberi sedikit penjelasan sebab nampaknya tajuk ini adalah satu tajuk yang sangat menarik kepada ramai Ahli Yang Berhormat dan saya juga telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri saya, kita akan memberi satu taklimat khas berkenaan dengan palm diesel sebab banyak soalan dibangkitkan kepada kementerian saya adalah terlibat dengan palm diesel.

Satu soalan yang diulangkan banyak kali berkenaan dengan mengapa tiga syarikat sahaja yang terlibat dalam projek palm diesel, sebenarnya kita tidak terhad kepada tiga syarikat tetapi tiga syarikat itu baru-baru ini mereka adalah rakan kerjasama dengan MPOB. Dua pula akan ditubuhkan di Port Klang dan satu di Pasir Gudang. Tiga-tiga buah syarikat-syarikat atau kilang akan ditubuhkan, bukan lagi loji rintis, ini adalah untuk commercialization dan setiap kilang itu akan mengeluarkan 60,000 tan bio-diesel satu tahun dan terlibat lebih kurang 40 juta setiap kilang.

Sebenarnya kita pun telah ada satu dasar kalau tidak silap saya, pada 10 Ogos tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah buat satu pengumuman berkenaan dengan dasar bio-diesel di negara tetapi kita masih akan buat semua detail dan bukti-bukti supaya kita akan cara role out berkenaan dengan bio-diesel polisi ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bahawa bio-diesel adalah satu sektor yang *new growth area*.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh? Izinkan saya Tuan Pengerusi...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sri Gading? Bukan saya?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ya? Terima kasih Yang Berhormat, bio-diesel ini Tuan Pengerusi memang ditunggu-tunggu oleh peladang-peladang dan petani-petani kelapa sawit.

Saya cuma hendak tumpang tanya kalau ada dalam makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau boleh jawab - jawablah, kalau tidak boleh jawab pun tidak mengapa.

Sekarang harga BTB satu tan kelapa sawit lebih kurang antara RM200 hingga RM300. Kalaulah negara kita berjaya mengeluarkan diesel daripada kelapa sawit dan kita doakan ini menjadi projek yang amat berjaya pada masa yang akan datang. Agak-agak satu tan berapa agaknya boleh meningkat harga kerana permintaan sudah meningkat.

Agak-agak YB ada atau tidak maklumat satu tan BTB ini besok berapa agaknya? Kalau adalah jawapannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Sebenarnya kalau kita bila harga CPO RM1,450 satu tan pengeluaran *palm diesel* lebih kurang RM1.74 satu liter. Ini lebih rendah dari *fossil diesel* pada masa sekarang. Ramai Ahli Parlimen telah membangkitkan soalan mengapa kita sudah tunggu selama ini tidak melaksanakan *bio-diesel*.

Masalahnya ekonomi bukan teknologi. Ini disebabkan dahulu minyak mentah cuma USD20 satu tong dan kita punya CPO pun RM1,000 lebih. Kalau harga macam ini, kita tidak boleh lawan dengan minyak mentah. Tetapi hari ini minyak mentah sudah sampai USD60, walaupun dua atau tiga hari ini sudah turun sedikit, kita masih boleh bersaing dengan minyak mentah. Kalau minyak mentah boleh mencapai USD50 satu tong, saya rasa kita boleh bersaing.

Itu juga bergantung kepada harga CPO. Kalau CPO sampai RM2,000 satu tan, *then* formula pun sudah berbeza.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya nampak wujudnya kilang atau *factory* untuk membuat diesel di Semenanjung ini digalakkan oleh kementerian dan saya nampak di Sarawak, usaha ini datang dari kerajaan negeri. Tidakkah kementerian membantu kerajaan negeri untuk mewujudkan lebih banyak lagi kilang untuk membuat *bio-diesel* di Sarawak ataupun di Sabah.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Kementerian saya sentiasa menggalakkan usaha-usaha untuk membangunkan kilang-kilang dan sebagainya. Tetapi kita mesti pandang dari segi ekonomi dan kementerian juga selalu bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya kita boleh dapat satu *win-win situation* untuk keduanya.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini tadi tentang penghasilan *bio-diesel* yang bergantung kepada pelbagai faktor termasuklah faktor kos minyak mineral, iaitu minyak diperolehi daripada bawah batu yang dipam daripada bawah batu yang dikatakan minyak mineral ataupun *crude oil*. Memang bergantung kepada kos itu. Tetapi di dalam dunia ini Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen, selain daripada kos minyak diesel dan juga kos penghasilan *bio-diesel* ini, ada faktor yang lain iaitu faktor alam sekitar.

Itulah sebabnya di *Europe*, mereka memang mahukan *bio-diesel*. Kenapa, kerana perundangan ataupun *Convention Kyoto Protocol* wujud. Oleh kerana syarat-syarat *Kyoto Protocol* ini yang memaksa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak memberi penjelasan kepada Setiausaha Parlimen atau minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Dr. James Dawos Mamit: Saya hendak bagi tahu gambaran dahulu. Lepas itu saya minta penjelasan Tuan Pengerusi. Terima kasih juga ke atas penjelasan itu tadi.

Sebab *Kyoto Protocol*, faktor yang lain. Oleh itu kita ataupun kerajaan mestilah menggalakkan dan kenapa kita hanya membenarkan lagi syarikat yang tiga ini? Kalau kita membenarkan syarikat yang lain. Itulah sebabnya tadi saya mengatakan polisi seharusnya wujud kerana siapakah yang akan memberi lesen, di manakah kilang-kilang ini akan bertempat nanti. Ini semua satu-satunya faktor yang strategik, yang harus diambil kira selain daripada kos bandingan minyak mineral dan *bio-diesel* ini. Terima kasih, mohon penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Saya membangkitkan kos sahaja sebab ditanya oleh Yang Berhormat Sri Gading. Memang ada banyak lagi faktor-faktor. *Kyoto Protocol* adalah salah satu dan selain daripada itu, kita ada banyak faktor macam hasil *yield* dari satu kawasan yang *yield* dan *oil exception rate* juga. Ada banyak faktor. Tetapi untuk satu gambaran yang *simplistic* saya bagi cuma kos pengeluaran.

Yang Berhormat Temerloh apabila minta penjelasan mengatakan *downstream product* tidak berjaya, ini tidak benar sebab negara kita ini selain daripada eksport CPO dan eksport CPO hanya terhad kepada lebih kurang 10 peratus daripada pengeluaran CPO yang kita ada di negara ini dan kebanyakan diproses dan dieksport.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pensiangan bangun.

Tuan Bernard S. Maraat: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya dan mendapatkan penjelasan, sebenarnya kita sudah 20 ataupun 25 tahun *ahead of the other nations pertaining to oil palm industry*, dengan izin.

Saya ingin bertanya sebab kenapa, kita sudah mempunyai gabungan ataupun *joint venture in terms of exporting* kita punya teknologi di luar negara, khususnya di Rotterdam dan di Amsterdam yang perlu kita sentuh hari ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengetahui bahawa apakah perkembangan dari segi persahabatan kita dengan negara-negara asing.

Saya ingin tahu apakah sudah jadi dengan penglibatan kita dengan negara-negara Latin Amerika, yang mana kalau tidak silap saya beberapa tahun dahulu kita telah pun membuat

beberapa tinjauan dan beberapa perbincangan dengan negara-negara Latin Amerika. Apa sudah jadi dengan perkembangan yang sudah berlaku pada masa kini, sama ada kita sudah teruskan dengan apa yang telah kita usahakan itu ataupun masih lagi terbuntu pada ketika ini. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Pensiangan. Apabila syarikat swasta membuat satu keputusan melabur di negara lain, mereka mesti mengambil kira kestabilan politik dan Latin Amerika kestabilan politik adalah salah satu faktor yang sangat penting, dan oleh sebab itu buat masa ini yang saya tahu belum ada syarikat yang menanam kelapa sawit di negara-negara Latin Amerika.

Tadi mungkin ada satu gambaran silap berkenaan dengan tiga syarikat ini. Sebenarnya kita tidak terhad, sesiapa yang berminat boleh membuat permohonan buat kilang biodiesel. Lesen dikeluarkan oleh MITI, bukan Kementerian PPK, tetapi KPPK akan dirujuk oleh MITI untuk memberi sedikit nasihat tentang kesesuaian atau lokasinya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Banyak lagi, nombor satu saja. Kita juga sudah ada dasar dan undang-undang kita sedang dibuat dan kalau tidak ada masalah mungkin dalam sesi Mac tahun depan kita akan bantangkan Akta Biofuel di Parlimen ini untuk kelulusan. Saya berharap semua Ahli Parlimen akan beri sokongan yang kuat pada masa itu.

Yang Berhormat bagi Beluran membangkitkan berkenaan dengan koko. Saya mengakui bahawa keluasan tanaman koko sudah menurun dan sekarang kita ada ambil langkah-langkah untuk menggalakkan pekebun kecil untuk masuk balik ke bidang ini. Saya bagi contoh untuk RMK-9 peruntukan diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil komoditi utama adalah RM83.75 juta untuk koko dan peruntukan tahun 2005 adalah RM11.2 juta dan selepas itu untuk tahun depan dan selanjutnya kita akan memberi galakan.

Berkenaan dengan dana untuk menanam semula (*replanting*)...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen. Sabak Bernam memang sangat berminat tentang tanaman koko ini. Sebab satu masa, kira-kira sepuluh tahun yang lepas, sebenarnya Sabak Bernam telah menjadi salah satu daripada pengeluar tanaman koko yang cukup baik. Tetapi selepas itu harga koko telah turun meredum dan majoriti masyarakat telah pun menebang. Sekarang ini saya ingin bertanya, kita sebagai Ahli Parlimen memang diminta untuk menyebarkan dasar kerajaan yang baik, termasuklah koko. Saya ingin bertanya, bagi satu ekar, kalau di Sabak Bernam biasanya mereka ada tanah antara dua ekar setengah hingga lima ekar. Berapakah kalau tanaman penuh lima ekar itu ditanam oleh koko, pengeluaran bulanan mereka. Dan sekarang ini, di Sabak Bernam umpamanya kelapa sawit yang paling popular, kemudian kalau kawasan bendang maka

padi dan yang popular juga ialah tanaman pisang. Jadi yang dikira ialah keluaran bulanan untuk satu ekar mereka boleh dapat, umpamanya antara RM300 hingga RM400, jadi kalau misalnya lima ekar, mereka boleh ada pendapatan sebulan RM5,000. Dari segi koko ini bagaimana pula agaknya Setiausaha Parlimen.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon maaf, saya tidak ada angka untuk koko. Tetapi saya boleh minta Lembaga Koko Malaysia bagi maklumat yang diperlukan.

Berkenaan dengan benih diberi kepada pekebun kecil. Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan meminta bagaimana ini akan disalurkan. Kita ada satu skim khasnya untuk skim bantuan anak benih sawit berkualiti untuk pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Saya akan hantar maklumat ini kepada Yang Berhormat Beluran dan semua Ahli Berhormat yang berminat boleh minta dari saya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan dengan hasil dari lading...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman, Tuaran bangun

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya pun ada menyentuh perkara tentang benih, bukan sahaja benih tetapi tentang bantuan baja kepada pekebun-pekebun kecil. Jadi saya mahu minta penjelasan sama ada kementerian ada rancangan bukan sahaja hendak membantu dengan pemberian benih tetapi juga baja hinggakanlah sawit itu boleh dijual dan kita boleh memberhentikan bantuan ini nanti dan bolehkah saya diberi *handout* itu nanti?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Saya mohon maaf, saya tidak dapat jawapan untuk soalan itu, tetapi saya akan dapat dari MPOB.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi bercerita tentang peruntukan satu jawatankuasa kabinet berhubung dengan komoditi, koko berapa, RM11juta? Saya ingin tahu untuk apa wang ini, dana ini yang diluluskan oleh jawatankuasa, apa kegunaannya dengan yang dimaksudkan tadi?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Di bawah jawatankuasa kabinet itu kita ada tiga jenis dana yang telah diperuntukkan ini untuk koko, lada hitam dan tembakau. Di bawah RMK-9 telah diluluskan dan sebenarnya kita sudah melaksanakan pada tahun ini.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan berkenaan dasar baru oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa pada tahun 1890an bio diesel telah digunakan. Saya dengan sukacitanya memberitahu bahawa diesel enjin yang pertama menggunakan minyak dari *ground nuts*, ini adalah biodiesel pada masa itu. Apabila kita mengeluarkan *palm diesel* kita akan *palm diesel* itu untuk digunakan dalam negeri dan juga dieksport. Mungkin pada awal-awalnya kita

akan eksport sebab nampaknya sekarang dengan Tokyo Protokol dan sebagainya harga palm diesel atau biodiesel di Eropah sangat tinggi.

Berkenaan dengan hasil satu hektar, 20 tan satu hektar setahun, sebenarnya kita sudah ada satu objektif di mana kementerian kita berharap kita boleh 35 tan satu hektar dengan *oil extraction rate* atau OER 25%. Pada masa ini, *average* adalah 20 tan satu hektar dan 20% OER. Ini bermakna satu hektar satu tahun kita dapat cuma 4 tan minyak sahaja. Tetapi ada ladang-ladang yang boleh dapat sehingga 6 tan minyak satu hektar satu tahun.

Ini sebab ladang-ladang yang lebih besar itu mungkin mereka ada *good agriculture practice* (GAP) dan kita melalui MPOB kita selalu memberi galakan dan latihan kepada pekebun kecil supaya kita boleh menaikkan hasil-hasil ini. Ini 25-25 adalah satu slogan yang kita guna di kementerian kita ini.

Berkenaan dengan Malaysian Timber Industrial Board (MTIB) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong...

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan sedikit. Mengenai hasil pengeluaran kelapa sawit, bolehkah Setiausaha Parlimen beritahu, walaupun kita ingin capai 35 tan satu hektar, apa yang sedang dicapai di Malaysia sekarang adalah dalam lingkungan 20 hektar itu terlampau kurang dan berbanding kepada *smallholders* yang kerap kali 10 ekar dan kurang, pengeluaran mereka adalah kurang daripada 20 tan satu hektar. Apakah galakan atau apakah yang dipastikan oleh kementerian supaya pendapatan mereka dapat dilipatgandakan supaya mereka dapat sekurang-kurangnya 36 tan sehektar?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini adalah melalui latihan yang diberi oleh MPOB dan kita juga galakan pekebun-pekebun kecil bergabung supaya jadi satu kelompok dan supaya *economic of scale* dan *good agriculture practice* yang saya sebut tadi, kita mesti ada jadual untuk *application of* baja dan sebagainya. Kalau tidak, kita tidak akan mencapai hasil yang tinggi.

Sebenarnya bila saya buat satu lawatan ke satu ladang, saya diberitahu mereka boleh capai *potential* 60 tan satu hektar, tetapi mesti dengan *tender and care*. Melalui saintis-saintis di MPOB, kita selalunya mengeluarkan klon yang lebih efisien supaya kita boleh dalam satu saiz kawasan yang sama, kita boleh meningkatkan pengeluaran. Di negara kita ini, tanah tidak banyak lagi. Oleh sebab itu kita mesti meningkatkan *efficiency* dan produktiviti dari tanah yang kita ada. Berkenaan dengan....

Dato' Razali bin Ismail: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, terima kasih. Tadi telah disebut tentang pengeluaran kita itu, saya kira pengeluaran yang banyak pun tidak mendatangkan banyak faedah kalau sekiranya harga di pasaran kita itu rendah sebab ini akan menjejaskan dari segi pendapatan rakyat. Ini juga harus dilihat dari segi senario pasaran semasa. Dari segi naik turun harga, juga dalam

masa yang sama adalah dari segi *supply and demand*, itu satu perkara. Yang satu lagi ialah saingan daripada *vegetable oils* ini. Ini adalah merupakan satu ancaman, saya kira.

Apa strategi-strategi untuk memastikan ia mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat, bukan sekadar kita boleh mengeluarkan 60 tan pada satu hektar, tetapi hendak memastikan harga yang lumayan, yang dapat memberi pendapatan yang lebih baik kepada pengusaha-pengusaha itu?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itu, kita mempelbagaikan kegunaan minyak sawit kita. Kebanyakan sekarang ini digunakan sebagai minyak makan, tetapi kita pun telah ada *downstream industry* seperti *oleo chemical*, *pharmaceutical* dan sebagainya. Dengan kegunaan minyak sawit untuk *bio-diesel*, saya rasa masa hadapan kita terjamin. Kita yakin harga tidak akan turun banyak. Tetapi saya bersetujulah kita mesti sentiasa tengok dan buat *stock management*. Terima kasih.

Berkenaan dengan eksport perabot, kementerian saya menggalakkan satu pameran sahaja untuk 2006, tetapi ini masih sedang dibincangkan. Saya bersetuju pameran antarabangsa adalah satu cara yang terbaik untuk memberitahu kepada dunia pengeluaran kita berkenaan dengan eksport perabot. Tetapi kita juga mesti menjamin kualiti. Apa yang kita kata satu pameran adalah satu pameran antarabangsa tetapi kalau ada pameran domestik, sebenarnya pameran adalah satu kegiatan swasta. Ini bukan diwujudkan oleh kementerian kita tetapi dijalankan macam di luar negeri pun, banyak macam itu. Banyak pameran dijalankan oleh pihak swasta, tetapi kita galakan mereka kalau boleh gabung sekali gus supaya bila pelawat-pelawat atau pembeli perabot dunia datang ke sini tidak ada *confusion*.

Berkenaan dengan pameran oleh syarikat asing dan perabot kos rendah, kementerian saya sentiasa menggalakkan pengilang-pengilang kita *upgrade* kita punya teknologi dan pengeluaran. Kita tidak boleh bersaing dengan negara macam Indonesia, China, Vietnam dan sebagainya. Kalau kita hendak bersaing dengan kos sahaja. Kita mesti naikkan taraf perabot kita. Kalau kita tengok negara Itali, Itali tidak mengeluarkan kayu tetapi Itali adalah negara yang mengeluarkan perabot terbesar di dunia ini. So, macam mana ia boleh capai tahap itu? Kita mesti meningkatkan teknologi, *design* dan *innovation* kita. Oleh sebab itu, kita selalunya ada *workshop*. Kita jemput *designer* yang ternama untuk memberi *workshop* di negara kita ini.

Yang Berhormat bagi Sepanggar membangkitkan...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak memberi jawapan untuk menyenangkan hati para pengusaha SMI yang bimbang bahawa selepas terlaksananya satu pameran sahaja iaitu MIFF, kadar sewa untuk ruang dalam pameran itu

adalah kemungkinan terlalu tinggi dan akan menjejaskan penglibatan SMI dalam pameran yang cuma satu itu di peringkat antarabangsa. Jadi, sama ada kementerian akan memastikan kadar yang akan ditetapkan mampu dibayar oleh pengusaha kecil dan sederhana.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih. Pameran adalah dilaksanakan oleh syarikat swasta dan kalau kita ikut kriteria, satu pameran dianggap sebagai satu pameran antarabangsa, kita mesti ada beberapa *percent*. Ini adalah satu *guideline* dari MITI. Kita mesti ada *international content*. Kalau tidak, pameran ini tidak dianggap sebagai satu pameran *international*.

Berkenaan dengan sewa, oleh sebab ruang untuk pameran adalah terhad, ini terpulang kepada syarikat yang menganjurkan pameran itu. Saya tidak tahu macam mana kita boleh hadkan sewa yang dicaj oleh syarikat, tetapi kita sentiasa berbincang dengan syarikat swasta itu supaya kita jangan *price ourselves out of the market*, dengan izin.

Berkenaan dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar, saya bersetujulah sekarang harga getah baik dan oleh sebab itu semua pekebun kecil, pendapatan mereka sudah naik banyak. Kerajaan ada satu skim di mana kita minta bila pekebun kecil atau ladang-ladang yang menanam semula, kita sudah memastikan satu *hacterage* yang perlu ditanam balik dengan getah tidak boleh ditukar kepada kelapa sawit dan sebagainya. Dengan sistem itu, saya rasa kita bolehlah menjamin keluasan tanaman getah yang kita ada.

Yang Berhormat Sepanggar juga membangkitkan berkenaan (*Malaysian Timber Industry Board (MTIB)*) berkenaan dengan kekurangan balak pada masa hadapan. Kita juga telah mengambil langkah-langkah supaya kita ada hutan ladang hutan (*forest plantation*). Kita telah mendapat kelulusan daripada EPU dan buat masa ini kita masih berbincang dengan bukti-bukti macam mana kita akan laksanakan ini. Mungkin kita akan mula-mulanya menggunakan satu klon yang baru dari LGM bernama *latex timber clone* di mana kita boleh dapat banyak latex dan juga dalam masa 15 tahun, pokoknya pun besar dan kita boleh menghasilkan *timber* atau balak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru masuk, apa hendak tanya? [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya *monitor* dari luar Tuan Pengerusi. Saya teringat ada satu soalan yang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: kalau saya tidak tanya, saya tidak boleh tidur malam ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat berkenaan dengan tanaman semula pokok-pokok *timber* ataupun kayu-kayu balak ini. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, sejauh manakah janji-janji pembalok-pembalok ini ataupun pihak kementerian

memonitorkan penanaman semula pokok-pokok untuk menggantikan kayu-kayu balak yang telah ditebang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang bincang berkenaan pokok getah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, pokok getah. Itu satu. Kayu balak pun macam itu Tuan Pengerusi. Pokok getah pun lebih kurang sebab masa sekarang ini kita banyak menggunakan kayu getah dan sekarang ini kita pun kekurangan kayu getah. Apakah Kementerian Yang Berhormat boleh memonitorkan perjalanan tanaman semula kerana harga getah sudah meningkat. Sekarang ini getah sekerap pun kalau jatuh atas jalan, mereka brek ambil sebab nilai harga. Dahulu getah sekerap orang tidak mahu.

Adakah pihak Kementerian akan memonitorkan supaya komoditi ini tidak menurun kerana pasaran sekarang ini baik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Betulkah Yang Berhormat?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Lebih kurang 80% perabot yang kita eksport adalah diperbuat daripada kayu getah. Oleh sebab itu kita ambil berat tentang *supply* bekalan kayu getah dan kita ada skim. Lembaga Getah Malaysia telah membuat suatu *survey* di mana kita boleh tanam getah dan di mana yang tidak dapat kita tanam dengan getah. Dengan skim tanaman semula, kita boleh kawal. Kalau di kawasan yang kita tidak membenarkan tanaman lain, kita tidak bagi geran dan sebagainya dan pinjaman. Dengan cara itu, mungkin kita boleh kawal. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Ada lagi lada hitam belum dijawab.

Tuan Ng Lip Yong: Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Lada hitam, jemaah lada hitam.

Tuan Ng Lip Yong: Lada hitam.

Dr. James Dawos Mamit: Hah, ya.

Tuan Ng Lip Yong: Mohon maaf ya? Yang Berhormat Mambong juga membangkitkan berkenaan dengan lada hitam dengan penubuhan Lembaga Lada Hitam Malaysia. Kementerian saya sedang berbincang dan kita sudah ada draf Akta supaya kita menubuhkan suatu Lembaga Lada Hitam dan saya berharap tidak lama lagi kita akan mendapat hasilnya.

Tuan Pengerusi, dengan jawapan-jawapan itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah membangkitkan perkara-perkara tentang KPPK dan mungkin ada perkara yang dibangkitkan saya tidak dapat menjawab di sini, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya nampak semua dijawab.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM135,326,900 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM135,326,900 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM101,500,000 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM101,500,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.21 [Jadual] –
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2006] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ledang.

5.27 ptg

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan hanya menjurus kepada Butiran 040000 – Perikanan yang berkaitan dengan nelayan, sebab di Ledang ada nelayan walau pun kecil.

Tuan Pengerusi, perkara pertama ialah saya menerima aduan semenjak akhir-akhir ini terutamanya tahun 2005, harga peralatan nelayan sering meningkat. Contohnya jaring udang, bagi sekeping jaring, tahun ini sahaja telah meningkat daripada RM21 kepada RM27. Ini adalah jaring udang nelayan yang digunakan oleh nelayan-nelayan yang terdiri daripada mereka yang duduk di tepi sungai, di tepi laut, bukan nelayan laut dalam, mereka terdiri daripada nelayan-nelayan yang miskin dan sebagainya. Mereka membuat aduan tentang harga barang atau peralatan nelayan yang meningkat. Begitu juga pelampung jala. Jika dahulu, satu biji harganya sembilan sen sekarang sudah meningkat kepada 13 sen, sedangkan pelampung ini sering rosak dan sebagainya.

Begitu juga enjin bot nelayan. Jika tahun lepas harganya untuk 15 kuasa kuda ialah RM3,700 sekarang telah pun meningkat kepada RM4,500 iaitu satu pertambahan yang saya fikir banyakkah, terutama bagi nelayan-nelayan yang tinggal di pesisiran sungai atau pantai dan sebagainya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bantuan tsunami kepada nelayan-nelayan, bot-bot seperti Yang Berhormat katakan tadi sudahlah harga pun mahal, bila mereka lepas dalam laut Tuan Pengerusi, tidak tahan berapa hari, bot itu pecah. *Direpair* pula, pecah pula. Adakah Yang Berhormat Ledang ingin memberitahu Dewan dan juga kementerian supaya melihat bot-bot yang hendak diberikan sebagai bantuan ini mestilah bot-bot yang boleh diguna dan bukan yang merosakkan dan meragut nyawa nelayan-nelayan yang sudah hidup susah ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih kekanda saya Yang Berhormat Jerai.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa saya gajah mahu kacau?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, ada dua perkara. Pertama dari segi harga. Harganya meningkat daripada RM3,700 kepada RM4,500 sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Kedua, enjin bot yang diberi ataupun yang dibantu oleh pihak LKIM sama ada kepada mangsa *tsunami* dan juga mereka yang layak mendapatnya, ada juga kita terima aduan ia tidak tahan lama ataupun gagal berfungsi apabila sampai di tengah laut. Nasib baik bot itu hanya untuk aktiviti nelayan di pesisiran pantai, bukannya di tengah lautan. Kalau di tengah lautan, saya rasa malang bagi mereka.

Tuan Pengerusi, jika ini yang berlaku saya fikir hasrat kerajaan yang murni tidak dapat mencapai sasaran yang sewajarnya, hanya kerana masalah pelaksanaan. Saya fikir perkara yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai tadi perlu mendapat perhatian daripada semua pihak.

Tuan Pengerusi, saya bercakap tentang nelayan tadi juga merangkumi soal nasib nelayan-nelayan yang miskin. Nasib nelayan-nelayan yang umpama 'hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Jika petani-petani yang tinggal di kampung dan sebagainya dahulu ada skim FELDA, ada skim FELCRA, mereka dapat diberi peluang ditempatkan di FELDA ataupun mereka diberikan peluang memiliki saham FELCRA dan sebagainya, bagaimana pula dengan nasib nelayan-nelayan yang miskin ini. Mereka tidak ada peluang untuk memasuki skim FELDA, memasuki skim FELCRA dan sebagainya. Kalau mereka masuk FELDA pun mereka tidak ada pengalaman dalam bidang pertanian. Yang mereka tahu adalah mereka bekerja sebagai nelayan. Kalau mereka perlu menangkap udang, mereka tangkap udang. Kalau mereka perlu menangkap ikan, mereka tangkap ikan dan sebagainya.

Saya berfikir mungkin Jabatan Pertanian boleh menggunakan kepakaran masing-masing dengan mengumpulkan segala kepakaran ekonomi yang ada di dalam negara Malaysia supaya satu skim yang lebih kurang sama dengan FELDA ataupun FELCRA. Mungkin perkara ini boleh difikirkan. Mungkin boleh dibuat satu skim saham-saham yang tertentu bagi perusahaan ikan laut dalam ke, ikan laut dalam sederhana ke supaya nasib nelayan juga dapat dibela

sebagaimana nasib para petani, nasib orang-orang kampung yang sekarang ini telah pun mendapat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, sila gulung.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: kerjasama atau mendapat limpahan nikmat daripada skim FELDA dan FELCRA *[Disampuk]*.

Tuan Pengerusi, kalau nelayan diberikan skim saya sebegini, saya fikir pertanian kita dapat selesai kerana kita sudah ada FELDA dan FELCRA. Nelayan kalau ada skim yang sebegini namanya mungkin kalau nelayan kalau ada FELDA ada FELCRA mungkin namanya yang berkaitan dengan nelayanlah. Saya fikir suatu masa nanti nelayan-nelayan yang terdiri daripada mereka yang boleh dikatakan miskin, bukan nelayan-nelayan yang Sebab Tuan Pengerusi, yang kita nampak nelayan ini yang saya terfikir jikalau kita bercakap tentang nelayan adalah nelayan-nelayan yang duduk di pesisiran pantai, sungai dan sebagainya yang mengusahakan penangkapan ikan di lautan dalam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah. Boleh gulunglah.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Eh, belum lagi. Banyak lagi. Ada dua tiga perkara lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit pun sudah dekatlah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tidak mengapalah, saya simpulkan kepada nelayan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, kalau skim ini dapat kita adakan, nasib nelayan-nelayan keseluruhannya yang terdiri daripada mereka yang miskin dapat kita bela sebagaimana seperti yang telah saya sebutkan tadi, petani-petani ataupun orang-orang kampung yang telah mendapat kemudahan ataupun nikmat daripada program FELDA dan FELCRA sebagaimana yang sekarang ini sedang berlaku.

Mungkin insya-Allah pada masa yang akan datang seperti Mawi yang datangnya dari kawasan Tuan Pengerusi (Kulai) akan lahir daripada anak-anak nelayan seperti yang berlaku ke atas anak FELDA. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah. Kita boleh sambung besoklah.

[Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.